



# JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

## LAPORAN TAHUNAN 2017 ANNUAL REPORT

*Peneraju Transformasi  
Perkhidmatan Awam*







*PENERAJU*  
**TRANSFORMASI**  
*PERKHIDMATAN AWAM*

*Laporan Tahunan*  
**Jabatan Perkhidmatan Awam**  
*Annual Report*

**2017**

# *Kandungan*

## *Contents*

<b>viii</b>	<b>PERUTUSAN KPPA</b> <i>KPPA'S MESSAGE</i>	
<b>1</b>	<b>PROFIL KORPORAT</b> <i>CORPORATE PROFILE</i>	
2	Carta Organisasi <i>Organisational Chart</i>	
4	Visi, Misi & Moto <i>Vision, Mission &amp; Motto</i>	
5	Piagam Pelanggan <i>Client's Charter</i>	
		<b>7</b> <b>TRANSFORMASI</b> <b>PERKHIDMATAN AWAM</b> <i>PUBLIC SERVICE</i> <i>TRANSFORMATION</i>
8	Pengenalan TPA <i>TPA Introductions</i>	
14	<b>TRANSFORMASI NASIONAL 20150 (TN50)</b> <i>National Transformation 2050 (TN50)</i>	
28	Negaraku	
35	Hala Tuju Pengurusan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam ke Arah TN50 <i>Public Service Human Resources Management's</i> <i>Direction towards TN50</i>	
37	Kembara Transformasi Perkhidmatan Awam <i>Public Service Transformation Roud Tour</i>	

<b>39</b>	<b>JABATAN PERKHIDMATAN AWAM 2017</b> <i>PUBLIC SERVICE DEPARTMENT 2017</i>
<b>40</b>	<b>Pelaksanaan Program &amp; Aktiviti</b> <i>Implementation of Programs &amp; Activities</i>
<b>141</b>	<b>Anugerah dan Pengiktirafan</b> <i>Awards and Recognition</i>
<b>151</b>	<b>Prestasi Kewangan &amp; Audit</b> <i>Financial Performance &amp; Audit</i>
<b>154</b>	<b>Pameran &amp; Media</b> <i>Exhibitions &amp; Media</i>
<b>162</b>	<b>Penerbitan JPA</b> <i>JPA Publications</i>
<b>164</b>	<b>Kajian JPA</b> <i>JPA Researches</i>

## **170 | DIARI KORPORAT JPA** *JPA'S CORPORATE DIARY*

<b>180</b>	<b>Punca Kuasa</b> <i>Provisions</i>
<b>182</b>	<b>Senarai Pekeliling, Surat Pekeliling &amp; Surat Edaran</b> <i>List Of Circulars, Circular Letters &amp; Circulated Letters</i>



**“Effective and efficient delivery** Perkhidmatan Awam bukan sahaja menjadi slogan pada tahun ini (2017), tetapi saya tahu pasti bahawa, ia telah menjadi iltizam sejak sekian lama kepada perkhidmatan ini,... apa yang penting ia mesti terus diperkasakan lagi.

Jadinya, Pengukuhan dan Pemerksaan Perkhidmatan Awam harus bertumpu dengan menjadikan Perkhidmatan Awam yang lebih berfokus kepada Rakyat, inklusif, dengan penyertaan komuniti dan berbudaya kerja serta perkhidmatan *par excellence* dan mempunyai nilai-nilai murni yang membawa kepada keutuhan organisasi. **”**

*“Effective and efficient delivery Public Service is not only the slogan for the year 2017 but I am very certain that it has been a long-term commitment of the service, ... what is important is that it should be continuously empowered. Therefore, the strengthening and empowerment of the Public Service should focus towards making Public Service more people-centric, inclusive, with community participation, good work culture as well as service par-excellence and with moral values that bring forth organisational stability. ”*

**Dato' Sri Mohd Najib bin  
Tun Abdul Razak**  
Perdana Menteri Malaysia  
*Prime Minister of Malaysia*  
Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan  
Awam Ke-15 (MAPPA XV)  
*15th Civil Service Premier  
Assembly (MAPPA XV)*  
*3 October 2017*



**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi**  
Timbalan Perdana Menteri Malaysia  
*Deputy Prime Minister of Malaysia*

Majlis Persidangan Psikologi Modal Insan  
*Human Capital Psychology Conference*  
9 October 2017

**“**Dalam dunia yang dicorakkan oleh landskap ketidaktentuan dan diasak gelombang cabaran silih berganti, peranan tenaga kerja Malaysia menjadi lebih mencabar dan kompetitif berbanding sebelumnya. Harapan dan tuntutan dari segenap pihak ke atas prestasi dan pencapaian perkhidmatan semakin lantang dilontarkan, manakala palang prestasi penyampaian perkhidmatan yang perlu dilangkaui juga telah menjadi semakin tinggi.

Berhadapan dengan pelbagai mehnah dan tribulasi ini, Program Transformasi Kerajaan (GTP) adalah satu-satunya penyelesaian yang memberi pengharapan baharu. Justeru, seluruh penyedia perkhidmatan termasuk awam dan swasta perlu memartabatkan tadbir urus terbaik dan meniup semboyan penyampaian perkhidmatan terbilang demi mensejahtera kehidupan Rakyat dan memartabatkan nama negara di peringkat global.

*“In a world where the landscape is fraught with uncertainty and subject to endless waves of trials, the role of the Malaysian workforce has become increasingly challenging and competitive. The hopes and demands from various parties on service performance and achievements have been increased while the benchmark to service delivery that we need to surpass has become so significant.*

*Facing these challenges and trials, the Government Transformation Programme (GTP) is our only solution that gives us new hope. For this reason, all service providers whether Government or private should strive to create and produce the best possible governance and provide exemplary service for the betterment of the people and to uplift the nation’s name to a global standing. ”*

**Tan Sri Dr. Ali Hamsa**

Ketua Setiausaha Negara  
*Chief Secretary to the Government*

Memperkuuh Transformasi  
Perkhidmatan Awam Edisi ke-4  
*Strengthening the Transformation of  
the Public Service 4th Edition*  
20 October 2017

“ Kementerian/Agensi Kerajaan juga lebih *people centric* dengan memasukkan pandangan dan perspektif Rakyat dalam membuat dasar dan penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Hubungan Rakyat dengan Penjawat Awam akan bertambah baik dan lancar apabila terdapat perasaan saling hormat menghormati dan dengan adanya pertimbangan antara pihak-pihak yang terlibat dalam mencapai tujuan yang sama.

*High quality leadership* adalah kritikal dalam Kementerian/Agensi Kerajaan bagi mencapai kecemerlangan perkhidmatan. Penjawat Awam digalakkan untuk terus berusaha menerapkan nilai-nilai murni kepada Rakyat melalui perkhidmatan yang disampaikan. Saya selalu mengingatkan para Penjawat Awam di pelbagai peringkat untuk memahami peranan yang dimainkan di Kementerian/Jabatan masing-masing dan perlu ada perasaan *personal ownership* dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik. ”

*“The Ministries / Government Agencies are becoming more people-centric by incorporating the people’s thoughts and perspectives in policy making and in the delivery of services. The relationship between the Rakyat and Public Servants will improve and thrive when there is mutual respect and understanding between them as they march towards the same goals.*

*High quality leadership is critical in Ministries / Government Agencies to attain service excellence. Public Officers are encouraged to continuously endeavour in incorporating moral values into the services provided to the Rakyat. I always remind all the Public Officers of various levels to understand the roles of their respective Ministry / Department and to have a sense of personal ownership in providing the best service.”*



**Tan Sri Zainal Rahim Seman**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

*Director General of Public Service (KPPA)*

Program Talent Acceleration In

The Public Service (TAPS)

*Talent Acceleration In The Public*

*Service Programme (TAPS)*

24 March 2017

“ Meraikan Perbezaan, Mengukuhkan Persamaan - berlandaskan semangat kekitaan atau *camaraderie*, semua Agensi Kerajaan perlu bergerak sebagai satu entiti, membuang mentaliti silo dan berkongsi sumber, pengetahuan serta kepakaran dalam menjayakan agenda transformasi negara. ”

“Diversity, Strengthening Similarities – driven by the spirit of camaraderie, all Government Agencies must advance as a single entity, eliminating any silo mentalities and to always share their resources, knowledge as well as expertise in order to make the nation’s transformation agenda a phenomenal success.”

# Perutusan KPPA

## *Director General of Public Service's Message*

*'Semestinya, landskap pemikiran Penjawat Awam berubah secara total bagi menghadapi cabaran megatrends dan Industrial Revolution*

*4.0. Ternyata acuan pembentukan negara bangsa perlu memiliki minda 'par excellence'.*

---

**TAN SRI ZAINAL RAHIM SEMAN**  
**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam**  
*Director General of Public Service*

***Assalamualaikum WBT dan Salam Negaraku : Satu Malaysia.***

**M**alaysia adalah sebuah negara yang terus cemerlang, berdaulat, maju dan berwawasan di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Justeru melangkah ke hadapan, YAB Perdana Menteri telah memberi fokus Tahun 2017 sebagai 'Tahun Penyampaian' (*Year of Delivery*) dengan menyarankan supaya diperkuatkan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam. Pertumbuhan KDNK secara purata pada tahap 5.9% bagi Tahun 2017, berupaya menunjukkan pencapaian negara dalam memperkuatkan pertumbuhan ekonomi.

*Malaysia is a visionary nation that progresses in excellence, prosperity and sovereignty under the leadership of the Prime Minister of Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Moving forward, the Prime Minister had made the focus of 2017 to be the Year of Delivery, calling to strengthen the Public Service delivery system. Our GDP had grown by an average of 5.9% in 2017, proving the country's achievement in strengthening its economic growth.*



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA





JPA

Sememangnya, Perkhidmatan Awam mempunyai peranan penting memacu pertumbuhan ekonomi melalui sistem tadbir urus yang cekap dan berkesan. Perkhidmatan Awam perlu sentiasa bergerak pantas dan mencipta ruang penambahbaikan secara kreatif bagi memastikan peningkatan produktiviti di sektor awam. Pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dan gagasan Transformasi Nasional 2050 (TN50) telah memberikan nafas baharu yang bersifat holistik dan inklusif bagi memata perancangan dan visi strategik negara bagi tempoh 30 tahun.

*Certainly, the Public Service has a critical role in driving economic growth through an efficient and effective governance system. The Public Service needs to be constantly agile as it invents creative improvements to ensure continuous increment in productivity in the public sector. The National Blue Ocean Strategy (NBOS) approach and the National Transformation 2050 agenda (TN50) has provided a holistic and inclusive fresh air to chart the nation's strategic planning and vision for the next 30 years. Of course, the landscape of the Public Servants' mind needs to be completely transformed to face megatrends and the Industrial Revolution 4.0 challenges.*

Semestinya, landskap pemikiran Penjawat Awam berubah secara total bagi menghadapi cabaran *megatrends* dan *Industrial Revolution* 4.0. Ternyata acuan pembentukan negara bangsa perlu memiliki minda '*par excellence*'. Menelusuri aspirasi ini, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah melaksanakan pelbagai inisiatif memperkasa sumber manusia Perkhidmatan Awam. Penjawat Awam termasuklah di JPA digesa untuk meningkatkan *output* dengan berkesan memastikan keberolehan *impressive results*.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih dan merakamkan penghargaan kepada seluruh warga JPA atas komitmen yang diberikan pada setiap masa dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada Rakyat dan negara.

Semoga Tahun 2018 yang merupakan tahun kejayaan cemerlang yang membawa *impressive results* bersesuaian dengan slogan 'Peneraju Transformasi Perkhidmatan Awam' demi Negaraku Malaysia yang tercinta.

Sekian, wassalam.

*Unquestionably, a mentality *par excellence* is exactly what we need to sculpt a nation state. With such aspiration, the Public Service Department (JPA) had implemented various initiatives to empower the human resources of the Public Service. In that regard, public officers including JPA staff are urged to effectively increase their output to ensure impressive results.*

*I would like to thank and convey my utmost gratitude to the entire JPA staff for their continuous commitment in providing the best service to the people and the country.*

*Hopefully 2018 would be a year of excellence and success that brings impressive results in keeping with the slogan 'Driving Public Service Transformation' for our beloved Malaysia.*

*Thank you and wassalam.*

"**PENYAMPAIAN Perkhidmatan Awam TERBAIK**"

**TAN SRI ZAINAL RAHIM SEMAN**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

*Director General of Public Service*





# PROFIL KORPORAT

---

*Corporate Profile*

CARTA ORGANISASI  
*Organisational Chart*

VISI, MISI & MOTO  
*Vision, Mission and Motto*

PIAGAM PELANGGAN  
*Client's Charter*

# Carta Organisasi

## *Organisational Chart*

Pengurusan Tertinggi  
Jabatan Perkhidmatan Awam

*Top Management*  
*Public Service Department*



**TAN SRI ZAINAL RAHIM SEMAN**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
*Director-General Of Public Service*



**DATUK DR. ROSE LENA LAZEMI**  
Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)  
*Director Of National Institute Of Public Administration*



**DATO' SUHAIME MAHBAR**  
Pengarah Bahagian Penyelidikan Perancangan dan Dasar  
*Director Of Research, Planning and Policy Division*



**NORAZMI MOHD NARAWI**  
Penasihat Undang-Undang  
*Legal Advisor*



**SAMSINAR MD YUSOFF**  
Ketua Unit Audit Dalam  
*Head Of Internal Audit Unit*



**JAAFAR JANTAN**  
Ketua Unit Komunikasi Korporat  
*Head Of Corporate Communications Unit*



**ASRUL SHAH RAZALI**  
Ketua Unit Integriti  
*Head Of Integrity Unit*



**DATO' MOHTAR MOHD ABD RAHMAN**  
Timbalan Ketua Pengarah  
Perkhidmatan Awam (Pembangunan)  
*Deputy Director-General of Public  
Service (Development)*



**DATUK DR. ROSSLLINA  
AHMAD MOKHTAR**  
Pengarah Bahagian  
Pembangunan Modal Insan  
*Director Of Human Capital  
Development Division*



**DATUK ABDUL JAMIL  
ABDUL HALIM**  
Pengarah Bahagian Saran  
*Director Of Remuneration  
Division*



**DATUK NORIDAH  
ABDUL RAHIM**  
Pengarah Bahagian  
Perkhidmatan  
*Director Of Service Division*



**MOHAMAD FAUZI MD. ISA**  
Pengarah Bahagian  
Pembangunan Organisasi  
*Director Of Organisational  
Development Division*



**DATO' NOR INCHUN MOHAMED SALLEH**  
Timbalan Ketua Pengarah  
Perkhidmatan Awam (Operasi)  
*Deputy Director-General Of Public  
Service (Operations)*



**TEOH KIAN HOW**  
Pengarah Bahagian  
Pasca Perkhidmatan  
*Director Of Post-Service  
Division*



**DATO' DR. GEORGE PARTICK  
@ MARIMUTHU**  
Pengarah Bahagian  
Transformasi Sektor Awam  
*Director Of Public Service  
Transformation Division*



**DATUK DR. RUIZATI  
MIOR AHAMAD ARIFFIN**  
Pengarah Bahagian  
Pengurusan Psikologi  
*Director Of Psychology  
Management Division*



**DATUK MOHD DANIAL  
MA'ALIP**  
Pengarah Bahagian Pembangunan  
dan Pengurusan Maklumat Strategik  
*Director Of Development and  
Management Of Strategic  
Information Division*



**ABDUL HALIM HAMZAH**  
Pengarah Bahagian  
Khidmat Pengurusan  
*Director Of Service  
Management Division*



# Kami berjanji

## We promise

- Menyediakan perkhidmatan kaunseling individu kepada anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja** dari tarikh penerimaan permohonan tertakluk kepada persetujuan klien.

*Provide individual counselling service to Federal Public Officers within **three (3) working days** from the receipt date of application subject to the client's consent.*

- Memastikan **sekurang-kurangnya 95%** inisiatif Transformasi Perkhidmatan Awam (TPA) dikemaskini pada setiap bulan.

*Ensuring **at least 95%** of Public Service Transformation initiatives (TPAs) will be updated monthly.*

- Melaksanakan penawaran penajaan dalam tempoh **14 hari** selepas kelulusan Pengurusan.

*Implementing sponsorship offers within **14 days** after management approval.*

- Memberi konsultasi penyusunan semula organisasi dan pengukuhan perjawatan dalam masa **(4) minggu** dari tarikh permohonan diterima.

*Provide consultation on organisational restructuring and post consolidation within **4 weeks** from the date of application.*

- Memastikan fail permohonan Pemberian Taraf Berpencen (PTB) yang lengkap diproses dan diluluskan dalam tempoh **21 hari** daripada tarikh penerimaan tertakluk kepada telah genap tempoh selama tidak kurang daripada tiga (3) tahun perkhidmatan yang boleh diambil kira.

*Ensuring that completed Pension Status Provision (PTB) application is processed and approved within **21 days** from the date of receipt subject to due period of not less than three (3) years of relevant service.*

- Memastikan urusan hal ehwal perkhidmatan (pelantikan secara kontrak, pertukaran sementara, peminjaman dan pertukaran tetap, perakuan kenaikan pangkat/tatatertib (penentuan Pengerusi)) dilaksanakan dan diselesaikan dalam tempoh **satu (1) bulan** dan urusan pemangkuhan bagi pegawai-pegawai Gunasama dilaksanakan dalam tempoh **dua (2) bulan** dari tarikh pemakluman /iklan dikeluarkan.

*Ensuring all service affairs (contract appointments, temporary exchanges, secondment and permanent exchanges, promotion/ disciplinary actions (determined by the Chairman) are executed and resolved within **one (1) month** and acting appointments for Shared Service officers are exercised within **two (2) months** from the date of notifications/notice issued.*

- Menguruskan sesi libat urus di peringkat kebangsaan melalui Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) dan bersama Kepimpinan Persatuan / Kesatuan Sekerja Sektor Awam **sekurang-kurangnya sekali setahun.**

*Conducting national-level engagement sessions through the National Joint Council (MBK) and jointly with the Leaderships of Public-Sector Workers' Associations / Unions **at least once a year.***

- Memastikan **sekurang-kurangnya 80%** kursus / latihan yang dilaksanakan di INTAN memberi impak positif kepada peserta berdasarkan skor purata penilaian 5.5 pada skala 1 - 7 daripada penilaian mereka di ITIMS.

*Ensuring that **at least 80%** of the courses / exercises executed at INTAN to give a positive impact on the participants based on the average rating score of 5.5 on a scale of 1 - 7 from their evaluation at ITIMS.*

- Memastikan tahap ketersediaan aplikasi maklumat sumber manusia dan tahap ketepatan data Penjawat Awam **sekurang-kurangnya 95%** dan tahap ketersediaan capaian portal JPA **sekurang-kurangnya 97%.**

*Ensuring readiness level of human resource information applications and the level of accuracy of the Public Servant data by **at least 95%** and the readiness level of JPA portal access by **at least 97%.***

- Memastikan **sekurang-kurangnya 95%** daripada keseluruhan tuntutan dan bayaran bil dibayar dalam tempoh **7 hari** dari tarikh dokumen lengkap diterima.

*Ensure that **at least 95%** of total claims and bill payments are paid within **7 days** from the date of receipt of complete documents.*

- Semua aduan diberi Akuan Penerimaan dalam masa 1 hari bekerja dan dikemukakan maklum balas dalam masa **7 hari** bekerja.

*All complaints are given a Proof of Receipt within 1 working day and a feedback within **7 working days.***

# Piagam Pelanggan

## Client's Charter





# TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM (TPA)

---

*Public Service Transformation (TPA)*

---

PENGENALAN TPA  
*TPA Introductions*

TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50)  
*National Transformation 2050 (TN50)*

NEGARAKU

HALA TUJU PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
PERKHIDMATAN AWAM KE ARAH TN50  
*Public Service Human Resources  
Management's Direction towards TN50*

KEMBARA TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM  
*Public Service Transformation Road Tour*

# TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM (TPA)

## PUBLIC SERVICE TRANSFORMATION (TPA)

### Pengenalan TPA

#### i. Maklumat asas berkaitan TPA

Transformasi Perkhidmatan Awam (TPA) telah diperkenalkan pada tahun 2013 bagi menyokong misi dan visi nasional dalam mencapai negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Ianya diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan sokongan padu sektor awam agar dapat memanifestasikan keberhasilan bagi meningkatkan keselesaan dan kesejahteraan Rakyat.

Agenda TPA ini mula dilaksanakan di JPA yang kemudiannya diperluaskan keseluruhan Kementerian/Agensi pada tahun 2015. Berpandukan kepada Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam (KTPA) yang ditunjangi oleh lima (5) Teras Strategik, TPA dilaksanakan bagi menjadikan Perkhidmatan Awam yang berprestasi tinggi, berintegriti, dinamik dan berjiwa Rakyat.

Ini seiring dengan kehendak semasa yang amat memerlukan Perkhidmatan Awam berganjak ke satu paradigma baharu dalam menyampaikan perkhidmatan kepada Rakyat.

TPA dilaksanakan melalui pendekatan yang holistik yang merangkumi keseluruhan sektor awam bagi memastikan perkhidmatan Kerajaan mampu memberikan impak yang signifikan dan berupaya meningkatkan kesejahteraan Rakyat. TPA juga dilaksanakan secara kolaborasi strategik di antara Agensi Kerajaan dan pihak berkepentingan seperti badan bukan Kerajaan (NGO) dan swasta bagi mengoptimumkan sumber dan menjimatkan kos.

### Introduction to TPA

#### i. TPA at glance

*The Public Service Transformation (TPA) was introduced in 2013 to support the national mission and vision towards becoming a high-income developed nation by 2020. TPA led by the Public Service Department (JPA), fully supported by the Public Sector, will manifest in the improvement of the Rakyat's comfort and wellbeing.*

*The TPA Agenda was first implemented in JPA which was later expanded to all Ministries / Agencies in 2015. Based on the Public Service Transformation Framework (KTPA) upheld by five (5) Strategic Thrusts, the TPA is implemented to ensure a Public Service that is high-performing, trustworthy, dynamic and people-centric.*

*This is in tandem with the current demands for the Public Service to shift to a new paradigm in delivering its services to the Rakyat.*

*TPA's implementation adopts a holistic approach that encompasses the entire public sector to ensure Government delivery services that give significant impacts to the well-being of the Rakyat. TPA is also implemented through strategic collaborations between all sectors (public, private and non-Governmental organisations) to optimize resources and to save costs.*

*The enculturation of the TPA among civil servants is given due attention through continuous transitional management to ensure creativity and innovation among Public Servants are translated into efficient and effective service delivery.*

Pembudayaan TPA dalam kalangan Penjawat Awam juga terus diberi perhatian melalui pengurusan perubahan berterusan bagi memastikan kreativiti dan inovasi Penjawat Awam diterjemahkan melalui penyampaian perkhidmatan yang lebih efisyen dan efektif.


### Statistik Pelaksanaan TPA 2013 - 2017

*TPA Implementation Statistics 2013 – 2017*



### Keberhasilan Inisiatif Transformasi Berimpak Tinggi

*High-Impact Transformation Initiative Achievements*



### 1. Nilai kepada Golongan Sasar

- Menjana/meningkatkan pendapatan
- Keselesaan/Kesejahteraan

### 2. Peningkatan Produktiviti

- Kos efektif
- Kecekapan/keberkesanan perkhidmatan

### 3. Kepelbagaiannya Saluran Perkhidmatan

- Perkhidmatan digital dan teknologi terkini
- Perkhidmatan dalam talian

### 4. Produk/Perkhidmatan Baharu

- Memperkenalkan produk/perkhidmatan baharu

### 5. Model Baharu Penyampaian Perkhidmatan

- Keterlibatan komuniti
- Perluasan jangkauan perkhidmatan
- Pemerkasaan komuniti
- Kolaborasi strategik

### 1. Value to Target Group

- Generate / increase revenue*
- Comfort / Wellbeing*

### 2. Increased Productivity

- Cost-effective*
- Service efficiency / effectiveness*

### 3. Service Channel Diversity

- Digital services and state-of-the-art technology*
- Online services*

### 4. New Products / Services

- Introducing new products / services*

### 5. New Service Delivery Model

- Community engagement*
- Service expansion*
- Community empowerment*
- Strategic collaboration*

## Pendekatan TPA 2.0

*TPA 2.0 Approach*

Transformasi  
Perkhidmatan Awam

TPA 2.0

Logo TPA 2.0

## **1. D.I.Y (*Do It Yourself*)**

- Memperkasakan kemahiran & pengetahuan mengenai transformasi dalam kalangan warga Kementerian/Agensi
- Menginstitusikan TPA melalui pengwujudan struktur/agenda transformasi
- Melaksanakan pengurusan perubahan
- Menyebarluaskan program transformasi di seluruh perkhidmatan awam
- Membudayakan transformasi dalam menyampaikan perkhidmatan
- Libat urus dengan *stakeholder* secara berterusan
- Melaksanakan pemantauan dan penilaian berkesan ke atas program yang dilaksanakan

## **2. Kolaborasi Strategik**

- Melaksanakan inisiatif secara bersama untuk mengoptimumkan sumber, menjimatkan kos dan masa
- Mengenal pasti inisiatif yang boleh dilaksanakan secara kolaborasi strategik di antara Agensi yang mempunyai kepentingan bersama
- Melibatkan bersama dengan NGO dan CBO dalam pelaksanaan inisiatif

## **3. Alternative Service Delivery (ASD)**

- Mengenalpasti bidang-bidang yang boleh dilaksanakan secara ASD
- Memperkasakan komuniti dan masyarakat bagi mengurangkan kebergantungan sepenuhnya kepada Kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan

## **4. Berimpak Tinggi**

- Melaksanakan inisiatif yang mempunyai impak yang signifikan kepada Rakyat

## **5. Mengutamakan Keberhasilan**

- Melaksanakan inisiatif yang berasaskan kepada *outcome-based* dan mampu memanifestasikan keberhasilan yang nyata

## **6. Touch Point kepada Rakyat**

- Melaksanakan inisiatif yang mempunyai *touch point* kepada Rakyat
- Melaksanakan inisiatif yang boleh memberi keselesaan dan kesejahteraan Rakyat

## **1. D.I.Y (*Do It Yourself*)**

- *Enhancing skills and knowledge on transformation among Ministries / Agencies*
- *Institutionalising the TPA through the creation of a transformation structure / agenda*
- *Implementing change management*
- *Disseminating transformation programmes throughout the Public Service*
- *Enculturing transformation in service delivery*
- *Engaging stakeholders continuously*
- *Implementing effective programme monitoring and evaluation*

## **2. Strategic Collaboration**

- *Implementing joint initiatives in optimising resources, saving cost and time*
- *Identifying implementable initiatives through strategic collaborations between Agencies with common interests*
- *Engaging NGOs and CBOs in initiative implementation*

## **3. Alternative Service Delivery (ASD)**

- *Identifying areas that are ASD-implementable*
- *Empowering communities and society in reducing overreliance on Government's service delivery*

## **4. High Impact**

- *Implementing initiatives that have significant impacts on the Rakyat*

## **5. Prioritise Results**

- *Implementing outcome-based initiatives that manifest into tangible results.*

## **6. Rakyat Touch Point**

- *Implementing touch point initiatives to the Rakyat*
- *Implementing initiatives that provide comfort and well-being to the Rakyat*

### **7. Quick-Win/Lonjakan Berganda**

- Melaksanakan inisiatif dalam tempoh yang cepat dan mampu menghasilkan lonjakan berganda atau *big and fast result*.

### **8. Produktiviti / Kos Efektif**

- Melaksanakan inisiatif yang boleh meningkatkan produktiviti dengan kos yang efektif

### **9. Promosi**

- Melaksanakan promosi secara berkesan untuk memaklumkan kepada golongan sasar / Rakyat terhadap transformasi yang dilaksanakan

### **10. Penyebarluasan**

- Menyebarluaskan pelaksanaan TPA di segenap peringkat Perkhidmatan Awam khususnya di Agensi di bawah Kementerian masing-masing

### **7. Quick-Wins / Quantum Leap**

- *Implementing big and fast-result initiatives.*

### **8. Productivity / Cost-effective**

- *Implementing cost-effective increased-productivity initiatives*

### **9. Promotion**

- *Promoting transformational implementation to target community / Rakyat*

### **10. Dissemination**

- *Disseminating TPA implementation to all levels of Public Service in particular Agencies under the respective Ministries*

## **Promosi TPA 2.0**

### **TPA 2.0 Promotion**

Program promosi inisiatif TPA tahun 2017 dilaksanakan dengan pelbagai kaedah iaitu melalui video pendek, radio, televisyen dan laman web/media sosial. Sejak mula diperkenalkan Kerangka TPA pada tahun 2013, sejumlah 1,432 inisiatif TPA telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian/Agensi dengan 210 daripadanya tersebut adalah inisiatif berimpak tinggi. Pelbagai program promosi telah dilakukan untuk menonjolkan kejayaan dan keberhasilan inisiatif TPA melalui pelbagai program seperti Persada Transformasi Perkhidmatan Awam, Jejak Transformasi dan juga penerbitan buletin dan buku. Bagi menyebarluaskan mengenai kejayaan-kejayaan TPA tersebut, program promosi secara besar-besaran dan berterusan melalui siaran TV dan radio telah dilaksanakan melalui program-program seperti travelog/dokumentari dan wawancara.

*The TPA initiative promotional programmes for 2017 were implemented through various modes such as short videos, radio, television, social media / websites. Since the introduction of the TPA Framework in 2013, 1,432 TPA initiatives, of which 210 were high impact, have been implemented and continue to be implemented by Ministries / Agencies. Various promotional programmes have been conducted to highlight the successes and achievements of the TPA initiatives through various programmes such as the Public Service Transformation Showcase, Transformation Roadshow as well as publication of bulletins and books. To further disseminate the TPA's achievements, large-scaled TV and radio promotional programmes such as travelogues / documentaries and interviews continue to be initiated.*

# TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50)

## NATIONAL TRANSFORMATION 2050 (TN50)

### Maklumat Am TN50

#### Senario Global

Dunia pada hari ini sedang berada di ambang revolusi teknologi yang pesat di mana ia telah mengubah keseluruhan cara manusia berfikir dan bertindak. Perkembangan *internet of things*, penggunaan *big data analytic*, *food security*, peningkatan mendadak rangkaian hubungan antara manusia melalui media-media sosial dan telefon mudah alih, perkembangan teknologi berkaitan kesihatan, pelajaran, penciptaan mata wang *cryptocurrency*, *online business*, pembangunan *Artificial Intelligence*, penggunaan robot terutamanya dalam industri pembuatan dan pertanian serta pelbagai inovasi dan ciptaan-ciptaan lain telah mengubah cara manusia berfikir, bertindak dan menguruskan kehidupan mereka. Akibat daripada trend mega yang berlaku secara global, pentadbiran sesebuah negara, pengurusan perniagaan, pengaruh dan peluasan politik, sosial serta ekonomi juga perlu untuk turut berubah sejajar dengan perkembangan revolusi teknologi ini jika tidak mahu ketinggalan.

Perkembangan teknologi yang pesat ini yang dikenali sebagai *The Fourth Revolution* memberi cabaran yang besar bukan sahaja kepada masyarakat secara umum tetapi juga kepada hala tuju dan pentadbiran masa hadapan sesebuah negara. Bagi memastikan sesebuah negara kekal relevan dan dapat bersaing pada masa hadapan,

### General Information on TN50

#### Global Scenario

*The world today is on the threshold of a radical technological revolution thus transforming our way of life. The development of internet of things, the use of big data analytics, food security, the rapid increase in human interactions through social media and mobile phones, developments in health- and education-related technologies, cryptocurrency creation, online businesses, Artificial Intelligence development, the use of robots especially in the manufacturing and agriculture industries, as well as various innovations and inventions have transformed the way people think, act and manage their lives. As a result of these global mega trends, the administration of a country, business management, political, social and economic influence and expansion needs similarly to be in line with the development of the technological revolution if one would not want to be left behind.*

*This rapid phase of technological advancement is known as The Fourth Industrial Revolution and it poses a huge challenge not only to society in general but also to the future direction and administration of a country. To ensure that a nation remains relevant and able to compete in the future, the ability to set precise directions*

keupayaan untuk merangka dan menetapkan hala tuju yang betul dan tepat amatlah perlu. Bentuk cabaran baharu dan kekangan yang bakal dihadapi pada masa hadapan perlu dikenal pasti dan strategi pembangunan holistik perlu dilakukan.

### Senario Malaysia Masa Hadapan

Pada tahun 2050, jumlah penduduk Malaysia dijangka akan meningkat kepada 50 juta orang. Dalam mengharungi tempoh 33 tahun mendatang sudah pasti harapan dan aspirasi masyarakat Malaysia akan berubah. Daripada sebuah negara yang sedang membangun, Rakyat mengimpikan Malaysia berubah kepada negara bertaraf *Great Nation* dengan kemajuannya meliputi segala aspek kehidupan iaitu keseimbangan kemajuan dalam aspek ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiauan dan kebudayaan.

*is essential. The challenges that lie in the new era need to be recognised to and holistic development strategies need to be executed.*

### The Future Scenario of Malaysia

*In 2050, the Malaysian population is expected to increase to 50 million people. However, in the 33 years it will take for our journey to reach 2050, the hopes and aspirations of Malaysian society will undeniably change. From where we are as a developing country, the Rakyat dreams of a Great Nation with its advancement encompassing all aspects of life - a balance of progress in economic, political, social, spiritual, psychological and cultural aspects.*



# Transformasi Nasional 2050



## TN50

Menyedari akan pentingnya pembentukan hala tuju baharu negara bagi tempoh jangka masa panjang dan bagi memenuhi harapan Rakyat, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan visi baharu negara yang dikenali sebagai Transformasi Nasional 2050 (TN50) semasa pembentangan Bajet Tahun 2017 pada 21 Oktober 2016. TN50 merupakan kesinambungan daripada Wawasan 2020 dan dasar futuristik Kerajaan untuk memajukan negara bagi tempoh 30 tahun akan datang selepas tahun 2020.

YAB Perdana Menteri menyasarkan Malaysia sebagai negara bangsa yang benar-benar berwibawa serta berminda *par excellence* dengan Malaysia berada dalam kalangan 20 negara teratas dan paling berdaya saing di dunia. Pelaksanaan

*Realising the importance of paving a new long-term national direction to fulfill the expectations of the Rakyat, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, the Prime Minister of Malaysia announced a new national vision known as the National Transformation 2050 (TN50) during the tabling of Budget 2017 on the 21st of October 2016. TN50 is a continuation of Vision 2020 and is a futuristic Government policy to develop the country in the years following 2020.*

*Prime Minister aims for Malaysia to be a truly capable nation with minds par excellence standing among the top 20 of the most competitive countries in the world. The implementation of TN50's agenda also involves the principles of Maqasid Al-Shariah which emphasises on religion, life, intellect, heredity and property*

agenda TN50 juga melibatkan prinsip-prinsip Maqasid Al-Syariah iaitu yang menekankan kepada agama, nyawa, akal, keturunan dan harta yang merupakan bentuk tadbir urus yang bersifat universal bagi semua kaum di Malaysia.

Dasar TN50 akan dibentuk berdasarkan aspirasi Malaysia melalui libat urus semua lapisan Rakyat secara kolektif dengan berpandukan pendekatan *bottom-up* dan *people centric*. Menerusi pendekatan ini, YAB Perdana Menteri menjelaskan bahawa dasar jangka sederhana dan jangka panjang TN50 akan dirangka berdasarkan aspirasi generasi muda pada hari ini iaitu bagaimana mereka mahu melihat Malaysia dalam tempoh tiga (3) dekad akan datang. Menurut YAB Perdana Menteri, TN50 juga bertujuan merangka bukan sahaja sebuah dokumen visi atau *vision document*, malah merangkumi penyediaan dasar-dasar serta strategi nasional, pelan pelaksanaan dan aspek pemantauan melalui sintesis yang dilakukan terhadap segala pandangan dan kehendak pelbagai pihak dalam mencapai matlamat TN50 bagi tempoh 30 tahun akan datang.

*which is a universal form of governance for all races in Malaysia.*

*The principles of TN50 will be moulded based on Malaysia's aspirations through the collective engagement of every Rakyat through bottom-up and people-centric approaches. Through this, the Prime Minister explained that TN50's medium and long term policies will be strongly based on the aspirations of the younger generations today - how the youth would like to see Malaysia within the next three decades. According to the Right Honourable Prime Minister, TN50 also seeks to create not only a vision document but also includes the preparation of policies and national strategies, implementation plans and monitoring aspects based on the opinions and expectations of various segments of society in achieving TN50's goal for the next 30 years.*

The infographic illustrates the seven focus areas of TN50, each featuring a leader (Anwar Ibrahim, Najib Razak, and Ahmad Zahid Hamidi), a title, a brief description, and a list of specific goals. Below each area is a small image related to the focus.

BIDANG FOKUS 1: KERJASAMA	BIDANG FOKUS 2: URUS TADBIR	BIDANG FOKUS 3: KEMAJUAN	BIDANG FOKUS 4: PENGETAHUAN	BIDANG FOKUS 5: PEMBELAJARAN	BIDANG FOKUS 6: PERTAMA DAN KEDUA	BIDANG FOKUS 7: GLOBAL
<b>01</b> <b>Masyarakat yang inklusif, terbuka dan bersemangat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Masyarakat yang terbuka, bertoleransi dan berkarakter sivil</li> <li>Masyarakat yang tekunia</li> <li>Masyarakat yang berkeyakinan dan berbilang budaya dan pelbagai identiti nasional yang kukuh dan utuh</li> </ul>	<b>02</b> <b>Model pemerintahan yang efektif dan seimbang</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan yang efektif dan adaptif</li> <li>Demokrasi yang matang dan berterang serta menggalakkan politik yang inklusif</li> <li>Perlembagaan dan masyarakat yang dinamik</li> <li>Perlembagaan negara yang relevan, dipulang dan dihormati</li> </ul>	<b>03</b> <b>Perekonomian hidup yang sihat, mampan, efisien dan selamat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Alam sekitar yang mampan dan terpelihara</li> <li>Jaringan infrastruktur yang maya dan fizikal yang selamat</li> <li>Akses kepada penjajuan kesihatan yang berkualiti dan berpututan harga</li> <li>Keamanan dan keselamatan untuk semua rakyat Malaysia</li> </ul>	<b>04</b> <b>Gaya hidup sihat, bersemangat dan maju</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mempunyai komuniti yang berkembang maju dalam seni dan budaya</li> <li>Pilihan aktiviti dan tempat rekreasi yang berbilang</li> <li>Budaya sihat dan gaya hidup aktif</li> <li>Persekutuan komunal yang ramah</li> </ul>	<b>05</b> <b>Ecosystem pendidikan yang relevan, merawar dan berterusan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sistem pendidikan bertaraf dunia yang menyediakan kemahiran kritik masa hadapan</li> <li>Persekitaran pembelajaran sepanjang hayat dan peningkatan kemahiran secara berterusan</li> <li>Pendidikan holistik yang seimbang antara akademik dan kemahiran teknikal</li> <li>Penyampaian pembelajaran yang efisien menerusi teknologi</li> </ul>	<b>06</b> <b>Economik yang berdaya saing dan terkempar, dipacu oleh tenaga kerja yang berkembang maju</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Produktif, inovatif dan amat kompetitif</li> <li>Didorong oleh kemajuan sains dan teknologi</li> <li>Hub pekerjaan yang relevan dan merentak</li> </ul>	<b>07</b> <b>Pengaruh utama di peringkat dunia</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sejarah Asia Tenggara</li> <li>Contoh unggul Islam yang moden</li> <li>Duta pilihan dalam aspek kemarumusan</li> <li>Pemimpin dalam pertumbuhan antarabangsa utama</li> </ul>

# ERA PEMBANGUNAN NEGARA

## NATIONAL DEVELOPMENT ERA

The infographic illustrates the evolution of national development from 1971 to 2050. It features a collage of historical and futuristic images, including the opening ceremony of the Petronas Twin Towers and a modern high-speed train. The top right corner shows the TN50 logo and the slogan "Transformasi Nasional 2050". The timeline is divided into three phases: 1971-1990, 1991-2020, and 2021-2050.

PERIODE	MISI
1971 - 1990	"MEMBASMI KEMISKINAN TANPA MENGIRA KAUM & MENGHAPUS PENGENALAN KAUM MENGIKUT FUNGSI EKONOMI"
1991 - 2020	"MENJADI NEGARA MAJU MENGIKUT ACUAN SENDIRI"
2021 - 2050	"MENJADI DI ANTARA 20 NEGARA TERATAS DI DUNIA DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI, KEMAJUAN SOSIAL DAN INOVASI"

**TRANSFORMASI NASIONAL 2050**

Pendekatan tersebut dipilih kerana beliau mahukan TN50 menjadi kesinambungan kepada dasar 30 tahun terdahulu sebagai visi negara kerana masa depan negara ialah milik generasi muda hari ini. Segala pandangan, input dan isi hati seluruh lapisan Rakyat akan dikumpulkan dan ia akan dijadikan input kepada cadangan Visi TN50. Pandangan yang dikemukakan mengenai masalah dan isu serta cabaran pada masa kini akan terus diselesaikan menerusi program dan inisiatif yang sedia ada dan tidak bermakna dengan adanya TN50 pandangan Rakyat hanya dihalakan semata-mata kepada 30 tahun akan datang sahaja. Isu-isu yang boleh diambil tindakan dalam jangka pendek akan dilaksanakan dengan segera.

*The youth-led approach was chosen because he wanted TN50 to build upon the achievements of the previous 30-year policy (Vision 2020) and introduce TN50 as the nation's new vision because he believes that the future of the nation belongs to the younger generation today. The views, opinions and innermost desires of the Rakyat will be gathered and infused within the TN50's proposal. Of course, the Rakyat's view on current issues and challenges will continue to be resolved through existing programmes and initiatives. Rather than solely guiding the Rakyat's opinions and views towards the next 30 years, any issues that can be managed in the short term will be resolved promptly.*

TN50 mula digerakkan dengan mendengar dan mendapatkan pandangan dan aspirasi generasi muda daripada pelbagai bangsa melalui sesi wacana-wacana nasional atau *National Discourse* di mana Kementerian Belia dan Sukan (KBS) selaku peneraju kepada pembangunan golongan muda yang juga bertindak sebagai urus setia di peringkat nasional. Sebanyak tujuh (7) bidang fokus yang telah dikenal pasti oleh KBS pada masa sekarang iaitu Nilai, Urus Tadbir, Pembelajaran, Pekerjaan, Pengalaman, Kehidupan dan Global. Sementara penyelarasan bagi aspirasi Perkhidmatan Awam pula akan dilakukan oleh Unit Khas TN50 & Civil Service Delivery Unit (CSDU), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

*The TN50 had been mobilised by listening and gathering the overall aspirations of the younger generation from various races through national dialogue sessions by the Ministry of Youth and Sports (KBS), which acts as the driver in youth development and serves as a national secretariat for the TN50 movement. Currently, a total of seven focus areas have been identified by the KBS: Value, Governance, Learning, Work, Experience, Living and Global. Meanwhile, the coordination for Public Service aspirations will be undertaken by the TN50 Special Unit and Civil Service Delivery Unit (CSDU), Economic Planning Unit of the Prime Minister's Department.*

## Aspirasi Bidang Fokus TN50

### *TN50 Focus Area Aspirations*



**1 VALUE - Good Malaysian Values. An inclusive, open and passionate society:**

- Open, tolerant and civic-minded society.
- Just society.
- Respect for multi-cultural and diverse heritage.
- Strong and solid national identity.

**2 GOVERNANCE - How Malaysia is Administered. Effective and balanced public administration model:**

- Effective and adaptive Government.
- Mature and energetic democracy and to promote inclusive politics.
- Dynamic societies and social sectors.
- Relevant, revered and respected Malaysian Constitution.

**3 LIVING - The Malaysia I Live In. Healthy, sustainable, efficient and safe environment:**

- Sustainable and protected natural environment.
- Advanced and connected infrastructure networks.
- Access to quality and affordable healthcare.
- Security and safety for all Malaysians.

**4 EXPERIENCE - The Malaysia I Know. Active, passionate and friendly lifestyle:**

- Fostering a community that is advanced in arts and culture.
- A diverse variety of activities and recreation.
- Enculturing a healthy and active lifestyle.
- Friendly communal environment.

**5 LEARNING - The Malaysia Where I Was Educated. Relevant, comprehensive and continuous learning ecosystems:**

- World-class education system that provides critical skills for the future.
- Lifelong learning culture and continuous improvement of skills.
- A holistic education that is well-balanced between academic and technical skills.
- Efficient knowledge delivery using technology.

**6 Work - The Malaysia Where I Work. A competitive and progressive economy, driven by a balanced workforce:**

- Productive, innovative and highly competitive.
- Driven by the advancement of science and technology.
- Becoming a hub of relevant and interesting employment opportunities.

**7 GLOBAL - Malaysia in the Eyes of the World. Becoming a main influence on the global stage:**

- Southeast Asian Voice.
- Epitome of modern Islam.
- Ambassador of choice in the aspect of global humanity.
- Leader in major international organisations.

# 7 BIDANG FOKUS TN50

## FOCUS AREAS OF TN50

**NILAI - Nilai Murni Rakyat Malaysia.**

**Sebuah masyarakat yang inklusif, terbuka dan bersemangat :**

- Masyarakat yang terbuka, bertoleransi dan berfikiran sivik.
- Masyarakat yang saksama.
- Hormat terhadap warisan yang berbilang budaya dan pelbagai.
- Identiti nasional yang kukuh dan utuh.

**URUS TADBIR - Bagaimana Malaysia Ditadbir Urus.**

**Model pentadbiran awam yang efektif dan seimbang :**

- Kerajaan yang efektif dan adaptif.
- Demokrasi yang matang dan bertenaga serta menggalakkan politik yang inklusif.
- Sektor sosial dan masyarakat yang dinamik.
- Perlembagaan negara yang revelan, dijulang dan dihormati.

**KEHIDUPAN - Malaysia Yang Saya Diami.**

**Persekutuan hidup yang sihat, mampan, efisen dan selamat :**

- Alam sekitar yang mampan dan terpelihara.
- Jaringan infrastruktur yang maju dan terhubung.
- Akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti dan berpatutan harga.
- Keamanan dan keselamatan untuk semua Rakyat Malaysia.

**PENGALAMAN - Malaysia Yang Saya Alami.**

**Gaya hidup yang aktif, bersemangat dan mesra :**

- Memupuk komuniti yang maju dalam seni dan budaya.
- Pilihan aktiviti dan rekreasi yang pelbagai.
- Budaya sihat dan gaya hidup aktif.
- Persekutuan komunal yang ramah.

**PEMBELAJARAN - Malaysia Tempat Saya Menimba Ilmu.**

**Ekosistem pembelajaran yang relevan, menyeluruh dan berterusan :**

- Sistem pendidikan bertaraf dunia yang menyediakan kemahiran kritikal masa hadapan.
- Budaya pembelajaran sepanjang hayat dan peningkatan kemahiran secara berterusan.
- Pendidikan holistik yang seimbang antara akademik dan kemahiran teknikal.
- Penyampaian pembelajaran yang efisien menerusi teknologi.

**PEKERJAAN - Malaysia Tempat Saya Bekerja. Ekonomi yang berdaya saing dan terkedepan, dipacu oleh tenaga kerja yang seimbang :**

- Produktif, inovatif dan amat kompetitif.
- Didorong oleh kemajuan sains dan teknologi.
- Hub peluang pekerjaan yang relevan dan menarik.

**GLOBAL - Malaysia Di Mata Dunia.**

**Pengaruh utama di pentas dunia :**

- Suara Asia Tenggara.
- Contoh unggul Islam yang moden.
- Duta pilihan dalam aspek kemanusiaan global.
- Pemimpin dalam pertubuhan antrabangsa utama.

## Pelaksanaan Di Peringkat Negara & Jabatan

### Peringkat Negara

Sesi pengumpulan aspirasi Penjawat Awam telah dimulakan oleh YAB Perdana Menteri melalui Sesi Dialog TN50 YAB PM bersama Penjawat Awam yang diadakan pada 31 Mei 2017 yang bertempat di Dewan Utama, Kementerian Kewangan. Sebanyak 50 aspirasi telah dikongsi oleh Penjawat Awam yang hadir pada sesi tersebut.

YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN) juga telah turun padang bagi mendengar aspirasi TN50 daripada Penjawat Awam di peringkat negeri. YBhg. Tan Sri KSN telah mengadakan sesi dialog ke Sabah pada 11 Julai 2017, Sarawak pada 21 Julai 2017 dan Pahang pada 17 Ogos 2017.

### Implementation at National and Department Levels

#### National Level

*Prime Minister had initiated the Public Service mass aspiration gathering session through the TN50 Dialogue Session with Public Officers on the 31st of May 2017 at the Main Hall of The Ministry of Finance. A total of 50 aspirations were shared by public officers who attended the session.*

*The Chief Secretary to the Government (KSN) personally attended to listen to the aspirations on TN50 from public officers at the state level. Tan Sri KSN held dialogue sessions in Sabah on 11 July, 2017; Sarawak on 21 July, 2017 and Pahang on 17 August, 2017.*



## Peringkat Jabatan

## Department Level

### **TN50 di JPA**

Dalam usaha menyemarakkan dan menyokong pelaksanaan Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Bajet 2017, JPA telah merancang pelbagai aktiviti untuk dilaksanakan dalam usaha mendapatkan aspirasi daripada semua pemegang taruh JPA iaitu Penjawat Awam warga JPA, Penjawat Awam negeri, pelajar tajaan JPA dalam dan luar negara serta pesara Kerajaan. Penjawat Awam yang terlibat merupakan pegawai muda yang berusia 45 tahun dan ke bawah daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional dan juga kumpulan sokongan JPA. Aktiviti yang dirancang ini merangkumi dua (2) mekanisme utama iaitu :

#### **(i) Mekanisme untuk Hebahan/Promosi**

Hebahan dan promosi yang diadakan bertujuan untuk memaklumkan kepada seluruh warga JPA mengenai pelaksanaan TN50. Hebahan dilaksanakan melalui paparan bunting dan poster serta Program Siaraya yang melibatkan semua wakil bahagian-bahagian di JPA yang berumur 45 tahun ke bawah.

#### **(ii) Mekanisme Pengumpulan Aspirasi**

##### **(a) Pengumpulan aspirasi secara interaksi bersemuka**

- **Program Wacana TN50 Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) Bersama Warga Jabatan Perkhidmatan Awam**

Program ini telah diadakan pada 11 Julai 2017 bertempat di Dewan Mezzanine, Blok C1, JPA yang telah dihadiri oleh seramai 150 orang pegawai muda yang berusia 45 tahun dan ke bawah daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional dan juga kumpulan sokongan JPA. Program ini telah berjaya mengumpulkan sebanyak 29 aspirasi merangkumi pelbagai aspek di bawah tujuh (7) bidang fokus TN50.

### **TN50 in JPA**

*In an effort to foster and support the implementation of the 2050 National Transformation (TN50) announced by the Prime Minister during the tabling of the 2017 Budget, JPA had planned various activities to be implemented in pursuit of aspirations from all JPA stakeholders namely the public officers of JPA, state public officers, JPA-sponsored students in and outside of Malaysia as well as Government retirees. The public officers involved are those aged 45 years and below from the Management and Professional groups as well as JPA support groups. The planned activities involved two main mechanisms:*

#### **(i) Mechanism for Announcements/Promotions**

*The announcements and promotions were mainly to inform JPA staff about the implementation of TN50. Announcements were carried out through visual displays such as banners and posters as well as the Public-Address Programme (Siaraya Programme) involving representatives of every JPA division aged 45 years and below.*

#### **(ii) Mass Aspiration Gathering Mechanism**

##### **(a) Face-to-face interactions**

- **TN50 Discourse Programme: The Director-General of Public Service (KPPA) with the Public Service Department Family**

*The programme was held on 11 July 2017 at the Mezzanine Hall, Block C1, JPA and attended by 150 officers aged 45 years and below from the Management and Professional groups as well as the JPA support groups. The programme had successfully gathered as many as 29 aspirations covering various aspects under the seven (7) focus areas of TN50.*



**Program Wacana TN50 Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) Bersama Warga Jabatan Perkhidmatan Awam, Dewan Mezzanine, Blok C1, JPA - 11 Julai 2017**



**Program Wacana TN50 Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) Pembangunan dan Operasi Bersama Warga Jabatan Perkhidmatan Awam, Dewan Mezzanine, Blok C1, JPA - 12 Oktober 2017**



- Program Wacana TN50 Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (TKPPA) Pembangunan dan Operasi Bersama Warga Jabatan Perkhidmatan Awam**

Program ini telah diadakan pada 12 Oktober 2017 bertempat di Dewan Mezzanine, Blok C1, JPA yang telah dihadiri oleh seramai 100 orang pegawai muda yang berusia 45 tahun dan ke bawah daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional dan juga kumpulan sokongan JPA. Sebanyak 27 aspirasi telah berjaya dikumpulkan di akhir program ini.

- TN50 Discourse Programme: The Deputy Director-General of Public Service (TKPPA) of Development and Operation with The Public Service Department Staff**

*The programme was held on 12 October 2017 at the Mezzanine Hall, Block C1, JPA which was attended by 100 officers aged 45 and below from the Management and Professional groups as well as JPA support groups. A total of 27 aspirations were successfully gathered by the end of the programme.*

- **Sesi Dialog Transformasi Nasional (TN50) YBhg. Tan Sri KPPA Bersama Ahli Majlis Bersama Kebangsaan (MBK)**

Sesi ini telah diadakan pada 2 Oktober 2017 bertempat di Dewan Mezzanine, Blok C1, JPA yang telah dihadiri oleh ahli-ahli MBK. Sebanyak 15 aspirasi telah berjaya dikumpul di akhir sesi tersebut.

- **Wacana TN50 Bahagian**

Sesi ini diadakan oleh setiap bahagian di JPA. Sebanyak 475 aspirasi telah berjaya dikumpulkan dari semua bahagian.

**(b) Pengumpulan aspirasi melalui pengedaran soal selidik.**

Kajian Soal Selidik TN50 ini dilaksanakan merangkumi tiga (3) pemegang taruh JPA iaitu warga JPA, pelajar di bawah tajaan JPA serta pesara Kerajaan. Soal selidik ini dijalankan bermula 22 Jun 2017 sehingga 21 Julai 2017 yang melibatkan seramai 1,404 orang responden.

Laporan TN50 JPA telah dikemukakan kepada Unit Khas TN50 & Civil Service Delivery Unit (CSDU), Unit Perancangan Ekonomi pada pertengahan Oktober 2017.

- **National Transformation 2050 Dialogue Session: Tan Sri KPPA with the National Joint Council Members (MBK)**

*The session was held on 2 October 2017 at the Mezzanine Hall, Block C1, JPA and attended by MBK members. A total of 15 aspirations were successfully gathered by the end of the session.*

- **TN50 Discourses in Various Divisions**

*This session was held by every division within the JPA. A total of 475 aspirations were successfully gathered from all divisions.*

**(b) Mass gathering of aspirations through the distribution of questionnaires.**

*The TN50 Questionnaire Survey was conducted to encompass three JPA stakeholders: JPA staff, JPA-sponsored students and Government retirees. The survey was conducted from 22 June till 21 July 2017 involving 1,404 respondents.*

*The TN50 JPA report was submitted to the TN50 Special Unit & Civil Service Delivery Unit (CSDU), Economic Planning Unit in mid-October 2017.*



SESI DIALOG  
TRANSFORMASI  
NASIONAL (TN50)  
2 OKTOBER 2017





TN50 YAB PERDANA  
MENTERI BERSAMA  
PENJAWAT AWAM  
30 MEI 2017



Gambaran keseluruhan Negaraku adalah satu inisiatif untuk semua Rakyat Malaysia bersatu hati, bertunjangkan semangat cintakan Malaysia. Objektif inisiatif ini adalah untuk menyemai rasa bangga dan semangat cintakan Malaysia di kalangan warganya. Ianya memberi penekanan kepada kejayaan dan pencapaian yang boleh menjadi inspirasi di kalangan Rakyat Malaysia.

Negaraku dipilih sebagai tema inisiatif ini kerana ia mempunyai sifat nostalgia dan patriotik di dalam menaikkan semangat cinta dan rasa bangga akan negara. Ianya satu ungkapan yang dihormati dan difahami setiap Rakyat tidak kira apa jua bahasa yang digunakan (Bahasa Melayu, Inggeris, Cina mahupun Tamil).

*Negaraku is a Malaysian expression that could be translated into 'My Country'. It is an initiative to call for a united Malaysia as they reflect on their love of the country. The objective of this initiative is to inculcate a sense of pride and love for Malaysia among its citizens. It emphasises on highlighting inspirational success and achievements that could inspire other Malaysians.*

*Negaraku was chosen as the theme of this initiative because of its nostalgic and patriotic nature in raising the spirit of love and pride for the country. It is a respected and well-understood expression to all Malaysians regardless of the language they use (Malay, English, Chinese or Tamil).*

01

### **Ekspresi Negaraku**

Ekspresi Negaraku bertujuan untuk menyemarakkan semangat kebanggaan, kecintaan dan aspirasi tanahair di kalangan Rakyat Malaysia.

02

### **Visi Negaraku**

Penglibatan Rakyat dalam mengukir aspirasi Malaysia dalam langkah menuju TN50.

03

### **Cerita Negaraku**

Tiang ini menggunakan media digital dan massa bagi memaparkan kisah-kisah anak Malaysia era ini dan yang sebelumnya, dalam mencetus semangat patriotik, rasa bangga terhadap negara dan menyemai sifat menjadi anak Malaysia yang lebih baik.

04

### **Seni Negaraku**

Seni Negaraku diaktifkan melalui pelbagai program berdasarkan Seni dan Budaya Malaysia yang bertujuan mengekspresikan semangat cintakan Malaysia dalam bidang kesenian.

05

### **Negaraku Prihatin**

Tiang ini memupuk nilai prihatin di kalangan Rakyat Malaysia dan memastikan tiada yang ketinggalan dalam kemajuan negara, termasuk mereka yang kurang upaya, mereka yang kurang bernasib baik dan warga Malaysia yang menetap di kawasan pedalaman.

4. *Seni Negaraku*  
*Seni Negaraku is activated through various programmes based on the Malaysian Art and Culture which aims to express Malaysia's passion for the arts.*

5. *Negaraku Prihatin*  
*To foster compassion and benevolence among Malaysians ensuring that no one is left behind as the country progresses. This would include citizens with disabilities, those of the less fortunate and Malaysians residing in the hinterlands.*

5

**TIANG  
UTAMA  
NEGARAKU**  
**THE 5 MAIN PILLARS  
OF NEGARAKU**

## NEGARAKU : MESEJ UTAMA **KEY MESSAGES**

Satu Laungan Buat Semua Rakyat Malaysia  
Untuk Bersatu Hati Dalam Mengingati Dan  
Meraikan Jiwa Anak Malaysia  
Memperkasakan Pegangan Bahawa Kita  
Adalah Bangsa Yang Bersatu, Kita Semuanya  
Sepasukan Dan Mengutamakan negara  
Malaysia Tercinta. Semuanya Pasti Dicapai  
Sekiranya Kita Bersatu Hati.



*A cry for all Malaysians to unite in remembering and celebrating our Malaysian spirit. Empowering our faith as a united nation, a team, in prioritising our beloved Malaysia. Anything can be achieved if we are united.*

### SEMANGAT CINTAKAN MALAYSIA *OUR LOVE FOR MALAYSIA*

Malaysia Abadi Dalam Hati Kita Semua, Dan Kita Pasti Merasa Sedih Sekiranya Negara Ini Ditimpa Musibah. Kita Sentiasa Mengetepikan Segala Perbezaan Dan Teguh Berdiri Demi Malaysia Tercinta.

*As Malaysia is immortalised in our hearts, we would be devastated should this country is struck by misfortune. We shall always set aside all our differences and stand firm for our beloved Malaysia.*

### MALAYSIA MILIK KITA SEMUA *MALAYSIA FOR ALL MALAYSIANS*

Sebagai Rakyat Malaysia, Kecemerlangan Kita Paling Terserlah Apabila Kita Bersatu sebagai Satu Bangsa Kerana Malaysia Milik Kita Bersama. Dan Tiada Sesiaapa Yang Ditinggalkan Dalam Langkah Menuju Masa Hadapan.

*As Malaysians, our excellence is most distinguished when we are united as a nation because Malaysia is ours –together. And no one shall be left behind as we step into the future.*

### SEJARAH MENYATUKAN KITA *HISTORY BRINGS US TOGETHER*

Wira-wira Generasi Lampau Telah Berjuang Dan Berkorban Untuk Membentuk Jiwa Anak Malaysia Dan Menyumbang Kepada Keamanan Malaysia Pada Hari Ini, Sebuah Negara Progresif Dan Unik Dengan Kepelbagaiannya. Kehidupan Yang Kita Nikmati Hari Ini Adalah Hasil, Kerjasama Rakyat Malaysia Yang Terdahulu.

*Past generations of heroes have fought and sacrificed to establish the Malaysian spirit and contribute to the peace of Malaysia today, a progressive and unique country with all its diversity. The life we enjoy today is the result of the wonderful Malaysians that came before us.*

# PROGRAM EKSPRESI NEGARAKU *EKSPRESI NEGARAKU PROGRAMME*

Program Ekspressi Negaraku merupakan antara program utama peringkat nasional yang dianjurkan oleh Pejabat Perdana Menteri bersama Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), JPM dengan kerjasama Kementerian dan Agensi yang terpilih. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) merupakan antara salah satu Agensi yang dipilih untuk menyertai program pameran di Ekspressi NegaraKu. Sebanyak 9 buah lokasi program Ekspressi Negaraku telah dilaksanakan, antaranya di Putrajaya, Sabah, Sarawak, Perak dan lain-lain negeri yang terpilih.

*The Ekspressi Negaraku Programme is one of the national key programmes organised by the Prime Minister's Office with the Implementation Coordination Unit (ICU), Prime Minister's Department (PMD) in collaboration with selected Ministries and Agencies. The Public Service Department (JPA) is one of the Agencies selected to participate in the Ekspressi Negaraku exhibition programme. There were nine locations where the Ekspressi Negaraku Programme was implemented, among them, in Putrajaya, Sabah, Sarawak, Perak and other selected states.*

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk menyemarakkan semangat cintakan negara. Disamping itu, ia menjadi sebagai satu platform untuk menyebarluaskan perkhidmatan oleh Agensi Kerajaan kepada Rakyat secara terus. Ia selaras dengan mantra yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri iaitu Tahun 2017 sebagai tahun penyampaian.

Antara perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak JPA sewaktu pameran berlangsung adalah penggantian kad pesara, khidmat nasihat kepada pesara dan bakal pesara, penerangan program penajaan JPA, semakan HRMIS, permainan interaktif berkonsepkan psikologi dan sebagainya.

Secara keseluruhannya, kehadiran pengunjung ke booth pameran JPA amat memberangsangkan. Disamping itu, lokasi booth JPA sentiasa dikunjungi oleh pemimpin utama negara seperti YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, YAB Menteri Besar/Ketua Menteri dan YBhg. Ketua Setiausaha Negara dalam sesi lawatan ke booth pameran Kementerian dan Agensi.

Pelaksanaan program Ekspresi Negaraku pada tahun 2018 akan dimaklumkan dari semasa ke semasa kepada pihak jabatan kelak.

*The programme aims to inculcate a sense of love for the country as well as becoming a platform to directly disseminate services to the citizens. It is in line with the mantra inspired by the Prime Minister to make the Year 2017 as the Year of Delivery.*

*Among the services offered by JPA during the exhibitions were the replacement of retiree cards, advisory services to retirees and would-be retirees, explanation of JPA sponsorship programmes, HRMIS reviews, interactive psychological games and other activities.*

*Overall, the turnout of visitors to the JPA exhibition booth was very encouraging. In addition, the JPA booth was visited by leaders such as the Right Honourable Prime Minister, the Honourable Deputy Prime Minister, the Honourable Chief Ministers and the Chief Secretary to the Government.*

*The implementation of the Ekspresi Negaraku Programme in 2018 will be informed to departments from time to time.*

9

## LOKASI PROGRAM EKSPRESI NEGARAKU

*LOCATIONS OF THE EKSPRESI NEGARAKU PROGRAMME:*



PUTRAJAYA  
18 MAC 2017



SUNGAI PETANI,  
KEDAH  
8 APRIL 2017



KUALA KANGSAR  
PERAK  
15 APRIL 2017



SANDAKAN,  
SABAH  
7 MEI 2017



PASIR PUTEH,  
KELANTAN  
13 MEI 2017



BANDAR HILIR,  
MELAKA  
15 JULAI 2017



PORT DICKSON,  
NEGERI SEMBILAN  
24 SEPTEMBER 2017



DUNGUN,  
TERENGGANU  
14 OKTOBER 2017



KUCHING,  
SARAWAK  
5 NOVEMBER 2017



**Ekspresi Negaraku,  
Perkarangan POJ Putrajaya, 18 Mac 2017**



**Ekspresi Negaraku,  
Pasir Puteh Kelantan,  
13 Mei 2017**



**Ekspresi Negaraku, Dataran Dewan Merdeka  
Dungun, Terengganu, 14 Oktober 2017**



**Ekspresi Negaraku,  
Dataran Dewan Merdeka  
Dungun, Terengganu,  
14 Oktober 2017**





**Ekspresi Negaraku, Dataran Perayaan Jalan Stadium  
Petra Jaya Kuching, Sarawak, 05 November 2017**



# HALA TUJU PENGURUSAN SUMBER MANUSIA PERKHIDMATAN AWAM KE ARAH TN50 (PSM50)


***THE OUTLOOK FOR PUBLIC SERVICE HUMAN RESOURCE MANAGEMENT TOWARDS TN50 (PSM50)***

Hala Tuju Pengurusan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam Ke Arah TN50 adalah untuk menggariskan hala tuju strategik pengurusan sumber manusia Perkhidmatan Awam ke arah agenda Transformasi Nasional 2050 (TN50).

- Hala tuju pengurusan sumber manusia yang akan dijadikan panduan oleh semua Agensi Perkhidmatan Awam : kandungan hala tuju ini merangkumi senario semasa Perkhidmatan Awam, kerangka hala tuju dalam mengapai penyampaian perkhidmatan *par excellence* dan berada di kedudukan ke-20 terbaik di dunia, serta hala tuju strategik ke arah mengambil kira elemen kepimpinan, tadbir urus dan budaya Perkhidmatan Awam ke arah pembangunan modal insan.

*The Outlook for Public Service Human Resource Management Towards TN50 outlines strategic directions for Public Service human resource management towards the National Transformation 2050 agenda (TN50).*

- *It shall be a new human resource management guide that will be applied by every Public Service agency. The contents of the track encompass the current scenario of the Public Service, a directive framework in achieving delivery of services *par excellence* to be ranked as a top 20 nation in the world. It shall also serve as a strategic guide which focuses on the elements of leadership, governance and Public Service culture towards human capital development.*



*"Malaysia sebagai negara bangsa yang benar-benar berwibawa serta berminda *par excellence* serta berupaya menjadikan Malaysia sebuah negara yang amat berjaya dan berada dalam kedudukan 20 teratas di dunia dalam beberapa indeks pada 2050."*

*- YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA -*

# 11

## SESI LIBAT URUS

**Jun –  
Disember  
2017**

untuk membangunkan Hala Tuju Pengurusan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam menuju TN50.



1 Bengkel *Focus Group* telah dilaksanakan pada 18 – 20 Julai 2017 di Dewan Nur, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang telah dihadiri oleh pegawai dari JPA, MAMPU dan RSOG.

Jenis *output* : PSM50 dilaksanakan bermula dari Mei 2017 dan akan berakhir pada April 2018 melalui pengeluaran naskah Hala Tuju Pengurusan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam Ke Arah TN50 (PSM50).

*Eleven engagement (11) sessions were conducted from June – December 2017 to develop the Outlook for Public Service Human Resource Management Towards TN50.*


*A Focus Group Workshop was held on 18 – 20 July 2017 at the Nur Hall, Ministry of Women, Family and Community Development which was attended by officers from JPA, MAMPU and RSOG.*

*Type of output: TN50 has been implemented from May 2017 and will end in April 2018 upon the finalisation of the Outlook for Public Service Human Resource Management Towards TN50 (PSM50) master plan.*



# KEMBARA TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM

## PUBLIC SERVICE TRANSFORMATION ROADTOUR



### BENGKEL TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM 2.0

PUBLIC SERVICE TRANSFORMATION LAB 2.0

16 MAC 2017 | DEWAN KRISTAL, KPKT, PUTRAJAYA



**145**  
Peserta  
Participants



**24**  
Kementerian  
Ministries

#### TUJUAN

Meningkatkan pemahaman dan memperkasa kemahiran *focal point* ke arah melaksanakan peranan sebagai ejen transformasi di peringkat Kementerian/ Agensi

#### GOAL

*Improve understanding and empower focal point skills towards implementing roles as transformation agents at Ministries / Agencies.*

#### OUTCOME

Penginstitusian dan pelestarian pelaksanaan transformasi di Kementerian/Jabatan/Agensi

#### OUTCOME

*Institutionalising and preservation of transformation implementation in Ministries / Departments / Agencies*

#### PENGISIAN

- 1 Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam
- 2 Pembangunan Inisiatif Transformasi
- 3 Penetapan Kaedah Pengukuran Inisiatif Transformasi
- 4 Tadbir Urus Transformasi Kementerian
- 5 Kolaborasi dan ASD
- 6 Contoh Inisiatif Transformasi Kementerian
- 7 Keberhasilan Inisiatif Berimpak Tinggi

#### PROGRAMMES

- 1 Public Service Transformation Framework
- 2 Development of Transformation Initiatives
- 3 Determination of Methods for Measurement of Transformation Initiatives
- 4 Ministry Transformation Governance
- 5 Collaboration and ASD
- 6 Examples of Ministry Transformation Initiatives
- 7 Successes of High Impact Initiatives

#### OBJETIF

- Kolaborasi strategik agar penyampaian perkhidmatan lebih cekap dan kos efektif
- Kecekapan penyampaian perkhidmatan dan projek kepada Rakyat sebagai kekuatan dalam (national resilience) bagi menghadapi cabaran semasa

#### OBJECTIVES

- Strategic collaboration in delivering services that are more efficient and cost-effective.
- Efficient service delivery and projects to the Rakyat as national resilience in facing current challenges.

#### WAY FORWARD

- Peningkatan pemahaman mengenai KPI, *Outcome* dan trend terkini melalui libat urus dengan *focal point*
- Peningkatan pengetahuan berkaitan pelaporan, pemantauan dan penilaian
- Perkongsian maklumat transformasi secara online
- Kesediaan Kementerian/Agensi untuk melaksana dan melata (*cascade*) Agenda Transformasi sebagai menambah baik mutu perkhidmatan

#### WAY FORWARD

- Institutionalising transformation through Service Circulars.
- Improved understanding of KPIs, Outcomes and recent trends through engagements with focal points.
- Improved knowledge relating to reporting, monitoring and evaluating.
- Sharing transformation information online.
- The readiness of Ministries / Agencies to implement and cascade the Transformation Agenda to improve service quality.



# JPA

2017 JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
TAHUN PENYAMPAIAN





# JABATAN PERKHIDMATAN AWAM 2017

---

***Public Service Department 2017***

---

PELAKSANAAN PROGRAM & AKTIVITI  
*Implementation of Programs & Activities*

ANUGERAH DAN PENGIFTIRAFAN  
*Awards and Recognition*

PRESTASI KEWANGAN & AUDIT  
*Financial Performance & Audit*

PAMERAN & MEDIA  
*Exhibitions & Media*

PENERBITAN JPA  
*JPA Publications*

KAJIAN JPA  
*JPA Researches*

**AKTIVITI & PROGRAM JPA  
SEPAJANG TAHUN 2017**

Antara program dan aktiviti yang berlangsung sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut:

**JPA ACTIVITIES &  
PROGRAMMES IN 2017**

*Among the programmes and activities that took place in 2017 were as follows:*

# HARI PERHIMPUNAN 1PESARA

## 1PESARA ASSEMBLY DAY

Sambutan Hari Perhimpunan 1 Pesara Malaysia 2017 yang dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) telah diadakan pada 15 hingga 16 Ogos 2017. Majlis yang diadakan di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) Serdang Selangor telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi.



*The 1Pesara Assembly Day 2017 celebration was organised by the Public Service Department of Malaysia (JPA) from 15 to 16 August 2017. The ceremony, held at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) was initiated by Malaysia's Deputy Prime Minister, Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi.*

*The program is one of the Government's initiatives under the National Blue Ocean Strategy to help retirees and to-be retirees to continue being productive as they pursue their retirement life and for the Government to provide a holistic service across multiple Agencies to ensure their continued contribution and productivity to society and the nation.*





Program ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan untuk membantu golongan pesara dan bakal pesara supaya terus produktif dalam menyusuri alam persaraan dan menyediakan perkhidmatan yang holistik merentasi pelbagai Agensi kepada mereka bagi memastikan kelangsungan sumbangan serta produktiviti mereka kepada masyarakat dan Negara.

Pengisian program ini meliputi sesi-sesi ceramah bertajuk Kekayaan Sebenar Adalah Kesihatan, Pesara Aktif Negara Sejahtera, Seni Meniti Usia Emas, sesi meja bulat dan booth pameran serta pra pelancaran *Beautiful Life For Seniors*.



*The program include talks entitled 'Health is the True Wealth', 'Active Retirees for a Prosperous Nation', 'The Art of Sailing into Old Age'; a round-table session, booth exhibitions and the pre-launch of 'Beautiful Life For Seniors'.*



## PENGAMBILALIHAN FUNGSI OPERASI BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN OLEH KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)


***OPERATIONAL FUNCTION TAKEOVER OF THE POST-SERVICE DIVISION BY THE RETIREMENT FUND INCORPORATED (KWAP)***

## MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA KAWAL SELIA ***REGULATORY WORK COMMITTEE MEETING***

Pemantauan Operasi KWAP dipantau melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kawal Selia yang dipengerusikan oleh YBrs. Pengarah Bahagian Pasca Perkhidmatan. Ahli mesyuarat ini dianggotai oleh semua pegawai Bahagian Pasca Perkhidmatan Gred 41 dan ke atas, manakala pihak KWAP diwakili oleh Ketua-ketua Bahagian KWAP. Secara amnya, mesyuarat ini membentangkan prestasi pencapaian KWAP mengikut Perjanjian Perkhidmatan (SLA). Berikut adalah pencapaian SLA secara bulanan sehingga 30 September 2017 :

*The operations of KWAP is monitored through the Regulatory Work Committee Meeting chaired by The Director of The Post-Service Division. The members of this meeting comprise all Post-Service Division officers of Grade 41 and above, while KWAP is represented by KWAP Division Heads. In general, the meeting was a platform to present KWAP's performance in accordance with the Service Level Agreement (SLA). The monthly SLA achievements until 30 September 2017 were as follows:*

**Peratus Prestasi SLA 2017**  
*SLA Performance Percentage 2017*



## PENGAMBILAN FUNGSI PEMBIAYAAN UBAT DAN ALAT PERUBATAN PESARA AWAM PERSEKUTUAN DAN VETERAN BERPENCEN

### FUNCTION TAKEOVER IN FINANCING MEDICATIONS AND MEDICAL EQUIPMENTS FOR FEDERAL Public Service RETIREES AND VETERAN PENSIONERS

Susulan daripada penamatan kontrak Kerajaan dengan Syarikat Oratis RX Sdn Bhd bagi perkhidmatan pembekalan ubat dan alat perubatan kepada pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Veteran Berpencen mulai 28 Februari 2017, Kerajaan telah memutuskan bahawa semua pembekalan ubat/ alat perubatan bagi pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Veteran Berpencen serta ahli keluarga yang berkelayakan diserahkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan juga kepada Kementerian Pertahanan mulai 1 Jun 2017.

Pengambilan fungsi ini diputuskan supaya dikendalikan oleh KKM, KPT dan KEMENTAH dapat memberi penjimatan kepada perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh Kerajaan. Ini mengambil kira harga ubat yang diperolehi oleh KKM adalah kos yang lebih kos efektif berbanding kos farmasi swasta.

Satu Jawatankuasa Pemantauan Pengambilalihan Fungsi Kemudahan Perubatan Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Veteran Berpencen telah ditubuhkan untuk memastikan proses pengambilalihan fungsi kemudahan perubatan pesara adalah teratur dan dapat diselaraskan di semua peringkat. Kekerapan mesyuarat adalah dua (2) kali sebulan atau mengikut atas keperluan.

*Following the termination of the Government's contract with Oratis RX Sdn Bhd for the provision of medications and medical equipment to Federal Public Service Retirees and Veteran Pensioners from 28 February 2017, the Government had decided for all medications / medical equipment for Federal Public Service Retirees and Veteran Pensioners as well as their qualified family members were handed over to the Ministry of Health Malaysia, the Ministry of Higher Education as well as to the Ministry of Defence from 1 June 2017 onwards.*

*The function takeover was decided to be handled by the MOH, MOHE and MOD to economise on medical expenses incurred by the Government. The action also considered the cost-effectiveness of medicine prices obtained by the MOH compared to private pharmacies.*

*A Function Takeover Monitoring Committee on Federal Public Service Retirees and Veteran Pensioners' Medical Facility was established to ensure that the function takeover process was orderly and coordinated at all levels. The meetings shall be held twice a month or called upon as needed.*

# PERUNTUKAN PERBELANJAAN FAEDAH-FAEDAH PERSARAAN


## *EXPENDITURE ON RETIREMENT BENEFITS PROVISION*

Sehingga 30 September 2017, Kerajaan telah membuat pembayaran faedah persaraan sebanyak RM16,609,144,163.85 (Perbelanjaan Tanggungan) dan RM219,447,259.01 (Perbelanjaan Mengurus) tidak termasuk Bayaran Mengurus Jenazah (RM21,072,000).

Jumlah faedah persaraan yang dibayar sehingga 30 September 2017 adalah seperti di Jadual.

*As of 30 September 2017, the Government had provided retirement benefits amounting to RM16,609,144,163.85 (Dependent Expenditure) and RM219,447,259.01 (Operational Expenditure) excluding Funeral Arrangement Expenses (RM21,072,000).*

*The total retirement benefits provided up to 30 September 2017 were as follows:*




JENIS PERKHIDMATAN	RM
Ganjaran	4,392,587,459.29
Pencen	
- Sedia Ada	11,192,593,938.44
- Pesara Baru	492,343,762.61
Gantian Cuti Rehat	529,328,858.34
Elaun	2,290,145.17
<b>JUMLAH</b>	<b>16,609,144,163.85</b>

Perbelanjaan Bagi Membayar Faedah Persaraan (Perbelanjaan Tanggungan)  
*Expenditure on Retirement Benefits Provision (Dependent Expenses)*

## i) Bayaran Bantuan Mengurus Jenazah

Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2011 pada 15 Oktober 2010, Kerajaan bersetuju untuk memanjangkan pemberian Bantuan Mengurus Jenazah kepada pesara Kerajaan dengan kadar yang diluluskan ialah sebanyak RM3,000.00. JPA telah menguruskan pembayaran kepada 7,024 orang waris pesara yang telah meninggal dunia sehingga September 2017 dan melibatkan peruntukan sebanyak RM21,072,000.00.

Perbandingan Bayaran Bantuan Mengurus Jenazah daripada tahun 2013 sehingga 2017 adalah seperti Carta di bawah :



JENIS PERKHIDMATAN	RM
<u>Perubatan</u>	
- Bayaran Balik Tuntutan Perjalanan dan Bayaran Balik Rawatan Perubatan kepada Pesara	219,447,259.01
Bayaran Mengurus Jenazah (BMJ)	21,072,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>240,519,25.01</b>

Perbelanjaan Bagi Membayar Faedah Persaraan (Perbelanjaan Mengurus)  
Expenditure on Retirement Benefits Provision (Operational Expenditure)

## i) Funeral Arrangement Aid

In line with the Prime Minister's announcement during the 2011 Budget tabling on October 15, 2010, the Government agreed to provide Funeral Arrangement Aid for Government pensioners at an approved rate of RM3,000.00. The JPA had managed the provision of the aid to 7,024 pensioners who passed away up until September 2017 which involved an allocation of RM21,072,000.00.

The Comparison between Funeral Arrangement Aid expenses from 2013 to 2017 is as below:

## ii) Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017

Bantuan Khas Kewangan telah diluluskan pada tahun 2017 kepada Penjawat Awam dan dipanjangkan juga kepada Pesara Perkhidmatan Awam. Sebanyak RM250.00 telah dibayar pada tahun 2016 kepada pesara dan penerima pencen yang melibatkan jumlah sebanyak RM381,253,352.32. Keputusan ini telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2016 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2017.

## ii) Special Financial Aid In 2017

*Special Financial Aid was approved in 2017 for Public Servants which was extended to Public Service Pensioners. A total of RM250.00 was provided to retirees and pension recipients involving a total of RM381,253,352.32 in 2016. The decision was implemented through Service Circular No. 10 Year 2016 and Service Circular No. 2 of 2017.*

# PELAKSANAAN PROGRAM 1PESARA 2017

## IMPLEMENTATION OF 1PESARA PROGRAMS IN 2017



# PROGRAM-PROGRAM TURUN PADANG KPPA TAHUN 2017

## KPPA'S ENGAGEMENT PROGRAMMES IN 2017

Program Turun Padang ialah sebuah platform perhubungan antara Kerajaan Negeri (SUK), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan/ Agensi persekutuan di peringkat negeri bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Objektif program adalah bagi membolehkan JPA mendapatkan maklumbalas secara terus daripada anggota Perkhidmatan Awam di peringkat negeri terutamanya yang berkaitan dengan peranan JPA sebagai Agensi pusat dalam menguruskan sumber manusia dan mendapatkan pandangan serta maklum balas pegawai muda terhadap Perkhidmatan Awam masa kini serta penambahbaikan yang perlu dilakukan untuk memastikan Perkhidmatan Awam kekal cemerlang. Program ini juga merupakan salah satu inisiatif JPA untuk mempromosikan dan menyebarluaskan agenda Transformasi Perkhidmatan Awam hingga ke peringkat negeri. Sehingga kini, tiga (3) siri Program Turun Padang telah diadakan iaitu di Pulau Pinang, Perak dan Sabah.

*The Engagement Program is a communications platform between the State Government (SUK), Local Authorities (PBTs) and Federal Departments / Agencies at the state level with the Public Service Department (JPA). The objective of the program is to enable the JPA to obtain direct feedbacks from Public Servants at the state level. The program was especially implemented with respect to the role of the JPA as a central agency in managing human resources as to obtain the views and feedback of young officers on the current Public Service as well as in gathering their opinions for future improvements to ensure that the Public Service remains outstanding. The program was also one of the JPA initiatives to promote and disseminate the Public Service Transformation agenda to state level. To date, three series of Engagement Programs have been held in Penang, Perak and Sabah.*

### Antara pengisian program adalah:

- i) Perjumpaan KPPA bersama Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai Kanan Persekutuan dan Negeri;
- ii) Sesi Interaksi KPPA bersama-sama Pegawai Muda Jabatan Persekutuan dan Negeri serta pelajar tajaan JPA;
- iii) Sesi Penyampaian Surat Kenaikan Pangkat; dan
- iv) Sesi Penyampaian Surat Kelulusan Faedah Persaraan Dan Sijil Penghargaan Persaraan.

### Among the program's agenda were:

- i) The KPPA' Meeting with Head of Departments as well as Federal and State Senior Officials;
- ii) Interaction Session between the KPPA with Federal and State Departments' Young Officers and JPA-sponsored students;
- iii) Promotion Letter Awards session; and
- iv) Retirement Benefit Approval Letter and Retirement Acknowledgement Certificate Awards Session.

Program ini akan diteruskan kerana ia dilihat sebagai sebuah *platform* yang boleh menghubungkan JPA dengan anggota Perkhidmatan Awam di peringkat negeri. Melalui program ini, penerangan terhadap dasar-dasar Kerajaan dapat disalurkan terus kepada anggota Perkhidmatan Awam peringkat negeri, di samping maklumbalas mereka boleh diperolehi dan diambil tindakan yang bersesuaian terutamanya yang berkaitan pengurusan sumber manusia. Ini amat penting bagi memastikan sumber manusia di peringkat negeri dapat dioptimakan yang sekali gus mampu meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan di peringkat negeri.

*The program shall be continued as it is seen as an effective platform to link the JPA with Public Servants at the state level. Through this program, explanations of Government policies could be directly channelled to state-level Public Service personnel, as well as to collect their feedback for appropriate action particularly in relation to human resource management. This is very important to ensure that the human resource at the state level can be optimised, thereby enhancing the quality of service delivery at state level.*

**Program Turun Padang KPPA Ke Negeri Sabah,  
10-12 Mei 2017**





**Program Turun Padang KPPA Ke Negeri Sabah,  
10-12 Mei 2017**



# JEJAK TRANSFORMASI

## TRANSFORMATION TOUR

### Tujuan pelaksanaan program Jejak Transformasi adalah untuk:

- i. memantau pelaksanaan inisiatif transformasi berimpak tinggi yang dilaksanakan oleh Kementerian;
- ii. Mengadakan perbincangan berhubung isu berbangkit daripada inisiatif transformasi berimpak tinggi tersebut; dan
- iii. Menyelaraskan kolaborasi strategik dengan pelbagai Kementerian atau Agensi yang berkaitan dengan inisiatif transformasi berimpak tinggi tersebut.

Program Jejak Transformasi ini disertai oleh YBhg. Dato' Nor Inchun binti Mohamed Salleh, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) (TKPPA(O)), JPA, YBhg. Dato' Haji Suhaimi bin Haji Mamat, Setiausaha Bahagian Kanan (SUBK), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), YBhg. Dato' Ir. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi (BSAH), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Puan Norizam binti Che Noh, Pengarah Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI), NRE dan pegawai-pegawai-pegawai JPA (5 pegawai), NRE (seorang pegawai), JPS (6 pegawai), MaCGDI (4 pegawai) dan Kementerian Kerja Raya (KKR) (3 pegawai).

Program Jejak Transformasi ini merupakan salah satu pendekatan untuk melihat dan memantau pelaksanaan inisiatif transformasi secara lebih dekat sejak mula diperkenalkan pada tahun 2015 dengan memberi fokus kepada inisiatif transformasi yang dilaksanakan secara kolaborasi strategik. Lawatan secara bersemuka ini bertujuan untuk mendapatkan perspektif yang lebih jelas dan terperinci mengenai status pelaksanaan inisiatif berkaitan berkongsi pengalaman serta bertukar pendapat dengan rakan strategik.

### *The purpose of the Transformation Tour program is to:*

- i. Monitor the implementation of high-impact transformation initiatives implemented by the Ministry,*
- ii. Conduct discussions on issues arising from these high-impact transformation initiatives; and*
- iii. Coordinate strategic collaborations with various Ministries or Agencies related to these high-impact transformation initiatives.*

*The Transformation Tour Program was partook by Dato' Nor Inchun binti Mohamed Salleh, Deputy Director General of Public Service (Operations); Dato' Haji Suhaimi bin Haji Mamat, Senior Under Secretary of the Ministry of Natural Resources and Environment (NRE); Dato' Ir. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Director of The Water Resources Management and Hydrology Division (BSAH) of the Department of Irrigation and Drainage (DID); Mr Norizam binti Che Noh, Director of The Malaysian Centre for Geospatial Data Infrastructure (MaCGDI); officers from JPA (5 officers), NRE (1 officer), DID (6 officers), MaCGDI (4 officers) and the Ministry of Works (3 officers).*

*The Transformation Tour Program is one of the approaches to monitor the implementation of the transformation initiative more closely since it was introduced in 2015 by focusing on transformational initiatives which were implemented through strategic collaborations. The vis-à-vis tour aims to get a clearer and detailed perspective on the status of initiative implementations by sharing experiences and exchanging opinions with strategic partners.*

# MESYUARAT MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN (MBK) BIL. 1 TAHUN 2017

## NATIONAL JOINT COUNCIL MEETING (MBK) NO. 1 YEAR 2017

Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) diwujudkan sebagai forum bagi Pihak Pekerja dan Pihak Pegawai membincangkan prinsip-prinsip saraan, elaun, kemudahan dan syarat-syarat perkhidmatan bagi Penjawat Awam. Mesyuarat MBK bagi Pekerja-pekerja Pengurusan dan Profesional (MBK P&P) Bilangan 1 Tahun 2017 telah berlangsung pada 15 Mac 2017, Mesyuarat MBK bagi Pekerja-pekerja Am dalam Kumpulan Pelaksana (MBK Am) Bilangan 1 Tahun 2017 telah diadakan pada 5 Mei 2017, manakala penganjuran Mesyuarat MBK bagi Pekerja-pekerja Sains dan Teknologi dalam Kumpulan Pelaksana (MBK S&T) Bilangan 1 Tahun 2017 pula telah berjaya diadakan pada 18 Mei 2017. Ketiga-tiga mesyuarat MBK ini telah berlangsung di Jabatan Perkhidmatan Awam, Putrajaya.

*The National Joint Council (MBK) Meeting was formed to function as a forum for workers and officers to discuss the principles of remuneration, allowances, perquisites, facilities and the terms and conditions of service of Public Servants. The MBK Meeting for employees in the Management and Professional Group (MBK P&P) No. 1 Year 2017 was held on 15 March 2017. Later, the MBK Meeting for General Workers in the Support Group (MBK GW) No. 1 Year 2017 was held on 5 May 2017, while the MBK Meeting for Science and Technology employees in the Support Group (MBK S&T) No. 1 Year 2017 was successfully held on 18 May 2017. All three MBK meetings were held at the Public Service Department, Putrajaya.*

# MAJLIS INTERAKSI BERSAMA PIHAK PEKERJA

## INTERACTION SESSION WITH WORKER'S UNION

Majlis Interaksi Bersama Pihak Pekerja telah diadakan pada 22 Mei 2017 bertempat di Dewan Mezzanine, Jabatan Perkhidmatan Awam, Putrajaya melibatkan Ahli Majlis Tertinggi CUEPACS, ahli-ahli MBK bagi Pekerja-pekerja Pengurusan dan Profesional (MBK P&P), MBK bagi Pekerja-pekerja Sains dan Teknologi dalam Kumpulan Pelaksana (MBK S&T), dan MBK bagi Pekerja-pekerja Am dalam Kumpulan Pelaksana (MBK Am). Sesi interaksi ini bertujuan untuk menyediakan platform bagi kedua-dua pihak untuk saling berbincang dan bertukar-tukar fikiran secara lebih terbuka.

*The Interaction Session with Employees was held on 22 May 2017 at the Mezzanine Hall, Public Service Department, Putrajaya involving the Supreme Council Members of CUEPACS, members of MBK for employees in the Management and Professional Group (MBK P&P), MBK for Science and Technology Employees in the Support Group (MBK S&T) and the MBK for General Workers in the Support Group (MBK Am). The interaction session aims to provide a platform for various parties to discuss and exchange ideas among them more openly.*

# KELAB JABATAN PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2017

## PUBLIC SERVICE DEPARTMENT CLUB 2017

Laporan ini disediakan bagi memaklumkan pelaksanaan program/ aktiviti dan pencapaian Kelab Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) secara keseluruhan bagi tempoh Januari hingga Oktober 2017.

*This report shall enlist the implementation of the Public Service Department (JPA) Club's programs / activities and its achievements from January to October 2017.*

Kelab JPA adalah merupakan persatuan yang berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan Malaysia dengan Nombor Pendaftaran 1769 (Selangor) pada 17 Februari 1976. Tujuan Kelab JPA adalah untuk membantu Pihak Pengurusan dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang berkaitan majlis-majlis perjumpaan, sukan, kebajikan, kerohanian, kecergasan, rekreasi dan sosial kepada warga JPA dan ia sebagai salah satu usaha jalinan memupuk keharmonian dan jalinan kerjasama di kalangan warga JPA.

*The JPA Club is a registered association under the Registry of Societies Malaysia since the 17th of February 1976 with Registration Number 1769 (Selangor). The JPA Club was established to assist the management in conducting activities related to meetings, sports, welfare, spiritual / religious, fitness, recreational and social affairs for the JPA workforce to foster harmony and cooperation among the JPA family.*



## PENCAPAIAN

### ACHIEVEMENTS

Kelab JPA telah menyertai aktiviti/program serta pertandingan sukan di peringkat Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Wilayah Persekutuan (MAKSWIP), Kementerian Belia dan Sukan, Perbadanan Putrajaya dan anjuran pihak luar. Di antara kejayaan yang telah dicapai sepanjang tahun 2017 adalah seperti yang berikut:

*The JPA Club had participated in activities / programs as well as sports competitions at various levels including the Council of Sports and Welfare for the Government members of the Federal Territory (MAKSWIP), Ministry of Youth and Sports, Putrajaya Corporation and those organised by external parties. The achievements during the year 2017 include:*

BIL.	KEJOHANAN/ AKTIVITI	PENCAPAIAN	PERINGKAT/ANJURAN
1	Kejohanan Sepak Takraw Kelab Bukit Perdana Inter Agensi 2017 Jabatan Perdana Menteri	Naib Juara	Gelanggang Sepak Takraw, Taman Pancarona Presint 18, Putrajaya
2	<u>Karnival Sukan Tahunan PUSPANITA Tahun 2017</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pertandingan Boling Piala KSN</li> <li>- Pertandingan Bola Jaring</li> <li>- Pertandingan Futsal lelaki</li> </ul>	Naib Juara Individu Master / Keenam Berpasukan	ARL Powerbowl Alamanda, Putrajaya
3	Sesi Boling Persahabatan Kelab Sukan Rekreasi RTM / Kementerian Sumber Manusia Bersama Media Sempena Hari Pekerja 2017 dan Hari RTM ke-71	Separuh Akhir Suku Akhir	Taman Pancarona, Presint 18
4	Pertandingan Boling Sempena Kejohanan Sukan DSSK 2017	Ketiga Berpasukan Juara Kategori VIP, Naib Juara Individu Putrajaya Lelaki, Ketiga Berpasukan (JPA A) dan Keenam Berpasukan (JPA B)	Wangsa Bowl IOI City Mall, Putrajaya

## PELAKSANAAN AKTIVITI/ PROGRAM KELAB JPA *JPA CLUB'S IMPLEMENTATION OF ACTIVITIES / PROGRAMS*

# 77

aktiviti/ program  
program telah dilaksanakan  
sehingga Oktober 2017



sukan



kerohanian



sosial kebudayaan dan kesenian

*In total, 77 activities / programs was implemented until October 2017 in sports, spirituality, welfare, socio-cultural and the arts*



**Seiring dan Sejalan  
Bersama KPPA 2017**

## (a) PROGRAM UTAMA KELAB JPA

### JPA CLUB'S MAIN PROGRAM

BIL.	AKTIVITI	TARIKH
1.	Seiring dan Sejalan Bersama KPPA 2017	29 Mac 2017
2.	Jelajah CSR JPA4U : Misi Al-Quran Braille, Putrajaya – Bangkok 2017	27 April – 1 Mei 2017
3.	Majlis Solat Hajat Doa Selamat	14 Julai 2017
4.	Jelajah CSR JPA4U:Kembara Ramadan Edisi Utara Tahun 2017	16-19 Jun 2017
5.	Majlis Iftar KPPA Bersama Warga JPA Tahun 2017	16 Jun 2017
6.	Majlis Semarak Kasih Aidilfitri JPA 2017	19 Julai 2017
7.	Program Aktif Sihat JPA Bersama KPPA @ Hari Sukan Negara	13 Oktober 2017



## (b) AKTIVITI SUKAN JPA *JPA SPORTS ACTIVITY*

Kelab JPA telah menganjurkan Kejohanan Sukan Antara Bahagian bagi tahun 2017 yang melibatkan sebanyak enam (6) kumpulan Bahagian seperti yang berikut:

*The JPA Club organised The JPA Inter-Division Sports Tournament of 2017 involving six Division groups as follows:*

KUMPULAN	BAHAGIAN
1	Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
2	Bahagian Perkhidmatan
3	Bahagian Khidmat Pengurusan/ Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Dasar/ Pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam/ Bahagian Transformasi Sektor Awam
4	Bahagian Pembangunan Modal Insan
5	Bahagian Pasca Perkhidmatan/ Bahagian Pembangunan Organisasi/ Bahagian Saraan
6	Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Maklumat Strategik/ Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Dasar

Sebanyak enam (6) aktiviti sukan telah dipertandingkan di Pertandingan Sukan Antara Bahagian JPA bagi tahun 2016 seperti yang berikut:

*The following is a list of the six sporting events that was contested at the JPA Inter-Division Sports Competition of 2016:*



**22 Januari 2017**  
**KEJOHANAN TENPIN BOWLING**  
Juara : BK  
Naib Juara : BKP/PEJ.  
KPPA/BPPD/ BTSA  
Ketiga : INTAN



**21 April 2017**  
**KEJOHANAN TENPIN BOWLING**

Keputusan Lelaki :  
Juara : BKP/PEJ.  
KPPA/BPPD/ BTSA  
Naib Juara : BK  
Ketiga : BP/BPO/BS

Keputusan Wanita :  
Juara : BKP/PEJ.  
KPPA/BPPD/ BTSA  
Naib Juara : BK  
Ketiga : INTAN

Kelab JPA turut terlibat dan menyertai kejohanan luar yang dianjurkan oleh MAKSWIP, PUSPANITA Kebangsaan dan Kelab Bukit Perdana JPM seperti yang berikut:

*The JPA Club was also involved and had participated in externally-organised tournaments by MAKSWIP, PUSPANITA and the Bukit Perdana Club of the Prime Minister's Department as follows:*

BIL.	AKTIVITI	TARIKH
1.	Kejohanan Badminton Berpasukan MAKSWIP 2017	13-16 Februari 2017
2.	Kejohanan Ping Pong MAKSWIP 2017	10-13 April 2017
3.	Kejohanan Futsal Lelaki dan Wanita MAKSWIP 2017	29-30 April 2017
4.	Kejohanan Bola Tampar MAKSWIP 2017	9-10 September 2017
5.	Kejohanan Bola Sepak 11 Sebelah MAKSWIP 2017	9-10 September 2017
6.	Kejohanan Tenpin Boling Individu MAKSWIP 2017	18-19 Februari 2017
7.	Pertandingan Bowling PUSPANITA Tahun 2017	27 Ogos 2017
8.	Pertandingan Bowling PUSPANITA Tahan 2017	27 Ogos 2017
9.	Perlawanan Bola Sepak Persahabatan Antara Veteran JP Menentang Veteran Jerantut	21 Januari 2017

Selain daripada itu, aktiviti Jom Fit@JPA4U (senamrobik) turut diadakan sebanyak 33 sesi sepanjang Oktober tahun 2017 dan diadakan pada setiap hari Selasa jam 5.45 petang sehingga 6.45 petang.

*Additionally, 33 sessions of The Jom Fit@JPA4U (aerobics) activity was held throughout October 2017, held every Tuesday from 5.45pm until 6.45pm.*



**26 Februari 2017**

### KEJOHANAN BOLA JARING


Juara : BK  
Naib Juara : INTAN  
Ketiga : BP/BPO/BS



**8 April 2017**

### KEJOHANAN PING PONG

Juara : INTAN  
Naib Juara : BK  
Ketiga : BP/BPO/BS



**5 Mac 2017**

### KEJOHANAN BADMINTON

Juara : BKP/PEJ.KPPA/  
BPPD/BTSA  
Naib Juara : BK  
Ketiga : INTAN



**6 Mei 2017**

### KEJOHANAN SEPAK TAKRAW

Juara : BK  
Naib Juara : INTAN  
Ketiga : BKP/PEJ.  
KPPA/BPPD/BTSA

### (c) AKTIVITI KEBAJIKAN DAN KEROHANIAN WELFARE AND SPIRITUAL ACTIVITIES

Pelaksanaan aktiviti Kebajikan/ Nilai-Nilai Murni JPA dilaksanakan di JPA dengan tujuan untuk memupuk nilai-nilai murni dikalangan warga JPA serta mengeratkan hubungan silaturahim dikalangan warga. Bagi tahun 2017, sebanyak sebelas (11) aktiviti kebajikan dan kerohanian telah dilaksanakan seperti berikut:

*The JPA Club had organised various spiritual and moral based activities aiming to inculcate good values and strengthening rapport among the JPA workforce. In 2017, eleven welfare and spiritual activities were implemented as follows:*

BIL.	AKTIVITI	TARIKH
1.	Taman-Taman Syurga	29 Mei hingga 22 Jun 2017
2.	Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat JPA	25 April 2017
3.	Majlis Khatam Al-Quran Peringkat JPA	16 Jun 2017
4.	Perlawanan Charity Futsal 4 Penjuru (PPTD-JPA4U-0A-Acaiberry) untuk Misi Al-Quran Braille, Putrajaya – Bangkok 2017	20 April 2017
5.	Program Inisiatif Projek Charity Begins @Home Kelab JPA @GerobokRezeki JPA4U 2017	10 Februari 2017
6.	Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-Anak Yatim Anjuran Bersama Kelab JPA, Hotel Marriott Putrajaya dan TV3	30 Mei 2017
7.	Program CSR Bantuan Beg Sekolah JPA4U	23 Januari 2017
8.	Sumbangan Kematian / Kebajikan Kelab JPA	Januari - Februari
9.	Tabung Kemanusian JPA4U Darul Quran Ittifaqiyah	14 Sep 2017
10.	Tabung Kemanusian JPA4U Baras Untuk Rohingya	20 Oktober 2017
11.	Sumbangan Ikhlas Bagi Mangsa Kebakaran Pertubuhan Baitul Barokah Wal Mahabbah	29 Julai 2017



## (d) AKTIVITI SOSIAL DAN REKREASI JPA

### SOCIAL AND RECREATIONAL ACTIVITIES

Pelaksanaan aktiviti Kebajikan dan Sosial JPA dilaksanakan dengan tujuan untuk merapatkan hubungan harmoni di kalangan pegawai JPA serta memupuk semangat jati diri melalui aktiviti kesukarelawan. Sebanyak tujuh (7) aktiviti telah dilaksanakan bagi tahun 2017 seperti berikut:

*The JPA Welfare and Social activities were conducted to establish a harmonious relationship among JPA officers as well as instilling a sense of identity through volunteerism. A total of seven activities were implemented in 2017 as follows:*

BIL.	AKTIVITI	TARIKH
1.	PERKESO Run and Ride 2017	16 April 2017
2.	Program Ukhuwah Geng Jorong JPA4U	10-12 Mac 2017
3.	PERKESO Run and Ride 2017	16-Apr-17
4.	PUTRAJAYA Bridge Night Ride 2017	22 April 2017
5.	Program Santai Broga JPA4U 2017	1 April 2017
6.	Majlis Simpulan Kasih Tautan Memori YBhg. Tan Sri KPPA	23 Ogos 2017
7.	Misi Qurban Aidiladha JPA4U: Jempol Negeri Sembilan	2-3 Sep 2017

Secara keseluruhannya pelaksanaan program/ aktiviti Kelab JPA mencapai sasaran berdasarkan takwim/ perancangan yang telah ditetapkan. Semua aktiviti/ program yang telah dilaksanakan mendapat kerjasama dan sokongan padu daripada Jabatan dan Kelab-kelab Bahagian.

Sekalung penghargaan terima kasih diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa Kerja, Pengurus Kelab-kelab Bahagian, Ahli Jawatankuasa Kecil dan semua peserta/ individu yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam memastikan kelancaran perjalanan dan kejayaan Kelab JPA.

*Overall, the JPA Club's program / activities had achieved its goals as it had initially planned. All the activities / programs implemented had gained fantastic collaboration and support from various departments and division clubs.*

*We would like to offer our praises and utmost gratefulness to the Working Committee Members, Division Club Members, Subcommittees and all participants / individuals who are involved directly or indirectly in ensuring the smooth running and success of the JPA Club.*

## SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) ISO/IEC 27001:2013, JPA

### INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS) ISO / IEC 27001: 2013, JPA


Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 di JPA dilaksanakan dengan objektif untuk mengurus dan meminimumkan risiko keselamatan maklumat selaras dengan keperluan dan ekspektasi pemegang taruh. Ia menekankan kepada konsep atau prinsip keselamatan maklumat iaitu pemeliharaan kerahsiaan, integriti dan kebolehsediaan. Skop yang dipersijilkan di Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Maklumat Strategik (BPMS) dan INTAN adalah :

- a) SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MERANGKUMI PENGURUSAN PERKHIDMATAN HUMAN RESOURCES MANAGEMENT SYSTEM (HRMIS) DAN PERKHIDMATAN MEJA BANTUAN HRMIS TAHAP SATU DI JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) MALAYSIA.

- b) SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) BAGI PENGURUSAN PERKHIDMATAN SISTEM E-PEMBELAJARAN SEKTOR AWAM (EPSA) , INTAN.

*The Information Security Management System (ISMS) ISO / IEC 27001: 2013 at the JPA was implemented with the objective of managing and minimising information security risks in line with the needs and expectations of stakeholders. It emphasises on the concepts or principles of information security which are the preservation of confidentiality, integrity and having a state of readiness. The scopes that was certified in BPMS and INTAN were:*

- a) INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS) ENCOMPASSING THE MANAGEMENT OF THE HUMAN RESOURCE MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM (HRMIS) SERVICE AND A LEVEL ONE HRMIS ASSISTANCE SERVICE COUNTER AT THE PUBLIC SERVICE DEPARTMENT (JPA) MALAYSIA.
- b) INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS) FOR PUBLIC-SECTOR E-LEARNING (EPSA) SYSTEM SERVICES' MANAGEMENT, INTAN.



## AKTIVITI-AKTIVITI PERSEDEIAAN AUDIT DALAM DAN AUDIT SIRIM *PREPARATORY ACTIVITIES FOR INTERNAL AND SIRIM AUDITS*

### Aktiviti 1: Bengkel Risk Assesment

Bengkel ini telah dijalankan pada 20-24 Februari 2017 di Bangunan i-IMATEC di INTAN, Bukit Kiara yang melibatkan peserta-peserta daripada BPMS dan INTAN serta tenaga pengajar daripada pihak MAMPU. Objektif bengkel ini adalah untuk melaksanakan:

- penilaian risiko terhadap aset ICT, personel dan perkhidmatan ICT yang diterima; dan
- merangka pelan tindakan pemulihan bagi risiko yang telah dikenalpasti



### Aktiviti 2 : Bengkel Semakan Dokumen ISMS

Bengkel ini telah dilaksanakan pada 13-17 Mac 2017 di Bangunan i-IMATEC di INTAN, Bukit Kiara yang juga melibatkan peserta-peserta daripada BPMS dan INTAN. Objektif bengkel adalah untuk :

- menyemak dan mengemaskini dokumen-dokumen SOP berdasarkan prosedur semasa
- menyelaraskan dan mengemaskini dokumen ISMS bagi menepati dan memenuhi keperluan standard.

### Activity 1: Risk Assessment Workshop

*The workshop was held on 20-24 February 2017 at the i-IMATEC Building in INTAN, Bukit Kiara involving participants from BPMS and INTAN with instructors from MAMPU. The objective of this workshop was to implement:*

- Risk assessment of ICT assets, personnel and ICT services that had been received; and*
- to draw up a recovery action plan for any identified risks.*

### Activity 2: ISMS Document Review Workshop

*The workshop was held on 13-17 March 2017 at the i-IMATEC Building in INTAN, Bukit Kiara which also involved participants from BPMS and INTAN. The workshop's objectives were to:*

- review and update SOP documents based on current procedures*
- coordinate and update ISMS documents to meet and fulfil standard requirements*

### Aktiviti 3: Audit Dalam ISO 27001:2013 (ISMS) Bil 1 & 2

2 sesi audit dalam telah dilaksanakan pada 28-29 Mac 2017 dan 11-12 April 2017 di BPMS dan INTAN, Bukit Kiara. Pasukan Audit Dalaman ISMS terdiri daripada 8 orang juruaudit iaitu 3 juruaudit daripada INTAN dan 5 juruaudit daripada BPMS. Ketua juruaudit bagi kedua-dua sesi ialah Pn. Wan Norasiah binti Wan Mohd Nawi dari INTAN.

### Activity 3: Internal Audit for ISO 27001: 2013 (ISMS) No. 1 & 2

*Two internal audit sessions were held from 28-29 March 2017 and 11-12 April 2017 at BPMS and INTAN, Bukit Kiara. The ISMS Internal Audit Team consists 8 auditors: 3 auditors from INTAN and 5 auditors from BPMS. The chief auditor of both sessions was Pn. Wan Norasiah binti Wan Mohd Nawi from INTAN.*

**Aktiviti 4: Audit Pematuhan ISO/IEC 27001:2013**

Audit Pematuhan ISO/IEC 27001:2013 oleh pihak SIRM QAS International telah dilaksanakan pada 09 -10 Oktober 2017 di BPMS dan INTAN, Bukit Kiara. Pasukan audit SIRIM QAS International terdiri daripada 3 orang juruaudit dan diketuai oleh Pn. Noridah Binti Yahya. Hasil penemuan audit mendapati;

- audit dalam telah dilaksanakan oleh juruaudit dalaman yang terlatih
- semua proses berkaitan ISMS dan 114 kawalan keselamatan telah dilaksanakan mengikut kehendak standard
- peningkatan terhadap pemahaman dan kesedaran terhadap kepentingan sistem keselamatan maklumat

**Activity 4: Compliance Audit ISO / IEC 27001: 2013**

*The ISO / IEC 27001: 2013 Compliance Audit by SIRM QAS International was conducted from 9 – 10 October 2017 at BPMS and INTAN, Bukit Kiara. The audit team of SIRIM QAS International comprises 3 auditors and is headed by Pn. Noridah Binti Yahya. The audit had found that;*

- the internal audit was performed by a trained internal auditor,*
- all processes related to ISMS and the 114 security controls were implemented according to standard requirements,*
- improvements in the understanding and awareness of the importance of the information security systems.*

**Aktiviti 5 : Aktiviti Juruaudit Dalam ISMS, JPA**

Juruaudit Dalam ISMS JPA terdiri daripada 11 orang pegawai daripada BPMS dan INTAN di mana 8 orang juruaudit adalah Certified Lead Auditor.

**Activity 5: Activities of the ISMS Internal Auditors, JPA**

*The ISMS Internal Auditors of the JPA comprises 11 officers from BPMS and INTAN where 8 of them are Certified Lead Auditors.*

Pasukan Audit Dalam ISMS JPA turut menyumbang memberi khidmat Audit Dalam di Agensi luar seperti berikut:-

*The ISMS Internal Audit team of the JPA also contributes in providing Internal Audit services to other Agencies as follows: -*


BIL	TARIKH	LOKASI	JURUAUDIT TERLIBAT
1.	28-30 Mac 2017	SUK N.Sembilan	Rohaya binti Yahaya
2.	13-15 Jun 2017	Kementerian Pertanian Dan Asas Tani	NoorHalimatun binti Aziz
4.	4-5 Sept 2017	Kementerian Wilayah & Persekutuan	Wan Noor Asiah binti Wan Mohamad Nawi
3.	25-27 Sept 2017	Kementerian Kewangan	i) Rohaya binti Yahaya ii) Farhanah binti Buang

MyHRMIS Care ialah satu aplikasi mobil yang menyediakan kemudahan kepada pengguna HRMIS untuk mendapatkan bantuan dan memberi cadangan penambahbaikan, menyemak status aduan serta merujuk soalan-soalan lazim yang disediakan. MyHRMIS Care boleh dicapai di mana-mana dan bila-bila masa dengan mudah, cepat dan ringkas. Kemudahan pengesanan lokasi pengguna membantu JPA mengenal pasti lokasi pengguna dengan tepat.

*MyHRMIS Care is a mobile application that offers convenience to HRMIS users to acquire assistance, provide suggestions on improvement, to check the status of complaints and to refer to the Frequently-Asked-Questions (FAQs) page. MyHRMIS Care could be accessed at anywhere and anytime; easy, quick and concise, complete with an accurate user location detection capability.*

## MYHRMIS CARE

### SKOP/FUNGSI MyHRMIS CARE | *MyHRMIS CARE SCOPES/FUNCTIONS*



### PENGGUNA USER HRMIS

### CIRI-CIRI MyHRMIS CARE | *MyHRMIS CARE FEATURES*

- 1 Pengesanan lokasi pengadu melalui koordinat GPS  
  
*Determination of the complainant's location via GPS coordinates*
- 2 Maklumat Soalan Lazim  
  
*FAQs*
- 3 Aduan menggunakan kamera telefon untuk mengambil gambar ralat HRMIS  
  
*Complaints could be made by using phone cameras to take pictures of HRMIS errors.*
- 4 Capaian di mana-mana  
  
*Can be freely accessed anywhere*
- 5 Maklumat pengumuman terkini berkaitan HRMIS  
  
*Latest information announcement regarding HRMIS*

## OBJEKTIF MYHRMIS CARE

Di antara objektif pembangunan MyHRMIS Care adalah seperti berikut:

- i. Memberi kemudahan kepada pengguna untuk menghantar aduan dan cadangan berkaitan HRMIS melalui aplikasi *mobile*;
- ii. Semakan status aduan yang pernah di hantar boleh dibuat oleh pengguna;
- iii. Memaparkan pengumuman-pengumuman terkini berkaitan HRMIS kepada pengguna; dan
- iv. Menyediakan soalan lazim sebagai rujukan kepada pengguna.

## THE OBJECTIVES OF *MyHRMIS CARE*

*Among the objectives of MyHRMIS Care development are:*

- i. *To provide convenience for users to submit complaints and suggestions on HRMIS via mobile applications;*
- ii. *For users to check on the status of any complaints that they may have made;*
- iii. *To broadcast the latest HRMIS announcements to users; and*
- iv. *Provide a list of Frequently-Asked-Questions (FAQs) as a reference for users.*

## PELANCARAN MYHRMIS CARE MYHRMIS CARE LAUNCHING

MyHRMIS Care telah dilancarkan secara rasminya semasa Program HRMIS User Group Summit (HUGS) 2017 yang telah diadakan di Dewan Sri Siantan Perbadanan Putrajaya pada 8 Mei 2017.

*MyHRMIS Care was officially launched during the HRMIS User Group Summit (HUGS) 2017 Programme which was held at Dewan Sri Siantan, Putrajaya Corporation on 8 May 2017.*



Pelancaran MyHRMIS Care oleh YBhg. Tan Sri KPPA  
The launch of MyHRMIS Care by Tan Sri KPPA



Ikon MyHRMIS Care  
MyHRMIS Care icon

## PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN DEVELOPMENT AND IMPLEMENTATION

MyHRMIS Care dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman Jabatan Perkhidmatan Awam. Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui Google Play (Android) dan Apps Store (iOS).

Selain itu aplikasi mudah alih ini juga boleh didapati di *Gallery of Malaysian Government Mobile Applications* (GAMMA).

### Program Jelajah HRMIS

BPMs telah menjelajah ke empat (4) buah negeri bagi penganjuran Program Jelajah HRMIS. Program ini merupakan satu aktiviti pemantauan pelaksanaan HRMIS di Agensi dan aktiviti mempromosikan HRMIS ke Agensi-Agenzi Kerajaan.

Semasa program, satu perbincangan antara pasukan HRMIS JPA bersama PSUK negeri telah diadakan bagi membincangkan permasalahan yang dihadapi oleh Agensi terutamanya yang melibatkan modul-modul yang telah dikenakan KPI HRMIS. Pencapaian semasa KPI HRMIS PSUK negeri turut dibentangkan semasa perbincangan tersebut.

Selain daripada perbincangan, wakil JPA turut mengambil peluang untuk membentangkan Taklimat Kepentingan HRMIS Kepada Penjawat Awam dalam satu sesi bersama Penjawat Awam. Para peserta turut dipromosikan dengan produk-produk nilai tambah HRMIS seperti aplikasi mudah alih MyHRMIS Cuti, MyHRMIS Profil, MyHRMIS eGL, MyHRMIS Self Check dan MyHRMIS Care.

Negeri-negeri yang terlibat dalam Program Jelajah HRMIS adalah seperti berikut:

- i) Pejabat Setiausaha Kerajaan (PSUK) Pulau Pinang pada 29 & 30 Mac 2017;
- ii) Pejabat Setiausaha Kerajaan (PSUK) Melaka pada 17 & 18 April 2017;
- iii) Pejabat Setiausaha Kerajaan (PSUK) Kelantan pada 7 & 8 Ogos 2017; dan
- iv) Pejabat Setiausaha Kerajaan (PSUK) Pahang 26 & 27 September 2017.

*MyHRMIS Care was developed using the internal expertise of the Public Service Department. The app can be downloaded through Google Play (Android) and the Apps Store (iOS).*

*Additionally, the mobile application is also available at the Gallery of Malaysian Government Mobile Applications (GAMMA).*

### HRMIS Road Tour Programme

*BPMs had toured four (4) states as part of the HRMIS Road Tour Programme. The program was conducted as a HRMIS implementation monitoring activity in Agencies and to promote HRMIS to Government Agencies.*

*During the programme, a discussion between the JPA's HRMIS team with State Secretariat Offices (PSUKs) was held with Agencies under the respective state PSUK's supervision to discuss the problems faced by Agencies especially those involving modules subjected to the HRMIS' KPI. The latest KPI achievements on the state PSUK's HRMIS were also presented during the discussion..*

*Additionally, JPA representatives also took the chance to brief public officers on the Importance of HRMIS to Public Servants. Value-added HRMIS products such as MyHRMIS Cuti, MyHRMIS Profil, MyHRMIS eGL, MyHRMIS Self Check and MyHRMIS Care mobile applications was promoted to the participants as well.*

*The states involved in the HRMIS Tour Program are as follows:*

- i) Penang State Secretariat Office on 29 & 30 March 2017;
- ii) Malacca State Secretariat Office on 17 & 18 April 2017;
- iii) Kelantan State Secretariat Office on 7 & 8 August 2017; and
- iv) Pahang State Secretariat Office 26 & 27 September 2017.

## Program Turun Padang HRMIS

Kesinambungan Program Turun Padang diteruskan lagi pada tahun ini dengan lebih memfokuskan kepada Agensi-Agenzi di negeri. Program Turun Padang merupakan program untuk meningkatkan libat urus di antara JPA dengan Agensi-Agenzi pengguna HRMIS. Program ini memberi peluang kepada pihak JPA untuk melihat dengan lebih dekat kejayaan dankekangan pelaksanaan HRMIS di Agensi-Agenzi Kerajaan. Di samping itu, pihak JPA dapat menjalankan aktiviti pemantauan ke Agensi-Agenzi Kerajaan dan menangani permasalahan HRMIS secara bersemuka (*hands on*). Semasa program ini berlangsung, pentadbir HRMIS di Agensi akan menyatakan masalah-masalah yang dihadapi dalam melaksanakan HRMIS baik permasalahan dari segi teknikal, rangkaian dan pengurusan perubahan. Pasukan JPA yang dianggotai oleh wakil Helpdesk HRMIS akan terus membantu menyelesaikan masalah pentadbir HRMIS di Agensi yang dilawati.

Selain daripada menyelesaikan masalah, program ini turut memberi ruang kepada pihak JPA dan Agensi Kerajaan yang dilawati untuk berkongsi idea dan cadangan penambahbaikan HRMIS. Segala cadangan dan pandangan yang diterima akan dipertimbangkan untuk ditambah baik dalam HRMIS. Program ini juga merupakan satu bentuk aktiviti untuk JPA merakyatkan Perkhidmatan Awam.

Sebanyak 17 buah Agensi Kerajaan yang telah terlibat. Agensi-Agenzi tersebut ialah :

- i) Majlis Bandar Raya Pulau Pinang (MBPP);
- ii) Majlis Perbandaran Seberang Perai;
- iii) Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBB);
- iv) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC);
- v) Majlis Perbandaran Jasin (MPJ);
- vi) Pejabat Tanah dan Galian Melaka (PTG);
- vii) Majlis Bandar raya Melaka Bersejarah (MBMB);
- viii) Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM);

## HRMIS' Site Visit Programmes

*This year, the continuance of the Turun Padang Program was focused on state Agencies. The program was designed to improve the relationship between JPAs with HRMIS-user Agencies by closely monitoring the successes and constraints of HRMIS implementation in Government Agencies. During this program, any issues in implementing HRMIS raised by agency HRMIS administrators—whether technical, network or transitional management issues—shall be resolved promptly through a hands-on approach by the JPA team comprising HRMIS Helpdesk representatives.*

*Apart from resolving problems, the program also served to be an excellent platform for JPAs and Government Agencies to share their ideas and suggestions in improving HRMIS. The program was also a form of initiative for the JPA to make Public Service more people-centric.*

*Seventeen Government Agencies were involved in the program. The Agencies were:*

- i) Penang Island City Council (MBPP);
- ii) Seberang Perai Municipal Council;
- iii) Penang Hill Corporation (PBB);
- iv) Penang Development Corporation (PDC);
- v) Jasin Municipal Council (MPJ);
- vi) Malacca Land and Mines Office (PTG);
- vii) Melaka Historic City Council (MBMB);
- viii) Public Library of Malacca (PERPUSTAM);



- ix) Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM);
- x) Yayasan Islam Kelantan (YIK);
- xi) Majlis Perbandaran Kota Baharu Bandar Raya Islam (MPKBBRI);
- xii) Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA);
- xiii) Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin Semerak;
- xiv) Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan;
- xv) Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang;
- xvi) Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP); dan
- xvii) Majlis Perbandaran Kuantan (MPK).

### **Program Implementation Status (ImStat)**

Program *Implementation Status* (ImStat) adalah aktiviti yang dilaksanakan bagi memantau pelaksanaan HRMIS di Agensi-Agenzi Kerajaan. Berbeza dengan program Jelajah HRMIS dan Program Turun Padang, program ini dilaksanakan di kawasan pejabat sahaja di mana Agensi-Agenzi yang terlibat telah dijemput bagi membincangkan isu-isu pelaksanaan HRMIS. Isu-isu akan dikenal pasti terlebih dahulu oleh pasukan HRMIS JPA sebelum meminta penjelasan daripada Agensi-Agenzi. Permasalahan yang sering dibangkitkan adalah mengenai perjawatan di Agensi, penamatian perkhidmatan seseorang Penjawat Awam dan isu data tidak berintegriti. Pelaksanaan program ini telah membantu JPA menyelesaikan isu-isu yang telah lama dihadapi oleh Agensi-Agenzi Kerajaan terutamanya dalam melaksanakan HRMIS.

Pada tahun 2017, JPA telah menjalankan Program ImStat sebanyak lima (5) kali dan melibatkan 19 buah Agensi. Perbincangan tersebut telah diadakan seperti berikut:

- i) Jabatan Perdana Menteri;
- ii) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
- iii) Kementerian Kewangan;
- iv) Kementerian Dalam Negeri;
- v) Kementerian Pertahanan;
- vi) Kementerian Wilayah Persekutuan;
- vii) Kementerian Kerja Raya;
- viii) Kementerian Kesejahteraan Bandar,

- ix) Melaka Museum Corporation (PERZIM);
- x) Kelantan Islamic Foundation (YIK);
- xi) Kota Bharu Municipal Council Islamic City (MPKBBRI);
- xii) Kemubu Agricultural Development Authority (KADA);
- xiii) Integrated Agricultural Development Area (IADA) of Kemasin Semerak;
- xiv) Kuantan District and Land Office;
- xv) Pahang Public Works Department;
- xvi) Pahang State Agricultural Development Corporation (PKPP)
- xvii) Kuantan Municipal Council (MPK).

### **Implementation Status Programme (ImStat)**

*The Implementation Status Program (ImStat) is an implementation monitoring activity of HRMIS in Government Agencies. Unlike the HRMIS Road Tour and Turun Padang Programs, ImStat is implemented in office settings where the Agencies involved are invited to discuss HRMIS implementation issues. The JPA HRMIS team would typically identify the core issue before requesting further clarification from the Agencies involved. Frequently raised issues were on agency postings, Public Servant's service termination and corrupted data. The program has helped the JPA to resolve prolonged issues faced by Government Agencies in implementing HRMIS.*

*In 2017, the JPA ran five ImStat Programs involving 19 Agencies as follows:*

- i) Prime Minister's Department
- ii) Ministry of International Trade and Industry
- iii) Ministry of Finance
- iv) Ministry of Home Affairs
- v) Ministry of Defense
- vi) Ministry of Federal Territories
- vii) Ministry of Works
- viii) Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government
- ix) Ministry of Youth and Sports
- x) Ministry of Women, Family and Community Development

- ix) Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
- x) Kementerian Belia dan Sukan;
- x) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- xi) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;
- xii) Kementerian Perusahaan Perlادangan dan Komoditi;
- xiii) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi;
- xiv) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;
- xv) Jabatan Kastam;
- xvi) Jabatan Akauntan Negara;
- xvii) Jabatan Kerja Raya;
- xviii) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia; dan
- xix) Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU);

### **Program Sharing HRMIS Application Knowledge And Experience (SHARE)**

Program *Sharing HRMIS Application Knowledge and Experience* yang dilaksanakan pada tahun ini atau lebih dikenali sebagai SHARE adalah merupakan penjenamaan semula kepada Program *Training on HRMIS for Users* (THOR) yang telah dilaksanakan pada tahun 2015 dan 2016. Bersesuaian dengan penjenamaan semula tersebut, terdapat pertambahan pengisian pada program SHARE ini iaitu slot perkongsian ilmu oleh Agensi terpilih bagi memberi peluang kepada pengurus sumber manusia dan pentadbir HRMIS Agensi berkongsi pengalaman dalam melaksanakan penggunaan HRMIS 2.0 di Agensi. Agensi-Agenzi yang telah terlibat di dalam sesi perkongsian ilmu tersebut ialah seperti berikut:

- xi) Ministry of Agriculture and Agro-based Industry
- xii) Ministry of Plantation Industries and Commodities
- xiii) Ministry of Science, Technology and Innovation
- xiv) Malaysian Anti-Corruption Commission
- xv) Royal Malaysian Customs Department
- xvi) Accountant General's Department of Malaysia
- xvii) Public Works Department
- xviii) Department of Syariah Judiciary Malaysia
- xix) Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU);

### **Sharing HRMIS Application Knowledge And Experience Programme (SHARE)**

*The Sharing HRMIS Application Knowledge and Experience Program or SHARE is a rebranding of the Training on HRMIS for Users (THOR) programme that was implemented in 2015 and 2016. With the rebranding, the SHARE program introduced a new knowledge sharing slot by selected Agencies where human resource managers and agency HRMIS administrators were to share their experiences in implementing the use of HRMIS 2.0 within their respective Agencies. Agencies that have been involved in the sharing of knowledge were as follows:*

<b>1 KPM</b>	<b>6 KPWKM</b>	<b>11 KKM</b>
<b>2 JPM</b>	<b>7 KPKT</b>	<b>12 MINDEF</b>
<b>3 KKM</b>	<b>8 KKR</b>	<b>13 MOA</b>
<b>4 KPT</b>	<b>9 KWP</b>	<b>14 PSUK KELANTAN</b>
<b>5 KKMM</b>	<b>10 KSM</b>	<b>15 NRE</b>


Senarai Agensi yang dijemput untuk Sesi Perkongsian Ilmu pada Program SHARE

*List of Agencies invited to SHARE's Knowledge Sharing Session*

Selain itu, terdapat juga slot perkongsian ilmu oleh Helpdesk JPA disamping aktiviti secara *hands on* kepada para peserta oleh Pemilik Modul (MO) HRMIS bagi setiap penambahbaikan modul yang dilaksanakan oleh JPA. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 15 siri Program SHARE telah dilaksanakan dan butiran lanjut adalah seperti carta di bawah:

*Additionally, with each modular improvement made by the JPA, knowledge-sharing slots by the JPA's Helpdesk was held in combination with hands-on activities between the participants and the HRMIS Module Owners (MO). In 2017, 15 SHARE series were conducted as per the details below:*

**Bilangan Agensi dan Peserta Program SHARE bagi Tempoh Januari - Dis 2017**  
*No. of Agencies and Participants of the SHARE Programme for the Period of January - Dec 2017*



\*Maklumat Bilangan Agensi dan Bilangan Peserta adalah Sehingga 27 Oktober 2017

\*Information on the Number of Agencies and Participants was for up until 27 October 2017

### Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS Bil. 1/2017

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS Bil.1/2017 telah dilaksanakan pada 8 Mei 2017 bertempat di Dewan Sri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Putrajaya. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Dato' Sri Zainal Rahim bin Seman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam . Objektif utama pelaksanaannya adalah bagi menimbang dan meluluskan Strategi Pelaksanaan HRMIS, memantau pelaksanaan HRMIS serta menilai Laporan Kemajuan Pelaksanaan HRMIS di peringkat Kementerian/ PSUK dan Agensi-Agenzi di bawah seliaan.

Mesyuarat pada kali ini telah dihadiri seramai 119 orang ahli yang terdiri dari 53 Pengurusan Atasan Tertinggi semua Kementerian/ Agensi Kerajaan

### HRMIS Steering Committee Meeting No. 1/2017

*The HRMIS Steering Committee Meeting No. 1/2017 was held on 8 May 2017 at Dewan Sri Melati, Putrajaya Corporation Complex, Putrajaya. The meeting was chaired by the Director General of Public Service, Tan Sri Zainal Rahim bin Seman. The main objectives were to consider and approve the HRMIS Implementation Strategy; to monitor HRMIS implementation and to evaluate the HRMIS Implementation Progress Report at the Ministry- / PSUK- and agency-level.*

*The meeting was attended by 119 members comprising 53 Top Management of all Government Ministries / Agencies imposed with the HRMIS KPI, State Secretariat Offices of*

yang dikenakan KPI HRMIS, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak, Pengurusan Atasan JPA, Pemilik Proses HRMIS serta wakil dari Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Maklumat Strategik (BPMS), JPA. Antara perkara utama yang dibincangkan adalah mengenai Pelaporan Pencapaian Penilaian KPI HRMIS bagi Tahun 2016 serta Pemakluman pelaksanaan KPI Data Perjawatan HRMIS mengikut Skim Perkhidmatan dan Gred Jawatan mulai tahun 2017 dan persetujuan dengan Cadangan Kamus KPI 2017.

*Sabah and Sarawak, Senior Management of JPA, HRMIS Process Owners and representatives from the Development & Management of Strategic Information Division (BPMS), JPA. Among the main issues discussed was the HRMIS' KPI Evaluation Achievement Reporting of 2016; announcing the implementation of HRMIS Postings Data KPI in accordance with Service Schemes and Designation Grades beginning 2017 and the approval of the proposed KPI Dictionary of 2017.*



## Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan HRMIS Bil. 1/2017

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan HRMIS telah diadakan pada 10 Oktober 2017 bertempat di Dewan Serbaguna, Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Dato' Nor Inchun Mohamed Salleh, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi).



Objektif mesyuarat yang diadakan secara berkala ini adalah bagi menimbang dan meluluskan garis panduan, memantau serta melaporkan pelaksanaan HRMIS di semua Agensi sektor awam. Mesyuarat ini juga dijadikan sebagai platform untuk mengutarkan isu-isu pelaksanaan agar kaedah penyelesaian dapat dirangka bersama melalui perbincangan.

Antara intipati mesyuarat adalah pemakluman kaedah pelaksanaan perbandingan Skim Perkhidmatan, Gred Jawatan dan Bilangan Perjawatan bagi kiraan KPI HRMIS tahun 2017 dan 2018, Status Pencapaian KPI HRMIS Tahun 2017 dan Perkongsian Pengalaman dalam Pelaksanaan HRMIS. Perkongsian pengalaman adalah bertujuan untuk memberi inspirasi serta input kepada Agensi yang lain dalam memperkasakan pelan tindakan pelaksanaan HRMIS masing-masing serta mempertingkatkan pencapaian KPI HRMIS yang lebih cemerlang.

## HRMIS Implementation Committee Meeting No. 1/2017

*The HRMIS Implementation Committee Meeting was held on 10 October 2017 at the Multipurpose Hall, Ministry of Youth and Sports (KBS). The meeting, chaired by Dato' Nor Inchun Mohamed Salleh, Deputy Director General of Public Service (Operation).*

*The periodic meeting aims to evaluate and approve guidelines as well as to monitor and report on HRMIS implementation by every public-sector agency. The meeting also serves as a platform to highlight implementation issues to collectively discuss viable solutions.*

*Among the essence of the meeting was the introduction of a comparison method of Service Schemes, Designation Grades and Number of Posts for HRMIS' KPI calculations of 2017 and 2018; HRMIS' KPI Achievement Status for 2017 and experience sharing sessions on HRMIS implementation. Experience sharing was to inspire and provide inputs to other Agencies in strengthening their respective HRMIS implementation plans to attain improvements in their HRMIS KPI.*



## Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun 2017

Pelaksanaan KPI HRMIS pada tahun 2017 melibatkan 49 Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) dan 4 SUK (Johor, Kedah, Kelantan, Terengganu) dengan penilaian bagi kriteria – kriteria berikut :

### KRITERIA PENILAIAN KPI HRMIS TAHUN 2016

- 1 PENGEMASKINIAN DATA PENJAWATAN**
- 2 PEMURNIAN DATA**
- 3 PELAKSANAAN LNPT**
- 4 PELAKSANAAN SKT**
- 5 PENGISYIHTARAN HARTA**
- 6 PENAMATAN PERKHIDMATAN**

Markah	Kaedah Pengukuran	Tarikh Akhir
<b>20</b>	Perbandingan Bilangan Perjawatan di antara HRMIS dan MyPost	31-01-2017
<b>20</b>	21 Elemen (Data Perjawatan, Rekod Peribadi, Profil Perkhidmatan)	31-12-2016
<b>20</b>	Selesai dinilai oleh Pegawai Penilai Kedua (PPK)	14-02-2017
<b>15</b>	Telah disahkan atau tidak disahkan (Semakan semula PYD) oleh Pegawai Penilai Pertama	31-07-2016
<b>15</b>	Diambil maklum oleh Ketua Jabatan	31-12-2016
<b>10</b>	Rekod berjaya dihantar melalui HRMIS ke POWER	31-12-2016

Pada keseluruhannya semua 49 PPTPA dan 4 SUK kerana telah berjaya mencapai markah melebihi 95% dengan penarafan lima (5) bintang. Daripada jumlah tersebut, tujuh belas (17) Agensi yang terdiri daripada 6 SUK, 4 Ketua Perkhidmatan, 4 Ketua Pengarah Agensi Pusat, 2 Ketua Setiausaha dan 1 Setiausaha Persekutuan, telah berjaya memperolehi markah penuh 100%. Sijil Anugerah Kecemerlangan HRMIS yang telah memperolehi penarafan lima bintang telah di sampaikan oleh YBhg. Tan Sri KPPA kepada PPTPA dan SUK yang berkenaan semasa Program HRMIS User Group Summit (HUGS) 2017 di Dewan Seri Siantan, Perbadanan Putrajaya, Presint 3 Putrajaya pada pada 8 Mei 2017.

1. Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
2. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
3. Jabatan Perdana Menteri
4. Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
5. Kementerian Wilayah Persekutuan
6. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

## HRMIS Key Performance Index (KPI) 2017

*The implementation of HRMIS KPI in 2017 involved 49 Public Service Top Management (PPTPA) and 4 SUK (Johor, Kedah, Kelantan, Terengganu) assessed by the following criteria:*

*Overall, all 49 PPTPA and 4 SUK achieved a score of more than 95% with five-star ratings, from which, 17 Agencies consisting of 6 SUKs, 4 Heads of Services, 4 Director Generals of Central Agencies, 2 Secretary Generals and 1 Federal Secretary managed to earn a full 100% score. The HRMIS Certificate of Excellence with five-star rating was delivered by Tan Sri KPPA to the respective PPTPA and SUK during the HRMIS User Group Summit (HUGS) 2017 Program at Seri Siantan Hall, Putrajaya Corporation, Presint 3, Putrajaya on 8 May 2017.*

1. Selangor State Secretariat's Administration
2. Perak State Secretariat Office
3. Prime Minister's Department
4. Terengganu State Secretariat's Administration
5. Ministry of Federal Territories
6. Kelantan State Secretariat Office
7. Negeri Sembilan State Secretariat's Office
8. Melaka State Secretariat Office
9. Accountant General's Department of Malaysia

7. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
8. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
9. Jabatan Akauntan Negara
10. Jabatan Peguam Negara
11. Unit Penyelarasaran Pelaksanaan
12. Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
13. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
14. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
15. Unit Perancang Ekonomi
16. Unit Kerjasama Awam Swasta
17. Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah

10. Attorney General's Chambers of Malaysia
11. Implementation and Coordination Unit
12. Department of Irrigation and Drainage Malaysia
13. Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit
14. Malaysian Syariah Judiciary Department
15. Economic Planning Unit
16. Public Private Partnership Unit
17. Sabah Federal Secretary's Office

Penyampaian sijil dilaksanakan berdasarkan tiga (3) kategori yang disusun mengikut kluster bilangan perjawatan Agensi iaitu:

*The certificates were awarded in three clusters separated in correspondence with the amount of tenure each respective agency has:*

### **KLUSTER 1:**

**Bilangan Perjawatan Seratus Ribu Sehingga Lima Ratus Lima Puluh Ribu (100,000 – 550,000)**

#### **CLUSTER 1:**

***The Number of Posts Between One Hundred Thousand to Five Hundred Fifty Thousand (100,000 - 550,000)***

### **KLUSTER 2:**

**Bilangan Perjawatan Sepuluh Ribu Sehingga Lima Puluh Ribu (10,000 – 50,000)**

#### **CLUSTER 2:**

***The Number of Posts between Ten Thousand to Fifty Thousand Posts (10,000 - 50,000)***

1. Ketua Pengarah Kesihatan
2. Ketua Pengarah Pelajaran
3. Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
5. Kementerian Pendidikan Tinggi

1. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
2. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
3. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
4. Kementerian Pengangkutan
5. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
6. Kementerian Kerja Raya
7. Jabatan Kerja Raya
8. Kementerian Kewangan
9. Jabatan Kastam Diraja Malaysia
10. Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah
11. Kementerian Pertahanan
12. Kementerian Dalam Negeri; dan
13. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor



### **KLUSTER 3: Bilangan Perjawatan Kurang Daripada Sepuluh Ribu (<10,000)**

#### **CLUSTER 3: Number of Posts Less Than Ten Thousand (<10,000)**

1. Kementerian Sumber Manusia
2. Kementerian Belia dan Sukan
3. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
4. Jabatan Pendidikan Tinggi
5. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
6. Kementerian Luar Negeri
7. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
8. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
9. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
10. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
11. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
12. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
13. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia
14. Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak
15. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
16. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
17. Jabatan Audit Negara; dan
18. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

### **PELUASAN SISTEM ANALITIK SUMBER MANUSIA SEKTOR AWAM (ASSIST)**


#### ***THE PUBLIC-SECTOR HUMAN RESOURCE ANALYTICS SYSTEM (ASSIST)***

Sistem Analitik Sumber Manusia Sektor Awam atau lebih dikenali sebagai ASSIST merupakan sistem kepintaran bisnes (*business intelligent*) berdasarkan *dashboard* yang dibangunkan sebagai satu mekanisme penyampaian dan pelaporan maklumat HRMIS serta sistem-sistem utama JPA lain.

Sistem ini menyediakan kemudahan untuk menjana, menganalisis data serta menyediakan laporan berkaitan maklumat sumber manusia secara *real time* bagi tujuan penyelidikan, perancangan, penyediaan dasar dan membuat keputusan.

*The Public-Sector Human Resource Analytics System or better known as ASSIST is a dashboard-based business intelligent system developed as a communications and reporting mechanism on HRMIS as well as other major JPA systems.*

*This system provides the means to generate, analyse data and preparing reports on human resources information in real time for research, planning, policy preparation and decision-making purposes.*



Inisiatif ini bermula dengan penglibatan 4 Agensi rintis pada tahun 2015 dan diperluaskan kepada 54 Agensi lain pada tahun 2016 yang terdiri daripada Kementerian, Jabatan Persekutuan yang utama dan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK).

Pada tahun 2017, aktiviti utama yang dijalankan adalah menaiktaraf sistem sedia ada kepada versi yang terkini dan memantapkan pengetahuan serta kemahiran pentadbir-pentadbir HRMIS yang terlibat seiring dengan peningkatan sistem. Sesi pengenalan sistem kepada kepada Agensi-Agenzi yang lain turut diadakan bagi memberi pendedahan akan kepentingan dan kelebihan ASSIST dalam menyokong pengurusan sumber manusia yang strategik.

Sebanyak lapan (8) siri program latihan telah diadakan bagi membangunkan keupayaan pentadbir-pentadbir HRMIS dalam mengendalikan sistem ASSIST. Bilangan Agensi dan peserta yang terlibat adalah seperti Carta 1 di bawah.


**Bilangan Agensi dan Peserta bagi Program Analitik Sumber Manusia Sektor Awam (ASSIST) Tahun 2017**  
*No. of Agencies and Participants for the Public-Sector Human Resource Analytics Program (ASSIST) 2017*

Jumlah Agensi      Jumlah Peserta

*The initiative began with the involvement of 4 pilot Agencies in 2015 and had extended to 54 other Agencies in 2016 including Ministries, main Federal Departments and State Secretariat's Administrations (PSUK).*

*In 2017, one of the key activities undertaken was to upgrade existing systems to the latest version and refining the knowledge and skills of HRMIS administrators involved to keep up with system upgrades. The system's introductory sessions to other Agencies were held to expose the importance and advantages of ASSIST in supporting strategic human resource management.*

*Eight series of training programs were held to develop the capabilities of HRMIS administrators in managing the ASSIST system. The number of Agencies and participants involved were as follows:*





## KAWALAN SAIZ PERKHIDMATAN AWAM

### *PUBLIC SERVICES SIZE CONTROL*

SEKTOR	2014	2015	2016	2017	
PENDIDIKAN	511,887	512,531	515,801	519,642	↑ (1.5%)
KESIHATAN	240,797	240,107	241,199	240,599	↓ (0.08%)
SOSIAL	176,698	168,227	169,024	180,318	↑ (2.0%)
KESELAMATAN	346,512	352,291	355,448	358,376	↑ (3.0%)
PENTADBIRAN	266,969	270,309	261,105	251,334	↓ (5.8%)
EKONOMI	170,894	169,364	169,830	163,456	↓ (4.4%)
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>511,887</b>	<b>512,531</b>	<b>515,801</b>	<b>519,642</b>	

### TREND PERJAWATAN MENGIKUT SEKTOR 2014-2017

*POSTING TRENDS BY SECTOR 2014-2017*



**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2016**  
RASIONALISASI SKIM PERKHIDMATAN BAGI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN DI  
BAWAH SISTEM SARAAN MALAYSIA

**PERWUJUDAN JAWATAN**  
LAPISAN GRED KENAIKAN PANGKAT BAHRU



PERWUJUDAN  
**1,203**  
Jawatan



MANFAAT KEPADA  
**3,609**  
Penyandang

**PELAKSANAAN JD SEKTOR AWAM 2017**  
**IMPLEMENTATION OF PUBLIC SECTOR JD 2017**

*Job Description* merupakan satu alat dalam mengenalpasti skop dan fungsi tugas sebenar bagi sesuatu perjawatan dalam Agensi. Ia merujuk kepada keperluan sebenar tugas yang diberikan mengikut pengalaman, pendidikan dan kemahiran sebenar pegawai bagi menyandang jawatan tersebut.

**KEPUTUSAN KPPA**

Mesyuarat Cadangan Rangka Kerja Pembangunan Deskripsi Tugas Sektor Awam bersetuju dengan pelaksanaan rintis JD melibatkan Jawatan Tier, JPA dan MAMPU

**MESYUARAT  
JD TEAM BIL  
2/2017**

**SESI SEMAKAN**

Semakan draf JD Tier 1 yang diterima daripada Agensi

**CADANGAN KOMPONEN  
GENERIK TIER 1**

Penetapan komponen generik bagi semua jawatan Tier 1

**SESI PEMURNIAN**

Pemurnian draf JD Tier 1 dengan mengambil kira cadangan komponen generik yang ditetapkan

**SESI TOT**

Sesi Latihan Mengajar kepada Pegawai Baharu BPO sebagai persediaan awal untuk pelaksanaan JD Tahun 2018

**MESYUARAT  
JD TEAM BIL  
1/2017**

**TAKLIMAT PSM**

Pemakluman kepada semua PSM Agensi berhubung Pembangunan JD Sektor Awam

**3 APR**

**9 MEI**

**MESYUARAT  
JD TEAM BIL  
2/2017**

**15 MEI**

**13 JUN**

**8 OGS**

**23 OKT**

**10 NOV**

**14 NOV**

**22 NOV**


**15 DIS**

**EDARAN TEMPLAT**  
Edaran Templat JD Tier 1 sebagai salah satu projek rintis tahun 2017

**MESYUARAT  
JD TEAM BIL  
3/2017**

# PENETAPAN AKAUNTABILITI GENERIK JD JAWATAN TIER 1

## GENERIC ACCOUNTABILITY DETERMINATION OF A POST'S JD TIER 1




# STATUS PELAKSANAAN DESKRIPSI TUGAS SEKTOR AWAM

## IMPLEMENTATION STATUS OF THE DESCRIPTION OF PUBLIC-SECTOR DUTIES

01 <b>PTPA</b> BPP MAMPU	02 <b>TIER 1</b> BPO JPA	03 <b>JPA</b> BKP JPA	04 <b>MAMPU</b> BKP MAMPU	03 <b>HRMIS</b> BPMS JPA	04 <b>LATIHAN</b> INTAN JPA
Fail Meja dijenamakan semula kepada myPortfolio, Pekeliling telah dimuktamadkan untuk pertimbangan KSN	Edaran draf JD TIER 1 kepada PSM untuk persetujuan pengurusan tertinggi Agensi	99%	100%	Dalam peringkat pembangunan sistem	Dalam peringkat penilaian input JD untuk membangunkan Modul Latihan
TINDAKAN SETERUSNYA Diangkat untuk kelulusan KSN	TINDAKAN SETERUSNYA Diangkat untuk kelulusan KPPA/KSN	TINDAKAN SETERUSNYA Migrasi Data ke Modul JD HRMIS 2.0	TINDAKAN SETERUSNYA Migrasi Data ke Modul JD HRMIS 2.0	TINDAKAN SETERUSNYA Pengujian sistem dijangka pada bulan Mac 2018	TINDAKAN SETERUSNYA Pembangunan Modul Latihan melalui EPSA oleh Kluster i-MATEC

# PERANCANGAN PELAKSANAAN DESKRIPSI TUGAS SEKTOR AWAM 2018

## IMPLEMENTATION PLANNING OF THE DESCRIPTION OF PUBLIC-SECTOR DUTIES 2018



## PERSIDANGAN PSIKOLOGI MODAL INSAN 2017 HUMAN CAPITAL PSYCHOLOGY CONFERENCE 2017

Persidangan Psikologi Modal Insan 2017 telah diadakan pada 9 Oktober 2017 (Isnin) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dengan tema "#SejahteraNegarakuMalaysia" dan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi. Seramai 6,257 orang pegawai daripada Kementerian/SUK/Jabatan menghadiri persidangan ini. Objektif persidangan ini adalah :

- Memperkasa keupayaan Penjawat Awam dalam menyantuni pelanggan.
- Meningkatkan pemahaman Penjawat Awam dalam meladeni harapan dan jangkaan pelanggan.
- Membekalkan Penjawat Awam dengan ilmu kemanusiaan dalam memahami fitrah dan psikologi pelanggan.
- Menjadi medium kepada Penjawat Awam untuk berkongsi maklumat, kaedah dan teknik serta meningkatkan ilmu pengetahuan.
- Mewujudkan jaringan kerjasama yang erat di antara semua Agensi bagi mengecilkan jurang silo.

### **Impak persidangan ini adalah**

- Penjawat Awam yang berupaya menyantuni pelanggan dengan baik.
- Penjawat Awam yang berupaya untuk meladeni keinginan, harapan dan jangkaan tinggi pelanggan.
- Penjawat Awam yang memahami fitrah dan psikologi pelanggan.
- Penjawat Awam yang berilmu dan berkemahiran tinggi.
- Jurang silo di antara Kementerian dan Agensi Kerajaan berjaya dikurangkan.

*The Human Capital Psychology Conference 2017 was held on 9 October 2017 (Monday) at the Putrajaya International Convention Center (PICC) with the theme "#SejahteraNegarakuMalaysia", officiated by the Deputy Prime Minister, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi. A total of 6,257 officers from Ministries, SUKs and Departments attended the conference. The objectives of the conference were:*

- *Empowering Public Servants' capabilities in assisting customers.*
- *Improve Public Servants' thoughtfulness in fulfilling customers' hopes and expectations.*
- *Providing Public Servants with humanitarian knowledge in understanding customer's nature and psychology.*
- *Becoming a medium for Public Servants to share information, methods and techniques as well as to improve knowledge.*
- *Creating a close collaboration network between all Agencies to minimise silo gaps.*

### ***The impacts of the conference were***

- *Public Servants who could assist customers well.*
- *Public Servants who are willing to serve the customers' desires, hopes and expectations.*
- *Public Servants who understand the nature and psychology of customers.*
- *Intelligent and highly skilled Public Servants.*
- *The silo gap between Ministries and Government Agencies was successfully reduced.*



## PROGRAM INTERVENSI DALAM TEMPOH PEMERHATIAN DASAR PEMISAH (EXIT POLICY) *INTERVENTION PROGRAM WITHIN THE EXIT POLICY'S OBSERVATION PERIOD*

Pelaksanaan Program Intervensi Dalam Tempoh Pemerhatian adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2015: Pelaksanaan Dasar Pemisah (*Exit Policy*) Bagi Pegawai Berprestasi Rendah Dalam Perkhidmatan Awam yang bertujuan untuk membantu pegawai berfungsi dan berprestasi semula.

Sejajar dengan teras Strategik Bab 9 : Mentransformasi Perkhidmatan Awam Untuk Produktiviti, Bidang Fokus B : Merasionalisasikan Institusi Sektor Awam Untuk Meningkatkan Produktiviti dan Prestasi, Strategi B3 : Memperkenalkan Dasar Pemisah Kepada Pegawai Yang Berprestasi Rendah.

Mekanisme Pelaksanaan Tempoh Pemerhatian Dasar Pemisah Bagi Pegawai Berprestasi Rendah Dalam Perkhidmatan Awam dibangunkan bagi memastikan Pegawai Psikologi melaksanakan intervensi secara seragam dan sistematik dalam tempoh peemrhatian selama satu (1) tahun.

### **PEMANTAUAN MEKANISME PELAKSANAAN TEMPOH PEMERHATIAN DASAR PEMISAH BAGI PEGAWAI BERPRESTASI RENDAH DALAM Perkhidmatan Awam**

Kumpulan sasar program ini adalah Pengurus Sumber Manusia & Pegawai Psikologi (Pemberi Perkhidmatan) serta Pegawai Berprestasi Rendah (Penerima Perkhidmatan). Objektif program ini adalah :

- i. Memastikan keberkesanan program intervensi bersepadan kepada pegawai berprestasi rendah yang menjalani tempoh pemerhatian dasar pemisah.
- ii. Membantu pegawai berprestasi rendah meningkatkan prestasi.

*The Implementation of the Intervention Program Within the Observation Period was in line with the Service Circular N0. 7 Year 2015: Implementation of the Exit Policy for Poor-Performing Public Officers aimed at helping officers to improve their function and performance.*

*In line with the Strategic Core Chapter 9: Transforming Public Service for Productivity, Focus Areas B: Rationalising Public-Sector Institutions to Improve Productivity and Performance, Strategy B3: Introducing the Exit Policy to Poor-performing Officers.*

*The Exit Policy's Observation Period Implementation Mechanism for Poor-Performing Officers in Public Services was developed to ensure Psychological Officers performed the interventions in a uniform and systematic manner during the one-year observation period.*

### **IMPLEMENTATION MONITORING MECHANISM OF THE EXIT POLICY FOR POOR-PERFORMING PUBLIC OFFICERS**

*The target groups for this program are the Human Resources & Psychological Officers (Service Providers) and Poor-Performing Officers (Service Beneficiaries). The objectives of the program were:*

- i. To ensure the effectiveness of the integrated intervention program to poor-performing officers undergoing the exit policy's observation period.*
- ii. Helping poor-performing officers to improve their performance.*

## Sesi Konsultasi Pelaksanaan Tempoh Pemerhatian Dasar Pemisah Bagi Tahun 2017

*Consultation Session for the Exit Policy Observation Period for the Year 2017*

### Kementerian/SUK

- 8 13 JAN 2017 (NRE)
- 2 FEB 2017 (KPM)
- 3 FEB 2017 (KKMM)
- 8 MAC 2017 (MOT)
- 30 MAC 2017 (MOA)
- 4 APR 2017 (SUK N.SEMBILAN)
- 29 OGOS 2017 (KPWKM)
- 10 OKT 2017 (NRE)
- 25 OKT 2017 (KPT)

### Agensi/BADAN BERKANUN

- 3 2 MAC 2017 (JPM)
- 12-13 APRIL 2017 (JKM)
- 26 APRIL 2017 (DBKL)

### IPTA

- 12 10 JAN 2017 (UKM)
- 11 JAN 2017 (USIM)
- 16 FEB 2017 (UTHM)
- 20 FEB 2017 (UM)
- 14 MAC 2017 (UTEM)
- 19 MAC 2017 (UNISZA)
- 25 MEI 2017 (UMS)
- 21 JUN 2017 (UNIMAP)
- 1 OGOS 2017 (UUM)
- 7 OGOS 2017 (UTM)
- 15 OGOS 2017 (UPM)
- 22 OGOS 2017 (UITM)
- 1 NOV 2017 (UITM)



ANGGARAN JUMLAH PEGAWAI/PESERTA

2,880  
ORANG

### OBJEKTIF AKTIVITI/PROGRAM

Bahagian Sumber Manusia Kementerian/Agenzi dan Pegawai Psikologi dapat melaksanakan prosedur Dasar Pemisah secara komprehensif

### OBJECTIVES OF ACTIVITIES / PROGRAMS

*Human Resources Division of Ministries / Agencies and Psychology Officers can implement the Exit Policy procedures comprehensively.*

### Panel Intervensi Psikologi (PIPs) bagi Sesi 2017/2018 *Psychological Intervention Panel (PIPs) for Session 2017/2018:*

BIL.1	7.2.2017
BIL. 2	28.2.2017
BIL. 3	24.3.2017
BIL. 4	1.6.2017
BIL. 5	21.6.2017
BIL. 6	14.7.2017
BIL. 7	10.8.2017
BIL. 8	18.9.2017
BIL. 9	21.9.2017
BIL. 10	23.11.2017

Penyelarasan Dan Konsultansi Pelaksanaan Tempoh Pemerhatian Dasar Pemisah Melalui Panel Intervensi Psikologi (PIPs) Bagi Sesi 2017/2018

*Exit Policy's Implementation Coordination and Consultation Through the Psychological Intervention Panel (PIPs) for the 2017/2018 Session*

## **PELAKSANAAN PROGRAM INTENSIVE INTERVENTION FOR AVERAGE PERFORMER (IIAP) IMPLEMENTATION OF THE INTENSIVE INTERVENTION FOR AVERAGE PERFORMER (IIAP) PROGRAM**



**The Grand Beach Resort  
Port Dickson**



**24-26 Mei 2017**

Anjuran **Kementerian Sumber Manusia** dengan kerjasama  
Organised by **Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam**

### **Pengenalan IIAP**

- a) Penilaian prestasi melalui LNPT merupakan aktiviti tahunan yang dilakukan sepanjang masa dan memberi kesan berterusan kepada warga organisasi. Justeru, penilaian prestasi merupakan antara perkara terpenting dan berkait rapat dengan pelbagai aktiviti dan keputusan pengurusan sumber manusia termasuk pertimbangan kenaikan gaji tahunan, peluang kenaikan pangkat, peluang latihan secara biasiswa penuh dan separa biasiswa serta Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Malahan bermula tahun 2015, pegawai yang memperolehi markah LNPT kurang 60% akan menjalani tempoh pemerhatian melalui pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2015.



- b) Oleh kerana kepentingan sistem penilaian prestasi (LNPT) dengan pelbagai aspek pengurusan sumber manusia, maka konteks keadilan dalam penilaian prestasi akan diberi penekanan dalam modul program bersama penyelia. Sehubungan itu juga, pengurusan prestasi pegawai Perkhidmatan Awam seharusnya tidak hanya tertumpu kepada kemampuan pegawai melaksana dan menyempurnakan tugasannya tetapi juga aspek tingkahlaku dan sikap yang ditunjukkan oleh pegawai.

### **IIAP INTRODUCTION**

- a) *Performance assessment through LNPT is an annual activity which has a continuous impact on the organisation's staff. Hence, performance assessment is one of the most important and relevant issues with various human resource management activities and decisions including considerations for annual salary increases, promotion opportunities, full-and partial-scholarship training opportunities and the Excellent Service Awards. Starting 2015, officers who scored less than 60% in their LNPT will undergo observation periods through the implementation of the Service Circulars No. 7 Year 2015.*



- b) *Due to the importance of the performance assessment system (LNPT) with various aspects of human resource management, the context of fairness in performance assessment will be emphasised in the 'programme with supervisor' module. In this regard, the performance management of Public Service officers should not only focus on the ability of the officers to execute and complete their duties but also on their demeanour and attitude.*

**TUJUAN MODUL IIAP**

- Menyediakan satu pendekatan bersepada dalam melaksanakan intervensi pemulihian prestasi pegawai;
- Menyediakan kemahiran mengurus prestasi yang praktikal yang berkesan kepada Pegawai Yang Dinilai dan Pegawai Penyelia; dan
- Meningkatkan prestasi PYD sekurang-kurang 5% pada tahun berikutnya selepas menjalani modul.

**IIAP MODULE'S PURPOSE**

- *Provide an integrated approach in implementing employee performance recovery interventions;*
- *Provide effective practical performance management skills to the Assessed Officers (PYD) and the Supervising Officers; and*
- *Improve PYD's performance by at least 5% the following year after undergoing the module.*

**OBJEKTIF****Pegawai Yang Dinilai (PYD)**

- Peserta berupaya memahami diri sendiri, penyelia dan organisasi;
- Peserta berupaya membuat penyesuaian dan intergrasi antara diri, penyelia dan tuntutan organisasi serta Perkhidmatan Awam.
- Peserta boleh mengurus diri dari aspek pemikiran, sikap dan tingkah laku; dan
- Peserta berupaya meningkatkan prestasi kerja.

**Pegawai Penilai Pertama (PPP)**

- Peserta berupaya memahami cara gaya kepimpinan dan hubungannya dengan kecenderungan tingkah laku menyelia;
- Peserta berupaya memahami proses dan mengaplikasikan instrumen penyeliaan secara praktikal, efisyen dan berkesan.
- Peserta berupaya mendepani, mengendalikan dan mengurus pegawai berprestasi sederhana di bawah seliaannya.
- Peserta berupaya menjalankan tatacara penilaian prestasi secara telus dan konstruktif.

**OBJECTIVES****Assessed Officer (PYD)**

- *Participants can better understand themselves, their supervisors and organisation;*
- *Participants can adjust and integrate between themselves, their supervisors and the demands of the organisation and the Public Service.*
- *Participants can tend to themselves in the aspects of thinking, attitudes and demeanours; and*
- *Participants could improve their work performance.*

**First Assessment Officer (PPP)**

- *Participants could understand leadership qualities and its relationship to the tendency of supervising behaviour;*
- *Participants could better understand the process and apply supervisory instruments in a practical, efficient and effective manner.*
- *Participants will be able to meet, control and manage average-performing staff under its supervision.*
- *Participants will be able to conduct transparent and constructive performance assessment procedures.*

## PEMENTORAN KEPIMPINAN LEADERSHIP MENTORING

Pelaksanaan Program Pementoran Kepimpinan merupakan lanjutan kepada Program Pementoran Asas Perkhidmatan Awam yang sedang dilaksanakan sejak tahun 2008 sehingga kini. Ia menjurus kepada melahirkan menti yang mempunyai bakat kepimpinan yang menyerlah dan terasuh serta berkebolehan untuk menggalas jawatan yang lebih tinggi melalui amalan pementoran.

Bahagian Pengurusan Psikologi telah mengeluarkan satu Garis Panduan Pelaksanaan Pementoran Kepimpinan untuk menjelaskan skop, konsep, mekanisma pelaksanaan, kaedah penilaian serta pelaporan program ini.

*The Leadership Mentoring Program is an extension of the Public Service's Basic Mentoring Program which had been implemented since 2008 to date. It leads to the creation of mentees with exceptional leadership talent capable of achieving higher positions through the mentoring practice.*

*The Psychological Management Division issued a Leadership Mentoring Implementation Guideline to explain the scope, concepts, implementation mechanisms, assessment methods and reporting of the program.*

### OBJKTIF

Di akhir pelaksanaan Program Pementoran Kepimpinan Perkhidmatan Awam, para menti diharapkan dapat:

- i. Membina perspektif kemantapan diri sebagai pemimpin organisasi;
- ii. Mengadaptasi gaya model kepimpinan sedia ada untuk diterapkan dalam organisasi;
- iii. Memahami world view seorang pemimpin dan kemahiran mengurus peribadi dalam membangunkan kerjaya orang bawahan dan jabatan; dan
- iv. Menyediakan diri sebagai barisan kepimpinan pelapis bagi menjayakan Pelan Penggantian.


Statistik Mentor-Menti Mengikut Kem/Jab/Agensi yang terlibat dalam Pementoran Kepimpinan 2017 (PPTPA Tier 1) - Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam:

### OBJECTIVES:

*At the end of the Public Service Leadership Mentoring Program's implementation, the mentees are expected to:*

- i. Build on their self-competency perspective as an organisational leader;*
- ii. Adapting existing leadership models to be applied within the organisation;*
- iii. Understand the world view of a leader and personal management skills in developing their subordinates' career and departments; and*
- iv. Prepare themselves as potential successors in leadership in realising the Succession Plan.*

*Mentor-Mentee Statistics by Ministries / Departments / Agencies involved in the Leadership Mentoring 2017 (PPTPA Tier 1) – Public Service Top Management:*





**Bil. Mentor-Menti Mengikut Bil. Kem/Jab/Agenzi  
No. of Mentor-mentee according to the No. Of Ministries/Dep./ Agencies**

	Mentor	Menti
Kementerian Jabatan/Agensi Pejabat SUK	25 18 9	75 54 27
	52	156

**Statistik Taklimat/Konsultasi/Bengkel Yang Telah Dilaksanakan:  
Executed Briefings / Consultations / Workshops Statistics:**

Bil.	Program/Aktiviti	Kementerian/ Agensi	Tarikh Pelaksanaan	Bil. Peserta
1.	Program <i>Leadership Coaching &amp; Mentoring JPA</i> (Taklimat Kepada Pegawai KPI & PSM)	52 Kementerian/ jabatan/Agensi	5 Mei 2017	130
2.	Program <i>Leadership Coaching &amp; Mentoring JPA</i> (Taklimat Kepada Menti Lantikan Baharu)	52 Kementerian/ jabatan/Agensi	22 Mei 2017	99
3.	Konsultasi Pementoran kepimpinan kepada Menti dari JPT	JPT	17-Jun-17	4
4.	Konsultasi Pementoran kepimpinan kepada Menti dari SPRM	SPRM	7-Jun-17	4
5.	Konsultasi Pementoran kepimpinan kepada Menti dari ATM	ATM	14 Ogos 2017	4
6.	Konsultasi Pementoran kepimpinan kepada Menti dari KASTAM	KASTAM	7 Julai 2017	4
7.	Konsultasi Pementoran kepimpinan kepada Menti dari SUK Perlis	SUK Perlis	11 Ogos 2017	4
8.	Konsultasi Pementoran kepimpinan kepada Menti dari MPIC	MPIC	26 Ogos 2017	5
9.	Konsultasi Pementoran kepimpinan kepada bagi Pembangunan Modul bersama RSOG	RSOG	10 Oktober 2017	2
10.	Bengkel Penilaian Semula Program Pementoran Kepimpinan anjuran BPPs, JPA	52 Kementerian/ jabatan/ Agensi	28-Sep-17	20



Mentor dan menti dari Kementerian Tenaga,  
Teknologi Hijau dan Air



Mentor dan menti dari Kementerian Luar Negeri

**1. Bilangan Penggunaan Ujian Psikologi Tahun 2017**  
*Number of Use of Psychological Tests in 2017*

UJIAN	PERSONALITI				MINAT	UJIAN KHAS	
	IPU	IP	PPKP	IDP	IBK	UKPP	UKHLP
KUANTITI	6,700	893	1,849	564	1,284	2,779	950
JUMLAH KESELURUHAN	<b>15,019</b>						

**2. Kategori Penggunaan Ujian Psikologi Mengikut Kementerian/Agensi**  
*Category of Use of Psychological Tests by Ministry / Agency*

KATEGORI	KEMENTERIAN	SUK	JABATAN	BADAN BERKANUN	JUMLAH
Pembangunan Dan Profiling	5	1	6	8	20
Perlantikan	-	1	2	3	6
Pelan Pengantian /Kenaikan Pangkat	1	-	1	1	3
Pelan Penempatan	2	-	-	1	3
Intervensi Dasar Pemisah (Exit Policy)	13	4	17	9	43

**3. Kategori Penggunaan Ujian Psikologi Mengikut Kementerian/ SUK/ Jabatan/ Agensi**  
*Category of Use of Psychological Tests by Ministry / SUK / Department / Agency*

**PEMBANGUNAN & PROFILING**  
*Development and Profiling*

1. Jabatan Pengangkutan Jalan
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (Kursus A-LEAP, ALMP,M-LEAP)
3. Kementerian Luar Negeri
4. Kementerian Belia Dan Sukan
5. Kementerian Kerja Raya
6. Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara
7. Universiti Malaya
8. Institut Tadbiran Awam Negara
9. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
10. Kementerian Kewangan
11. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
12. Tentera Darat
13. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis
14. Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
15. Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi
16. Jabatan Perdana Menteri
17. Tentera Udara Diraja Malaysia
18. Polis Diraja Malaysia
19. Majlis Amanah Rakyat
20. Institut Pengurusan Kesihatan



**PELANTIKAN**  
*Appointment*

1. Jabatan Perdana Menteri
2. Lembaga Tabung Haji
3. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Kedah
4. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
5. Jabatan Ketua Menteri Sarawak
6. Suruhanjaya Integriti Agensi Pengurusan



**PELAN PENGGANTIAN/ KENAIKAN PANGKAT**  
*Replacement /Promotion Plan*

1. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
2. Kementerian Kerja Raya
3. Agensi Anti Dadah Kebangsaan



**PENEMPATAN**  
*Placement*

1. Kementerian Kewangan
2. Kementerian Luar Negeri
3. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



# PSIKOMETRIK

## PSYCHOMETRIC

## INTERVENSI DASAR PEMISAH (*EXIT POLICY*)

### *Exit Policy Intervention*

1. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor
2. Kementerian Kesihatan Malaysia
3. Hospital Kuala Lumpur
4. Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
5. Kementerian Sumber Manusia
6. Jabatan Perangkaan Malaysia
7. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
8. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air
9. Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia
10. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
11. Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia
12. Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
13. Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
14. Kementerian Kerja Raya
15. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
16. Universiti Malaya
17. Universiti Kebangsaan Malaysia
18. Kementerian Sumber Manusia
19. Kementerian Pertahanan
20. Universiti Teknikal Malaysia Melaka
21. Jabatan Kesihatan Negeri Perak
22. Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
23. Kementerian Kewangan
24. Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
25. Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
26. Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
27. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
28. Jabatan Ketua Menteri Melaka
29. Universiti Teknologi Malaysia
30. Universiti Sains Malaysia
31. Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
32. Jabatan Penjara Malaysia
33. Kementerian Pengangkutan
34. Lembaga Tabung Haji
35. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan
36. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
37. Jabatan Kesihatan Negeri Johor
38. Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
39. Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
40. Polis Diraja Malaysia
41. Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar
42. Kementerian Wilayah Persekutuan
43. Universiti Teknologi Mara

## 4. Konsultasi Ujian Psikologi Tahun 2017

### *Psychological Test Consultancy in 2017*

1. Bahagian Pembangunan Modal Insan (JPA)
2. Bahagian Integriti Dan Tadbir Urus (JPM)
3. Jabatan Ketua Menteri Sarawak
4. Bahagian Perkhidmatan (JPA)
5. Bahagian Pembangunan Organisasi (JPA)
6. Universiti Malaya
7. Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Maklumat Strategik (JPA)
8. Majlis Perbandaran Kulim Kedah
9. Jabatan Peguam Negara
10. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
11. Jabatan Pengangkutan Jalan
12. Lembaga Hasil Dalam Negeri
13. Tentera Udara Diraja Malaysia

## 5. Bengkel Akreditasi E-Psikometrik

### *(Latihan Intensif-Pentadbiran & Interpretasi Ujian Psikologi)*

### *E-Psychometric Accreditation Workshop*

### *(Intensive Training – Administration & Interpretation of Psychological Tests)*

1. Lembaga Tabung Haji
2. Universiti Teknologi Malaysia
3. Jabatan Kebajikan Masyarakat
4. Universiti Putra Malaysia
5. Kementerian Kesihatan Malaysia
6. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

## 6. Pembangunan Ujian Psikologi (NBOS) Tahun 2017

### *Development of Psychological Tests (NBOS) in 2017*

1. Bahagian Pembangunan Modal Insan, JPA  
- Ujian Khas Penajaan Persekutuan
2. Bahagian Perkhidmatan, JPA - Profiling Personaliti Penilaian 360
3. Bahagian Integriti & Tadbir Urus, JPM - Online Integriti Survei
4. JPA - Indeks Kesejahteraan Psikologi
5. JPM - Indeks Kesejahteraan Psikologi
6. JPW - Indeks Kesejahteraan Psikologi
7. SPA - Indeks Kesejahteraan Psikologi
8. Jabatan Ketua Menteri Sarawak - Indeks Kesejahteraan Psikologi

# TOUCH POINT KETUA SETIAUSAHA NEGARA DAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

**TOUCH POINT OF THE CHIEF SECRETARY TO THE GOVERNMENT AND THE DIRECTOR GENERAL OF PUBLIC SERVICE**



- Program turun padang yang melibatkan KSN dan KPPA bagi urusan penyerahan surat pemangkuhan/ kenaikan pangkat pelbagai gred dan skim. Turut dilaksanakan dalam program ini ialah penyampaian amanat serta harapan Pengurusan tertinggi kepada Penjawat Awam secara lebih dekat dan berkesan.
  - Secara keseluruhannya sebanyak 7 program turun padang telah dijalankan melibatkan 4 program bersama KSN dan 3 program bersama KPPA. Seramai 1,285 pegawai telah diraikan dalam majlis ringkas sepanjang tahun 2017.
- Engagement programmes involving the KSN and KPPA were conducted to award letters of acting / promotion of various grades and schemes. Mandates were also delivered during the program to efficiently disseminate the expectations of the top management to Public Servants.*
  - Overall, seven engagement programmes were conducted involving four programs with the KSN and three programs with the KPPA. A total of 1,285 officers were celebrated in brief ceremonies throughout 2017.*

BIL.	TARIKH	TEMPAT	VVIP	JUMLAH PENERIMA
1.	10.01.2017	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	KSN	198
2.	13.02.2017	Jabatan Kastam Diraja Malaysia Selangor, Pelabuhan Klang	KSN	215
3.	31.03.2017	Universiti Sains Malaysia	KPPA	119
4.	12.04.2017	Bangunan SUK Perak	KPPA	138
5.	19.04.2017	Kementerian Kesihatan Malaysia	KSN	231
6.	11.05.2017	INTAN Sabah	KPPA	293
7.	17.08.2017	Universiti Islam Antarabangsa, Pahang	KSN	91
<b>JUMLAH</b>				<b>1,285</b>

**MAJLIS PENYAMPAIAN AMANAT YBHG. DATO' SRI KETUA PENGARAH  
PERKHIDMATAN AWAM KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM GRED  
41/44 PELBAGAI SKIM PERKHIDMATAN  
DIRECTOR GENERAL OF PUBLIC SERVICE'S MANDATE TO  
GRADE 41/44 PUBLIC SERVICE OFFICERS CEREMONY**

- Sesi ini merupakan sebahagian dari Program Reallignment/Leadership And Mindfulness Programme (LAMP) bagi pegawai Perkhidmatan Awam. Ia bertujuan sebagai salah satu kaedah komunikasi efektif dari Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam kepada Pegawai Perkhidmatan Awam untuk berkongsi ekspetasi dan harapan Kerajaan terhadap Perkhidmatan Awam dalam persada Negara di peringkat nasional mahupun internasional.
- Sesi ini telah dijalankan pada 26 Januari 2017 (Khamis) bertempat di Auditorium JPA, Putrajaya yang melibatkan seramai 482 orang pegawai.
- *The session was part of the Realignment / Leadership and Mindfulness Program (LAMP) for Public Service officers. It was intended as one of the effective means of communication from the Public Service's Top Management to Public Service Officers to share the Government's expectations and hopes to the Public Service on a national and international level.*
- *The session was held on 26 January 2017 (Thursday) at the JPA Auditorium, Putrajaya involving 482 officers.*

**SESI BERSAMA MEDIA SUSULAN LAPORAN  
KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2016 SIRI 1  
MEDIA SESSION FOLLOWING THE AUDITOR  
GENERAL'S REPORT 2016, SERIES 1**

- Sesi Bersama Media ini dianjurkan dengan kolaborasi bersama Pejabat Ketua Setiausaha Negara pada 3 Ogos 2017 susulan pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1 yang telah dibentangkan di Parlimen pada 31 Julai 2017.
- Sesi ini telah diadakan di Auditorium Jabatan Perkhidmatan Awam, Kompleks C, Putrajaya dan dihadiri oleh Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Ketua Audit Negara serta semua Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-Ketua Jabatan. Sesi ini menyediakan platform kepada pihak media untuk mendapatkan maklum balas atau penjelasan secara langsung berkaitan isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Sesi ini juga bertujuan untuk berkongsi dengan pihak media berkenaan tindakan-tindakan proaktif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memantapkan pengurusan projek pembangunan, perolehan dan kewangan.
- *The Media Session was organised in collaboration with the Chief Secretary to the Government's Office on 3 August 2017 following the presentation of the Auditor General's Report 2016, Series 1 which was tabled in Parliament on 31 July 2017.*
- *The session was held at the Public Service Department's Auditorium, Complex C, Putrajaya, attended by the Chief Secretary to the Government, the Director General of Public Service, the Secretary General of Treasury and the Auditor General as well as all Chief Secretary of Ministries and Heads of Departments. The session provided a platform for the media to get direct feedbacks or explanations related to the issues raised in the Auditor General's Report. The session also aims to share with the media on the proactive measures that have been and are being implemented by the Government to strengthen the management of development, procurement and financing projects.*



## LAB RESOLUSI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

- Pada 3 dan 4 April 2017, Unit Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas, Bahagian Perkhidmatan buat julung-julung kalinya telah mengadakan Bengkel Lab Resolusi Laporan Ketua Audit Negara bertempat di Dewan Serbaguna, Kementerian Pengangkutan. Objektif utama bengkel tersebut adalah bagi mendapatkan input daripada Kementerian/Agensi bagi merungkai permasalahan mengenai penemuan audit yang berulang dalam Laporan Ketua Audit Negara yang dilaporkan saban tahun. Ia juga bertujuan untuk mengenalpasti mekanisme dan cadangan penambahbaikan daripada peringkat pengamal (*practitioner*) bagi menangani penemuan audit berulang yang boleh dilaksanakan bagi jangka masa panjang atau pendek.
- Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Zainal Rahim bin Seman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan dihadiri seramai 64 pegawai yang merupakan pegawai kewangan, perolehan dan pembangunan daripada semua Kementerian yang dibahagikan kepada beberapa kluster iaitu Kewangan, Perolehan dan Aset, Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal dan Pengurusan Projek Pembangunan Bukan Fizikal. Selama dua hari, sesi perbincangan *roundtable* diadakan di mana para pegawai saling berkongsi pengalaman di Kementerian masing-masing khususnya dari sudut amalan *best practices*. Hasil penemuan dan cadangan daripada bengkel ini telah dikemukakan kepada Agensi-Agenzi pusat seperti Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri untuk diteliti dan dinilai kewajarannya.
- Sejajar dengan matlamat yang dihasratkan, pelaksanaan bengkel ini telah dapat mewujudkan jalinan hubungan antara pegawai-pegawai di Kementerian dalam bidang pengurusan kewangan, perolehan dan pembangunan. Daripada maklum balas yang diterima daripada peserta, rata-rata memberikan maklum balas positif tentang pelaksanaan bengkel ini yang diharapkan dapat membantu mengurangkan penemuan audit yang berulang di samping dapat memberikan input perubahan terhadap dasar, pekeliling dan peraturan semasa supaya terus kekal relevan.

## LAB RESOLUTIONS OF THE AUDITOR GENERAL'S REPORT

- On the 3rd and 4th of April 2017, the Auditor General's Reporting and Special Operations Unit, Services Division held a Lab Resolution Workshop on the Auditor General's Report at the Multipurpose Hall, Ministry of Transport. The main objective of the workshop was to obtain inputs from Ministries / Agencies to address the issue of repeated audit findings in the Auditor General's Report. It also aimed to identify mechanisms and suggestions for improvements from the practitioner's level to address recurring audit findings that can be implemented in the long or short run.*
- The workshop was officiated by Tan Sri Zainal Rahim bin Seman, Director General of Public Service and attended by 64 finance, procurement and development officers from every ministry divided into several clusters, namely Finance, Procurement and Assets, Physical Development Project Management and Non-Physical Development Project Management. For two days, roundtable discussion sessions were held where officials shared their experiences in their respective Ministries, especially in terms of the best practices. The findings and recommendations from these workshops have been forwarded to central Agencies such as the Ministry of Finance, the Economic Planning Unit of the Prime Minister's Department and the Implementation Coordination Unit of the Prime Minister's Department to review and evaluate its merits.*
- In line with the intended goal, the workshop was able to establish linkages between ministry officials in the finance, procurement and development departments. From the feedbacks received from the participants, the average provided positive feedback on the implementation of this workshop which is expected to help reduce recurring audit findings and to provide input changes to current policies, circulars and regulations to remain relevant.*



## PROGRAM PENILAIAN KEPIMPINAN LEADERSHIP ASSESSMENT PROGRAM

- Program Penilaian Kepimpinan (LEAP) mula dilaksanakan pada Tahun 2016. Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk menilai aspek kompetensi dan potensi pegawai mengikut gred dan kompetensi kepimpinan yang ditetapkan. Penilaian melibatkan ujian psikometrik dan kecergasan jasmani turut dilaksanakan bagi tujuan profiling pegawai.
- Program penilaian secara berpusat ini akan menilai kompetensi dan potensi pegawai dari aspek:
- *The Leadership Assessment Program (LEAP) was initiated in 2016. The main purpose of the program was to assess the competence and potential aspects of officers according to the assigned grades and leadership competencies. Assessments involving psychometric and physical fitness were also performed for profiling purposes.*
- *The centralised assessment program will assess the competence and potential of officers in terms of:*

### a) Keupayaan Pemikiran

#### *Thinking Capabilities*

Pegawai memiliki perspektif menyeluruh dalam menilai sesuatu isu dan merumuskan penyelesaian jangka pendek atau jangka panjang, bijak dalam memahami dan menguruskan kepelbagaiannya punca kuasa, berkeupayaan membuat keputusan berimpact tinggi bagi mencapai objektif yang ditetapkan dan mempunyai ketangkasan pembelajaran yang tinggi;

*Officers with a comprehensive perspective in assessing issues and formulating short-term or long-term solutions, perceptive in understanding and managing diversity of sources of authority, capable of high-impact decision-making to achieve established objectives and a fast learner.*



### b) Keupayaan Kepimpinan

#### *Leadership Capabilities*



Pegawai berupaya menetapkan hala tuju yang jelas serta menjadi katalis utama dalam memacu perubahan organisasi melalui pengembangan potensi di setiap peringkat hasil daripada sokongan padu ke atas nilai dan gagasan yang diterajui, berketerampilan dan mempunyai jati diri, patriotisme dan profesionalisme pada tahap tertinggi;

*Officers capable of setting clear directions and become a major catalyst in driving organisational change through potential cultivation at every stage as a result of strong support for the values and ideas that are led; competent with self-esteem, patriotism and professionalism of the highest level.*

### c) Keupayaan Komunikasi

#### *Communication Capabilities*



Pegawai berupaya berinteraksi secara berkesan sama ada dengan stakeholder, penyelia, rakan sejawat dan pegawai di bawah seliaan. Mempunyai tahap penguasaan bahasa yang baik serta mampu menyampaikan idea dan maklumat secara tepat, jelas dan meyakinkan;

*Officers capable of interacting effectively with stakeholders, supervisors, counterparts and supervised officers. Officers with a good level of language proficiency and capable of communicating ideas and information accurately, clearly and convincingly.*




#### d) Keupayaan Tindakan *Action Capabilities*

Pegawai meletakkan sasaran yang melangkaui kebiasaan dalam usaha memacu penambahbaikan berterusan organisasi, mengatasi atau menghadapi krisis melalui keputusan bijak dan tepat dalam masa yang singkat dan berupaya mengekalkan tahap profesionalisme dan emosi apabila berhadapan dengan tekanan

*Officers who places a target that surpasses normalcy in an effort to drive the continuous improvement of the organisation; to overcome or confront crisis through wise and timely decisions in a short time and capable of maintaining a proper level of professionalism and emotion when faced with stress.*

- Pegawai yang melepas tahap yang ditetapkan sahaja akan diberi pemangkuhan ke gred seterusnya. Pada masa ini pelaksanaan Penilaian Kepimpinan diwajibkan ke atas pegawai skim perkhidmatan gunasama (Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik).
- Berikut adalah butiran pelaksanaan Program Penilaian Kepimpinan bagi Tahun 2017:
- *Only officers who have passed the prescribed level shall be promoted to the next grade. Currently, the implementation of the Leadership Assessment is compulsory on the shared services scheme officers (Administrative and Diplomatic Service).*
- *The following is a summary of the Leadership Assessment Program implementation for 2017:*



## ACCELERATED LEADERSHIP FOR YOUNG TALENTS (TALENT X) & EMERGING MANAGEMENT DEVELOPMENT PROGRAMME (EMDP)

- Accelerated Leadership for Young Talents (Talent X) dan Emerging Management Development Programme (EMDP) merupakan satu program pembangunan yang menekankan aspek kepimpinan dan kemahiran pengurusan. Sasaran peserta Program Talent X adalah pegawai yang berpotensi tinggi dan sedang menjawat jawatan di Gred 41/44 daripada pelbagai skim perkhidmatan yang mendapat perakuan Ketua Jabatan. Manakala sasaran bagi Program EMDP adalah pegawai berpotensi tinggi yang sedang menjawat jawatan di Gred 48/52 daripada pelbagai skim perkhidmatan yang diperakuan oleh Ketua Jabatan. Fokus utama kedua-dua program ini adalah selari dengan aspirasi transformasi pembangunan sumber manusia Perkhidmatan Awam seperti yang digariskan dalam Kerangka Kerja Transformasi Strategik Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) iaitu:
- Accelerated Leadership for Young Talents (Talent X) and the Emerging Management Development Program (EMDP) is a development program that emphasises on leadership and management skills. The target audience of the Talent X Program are high-potential officers currently of Grade 41/44 from various service schemes approved by their Head of Department whereas the target for the EMDP Program are high potential officers currently of Grade 48/52 from various service schemes approved by their Head of Department. The focus of both programs is in line with the Public Service human resource development transformation aspiration as outlined in the Strategic Transformation Framework of the Public Service Department namely:

### i) Mendaya-upaya

Meningkatkan kompetensi, prestasi, produktiviti dan daya inovasi Penjawat Awam yang membawa kepada Keberhasilan Strategik 1 iaitu Penjawat Awam yang bertenaga, berilmu, berwibawa, kompeten, inovatif dan produktif; dan

### ii) Keterangkuman

Memperluas jaringan kerja dan kolaborasi strategik (*Multiple-Helix*) dalam dan luar negara yang membawa kepada Keberhasilan Strategik 4 iaitu keputusan bersama (*informed decision*) dan rasa sepunya berdasarkan kepelbagaian perspektif.

#### **i) Empowerment**

*Enhance competence, achievement, productivity and innovation of Public Servants leading to Strategic Achievement 1 namely Public Servants who is energetic, knowledgeable, authoritative, competent, innovative and productive; and*

#### **ii) Inclusiveness**

*Extend the network and strategic collaboration (Multiple-Helix) within and outside the country that leads to Strategic Achievement 4 namely informed decision and common sense based on diversity of perspectives.*

- Bagi aspek kepimpinan, elemen yang ditekankan adalah

**i) Keupayaan Berfikir (*Think*)**

Berupaya untuk menilai sesuatu isu dan berfikiran secara sistematik bagi merumuskan penyelesaian jangka pendek atau jangka panjang serta berkeupayaan membuat keputusan berimpact tinggi bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

**ii) Keupayaan Memimpin (*Lead*)**

Berupaya menetapkan hala tuju yang jelas, mengagihkan tugas dengan berkesan serta berkeupayaan melatih dan membangunkan orang lain;

**iii) Keupayaan Berkomunikasi (*Speak*)**

Berupaya berinteraksi secara berkesan sama ada dengan *stakeholder*, penyelia, rakan sejawat dan pegawai di bawah seliaan, mempunyai tahap penguasaan bahasa yang baik serta mampu menyampaikan idea dan maklumat secara tepat dan jelas;

**iv) Keupayaan Tindakan (*Act*)**

Berupaya menggunakan sumber sedia ada secara optima, berani mengambil risiko dan berkeupayaan mengatasi atau menghadapi krisis dengan keputusan bijak dan tepat dalam masa yang singkat.

- Selain daripada fokus yang dinyatakan di atas, program Talent X dan EMDP ini juga diharap dapat:

- meningkatkan kemahiran pegawai dalam memimpin dan mengurus organisasi;
- menyerlahkan potensi dan bakat kepimpinan di kalangan para pegawai; dan
- memperkuatkkan jaringan kerjasama pegawai daripada pelbagai skim perkhidmatan bagi tujuan meningkatkan keberkesanan dan impak sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

- For leadership aspects, the emphasised elements are:

**i) Thinking Capabilities (*Think*)**

Able to evaluate issues and be systematically-minded to formulate short-term or long-term solutions as well as having the ability to make high-impact decisions to achieve the set objectives.

**ii) Leadership Capabilities (*Lead*)**

Capable of setting clear directions, efficiently assign tasks and to train and develop others;

**iii) Communication Capabilities (*Speak*)**

Capable of holding effective interaction with stakeholders, supervisors, colleagues and officers under supervision, has a good level of language proficiency and is able to communicate ideas and information accurately and clearly;

**iv) Action Capacity (*Act*)**

Able to utilise existing resources optimally, dare to take risks and to overcome or to deal with crisis with wise and accurate decisions in no time.

- In addition to the above-mentioned focuses, the Talent X and EMDP programs is also expected to:

- improve the skills of employees in leading and managing organisations;
- highlighting the potential and leadership talent among employees; and
- strengthening officer teamwork networks from various service schemes to enhance the effectiveness and impact of the Government service delivery system.



Pada tahun 2017, sebanyak satu siri berjaya dilaksanakan pada 2 hingga 4 Oktober 2017 bertempat di Institut Tadbiran Awam Negara Wilayah Utara (INTURA), Sungai Petani, Kedah. Seramai 50 pegawai telah hadir. Pegawai-pegawai ini dipilih daripada pelbagai skim perkhidmatan dan mendapat perakuan Ketua Jabatan berdasarkan prestasi cemerlang tahunan.

Pengisian program Talent X menggunakan pendekatan *blended learning* iaitu syarahan, kajian kes, *role play* dan *management games*. Secara keseluruhannya, maklum balas daripada peserta terhadap program ini adalah amat positif.

*In 2017, a series was successfully conducted from 2 to 4 October 2017 at the INTAN Northern Regional Campus (INTURA), Sungai Petani, Kedah. A total of 50 officers were present. These officials were selected from various service schemes and obtained the approval of their respective Department Heads based on their year-end performance.*

*The Talent X program utilises a blended learning approach through lectures, case studies, role-playing and management games. Overall, the feedback from participants to the program had been very positive.*

**Antara pengisian program Talent X Tahun 2017 adalah:**  
***The Talent X 2017 programmes include:***

i) *Putting Talent X into Perspective*

ii) *Leading Self, Leading Others*

iii) *Creating High Performance Culture*

iv) *Managing Conflict*

v) *Integrity & Accountability*

SKIM PERKHIDMATAN	GRED	BILANGAN
Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M41/M44	19
Pegawai Teknologi Maklumat	F41/F44	6
Pegawai Latihan Vokasional	Dv44	1
Pegawai Perubatan	UD44	1
Pegawai Farmasi	UF44	1
Akauntan	WA44	2
Pegawai Tadbir	N41/N44	2
Pegawai Perhubungan Perusahaan	S44	1
Pegawai Arkib	S44	2
Jurutera	J44	2
Pegawai Pembangunan Masyarakat	S44	2
Pegawai Ehwal Ekonomi	E41/E44	4
Pereka	B41	1
Pegawai Sains	C41	1
Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C44	1
Pegawai Hidupan Liar	G41	1
Pegawai Perikanan	G44	1
Pustakawan	S41/S44	2
<b>JUMLAH</b>		<b>50</b>

## EMDP

Pada tahun 2017, sebanyak satu siri berjaya dilaksanakan pada 23 hingga 26 Oktober 2017 bertempat di Marvelux Hotel, Melaka. Seramai 23 pegawai telah hadir. Pegawai-pegawai ini dipilih daripada pelbagai skim perkhidmatan. Kriteria pemilihan pegawai adalah berdasarkan pencapaian tahap prestasi yang cemerlang dan diperakukan oleh Ketua Jabatan sebagai pegawai berpotensi tinggi.

Memandangkan program ini memberi tumpuan kepada pembangunan daya kepimpinan pegawai-pegawai di peringkat pertengahan (*middle managers*), para peserta telah dibawa untuk bertemu sua Pegawai Daerah Jasin merangkap Pentadbir Tanah Jasin dalam sesi lawatan ke Pejabat Daerah dan Tanah Jasin. Melalui sesi interaksi ini, para peserta didedahkan kepada cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh Penjawat Awam di peringkat daerah dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan yang digubal di peringkat Kementerian dan Ibu Pejabat agar memenuhi aspirasi Kerajaan dan pada masa yang sama memenuhi ekspektasi Rakyat.



**Antara pengisian program EMDP Tahun 2017 adalah:**  
***The EMDP 2017 programmes include:***

i) Effective Leadership in the organisation

ii) Sesi Temu Sua bersama Pegawai

Daerah dan Tanah Jasin, Melaka  
*Meeting Session with officers from the District and Land Office of Jasin, Melaka;*

iii) Kajian Kes Pengurusan Organisasi  
*Organisational Management Case Studies;*

iv) Syarahan bertajuk Middle Managers'

Roles in Leading Organization  
*Lectures entitled 'Middle Managers' Roles in Leading Organisation'*

*In 2017, a series of successful events was held from 23 to 26 October 2017 at The Marvelux Hotel, Melaka. A total of 23 officers were present and was selected from various service schemes. The criteria for officer selection were based on their excellent performances as approved by their respective Head of Department as a high-potential officer.*

*As the program focuses on the development of leadership in middle managers, participants were brought to meet the officers from the Jasin District and Land Office cum Jasin Land Administrator during a visit to the Jasin District and Land Office. Through this interaction session, participants were exposed to the challenges faced by Public Servants at the district level in implementing Government policies drafted at the Ministry's and Headquarters' levels to meet the Government's aspirations and at the same time fulfil the people's expectations.*

Secara keseluruhannya, maklum balas daripada peserta terhadap program ini adalah amat positif. Antara cadangan peserta bagi tujuan penambahbaikan program EMDP pada masa hadapan ialah supaya penekanan kepada aspek kepimpinan dan penyeliaan di kalangan pegawai peringkat pertengahan (*middle managers*) diteruskan dan para peserta diberi peluang berinteraksi dan berkongsi pengalaman dengan tokoh-tokoh terkemuka dalam Perkhidmatan Awam dan sektor swasta sebagai salah satu pendekatan *coaching and mentoring*.

*Overall, the feedback from participants of the program had been very positive. Among the participants' suggestions for future improvements of the EMDP program was to keep emphasising on leadership and supervisory aspects among middle managers. Participants were given the opportunity to interact and share their experiences with leading figures in the Public Service and private sector as an approach in coaching and mentoring.*



## PELAKSANAAN KURSUS TRM-EPSA UNTUK SKIM GUNASAMA PERSEKUTUAN BAGI PEGAWAI GRED 41-54

### IMPLEMENTATION OF TRM-EPSA COURSES FOR FEDERAL SHARED SCHEMES FOR OFFICERS OF GRADE 41-54


- TRM-EPSA adalah inisiatif Kerajaan dalam memperkasakan pembangunan sumber manusia sektor awam melalui pendekatan pembelajaran kendiri (*self learning*) yang praktikal dan kos efektif iaitu E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) bagi membolehkan pegawai belajar pada bila-bila masa dan di mana jua.
- TRM-EPSA adalah salah satu elemen pembangunan bagi melengkapkan Pegawai Gunasama Persekutuan Gred 41 hingga 54 dengan kompetensi dalam bidang-bidang generik seperti Pengurusan Sumber Manusia, Etika dan Integriti, Pengurusan Kewangan, Kepimpinan, Keselamatan, Komunikasi dan Perundingan, Pembangunan Kendiri, Standard Kawalan Dokumen dan Teknologi Maklumat (IT).
- *TRM-EPSA is a Government initiative in empowering the public sector human resources development through a practical and cost-effective self-learning approach that is the Public-Sector E-Learning (EPSA) to enable officials to learn at anytime and anywhere.*
- *The TRM-EPSA is one of the developmental elements to complement the Federal Shared Scheme Officers of Grade 41 to 54 with competencies in generic fields such as Human Resource Management, Ethics and Integrity, Financial Management, Leadership, Security, Communication and Consultation, Self-Development, Document Control Standards and Information Technology (IT).*

- Pelaksanaan TRM-EPSA adalah bertujuan menangani isu-isu pelaksanaan TRM sedia ada (secara *classroom*) seperti berikut:
  - Kehadiran pegawai yang rendah;
  - Liputan kursus tidak mampu menampung semua pegawai dari pelbagai skim dan gred;
  - Kekangan kewangan;
  - Tahap penggunaan sistem e-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) yang rendah

- The implementation of TRM-EPSA is aimed at addressing existing TRM implementation issues (classroom mode) as follows:*
  - Low officer attendance;*
  - Course coverage is incapable of accommodating officers from various schemes and grades;*
  - Financial constraints;*
  - Low level of Public Sector e-Learning system (EPSA) usage*

- Objektif Program adalah untuk meningkatkan kompetensi dan potensi Kumpulan Pengurusan dan Profesional Perkhidmatan Gunasama Persekutuan (PGP) menerusi sistem EPSA bagi tujuan kemajuan kerjaya pegawai.
- Bagi mendapatkan maklum balas awal pegawai mengenai kursus EPSA bagi tujuan penambahbaikan sebelum pelaksanaan TRM-EPSA diperluaskan kepada semua Pegawai Gunasama Persekutuan, satu projek rintis telah dilaksanakan di Jabatan Perkhidmatan Awam melibatkan 172 orang Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred 41 dan 44 selama dua (2) minggu mulai 5 April hingga 19 April 2017.
- Hasil maklum balas yang diberikan peserta melalui kaji selidik atas talian telah diteliti dan diambil tindakan penambahbaikan bagi memastikan pelaksanaan TRM-EPSA berjalan dengan lancar.

- The Program's objective is to enhance the competence and potential of the Management and Professional Group of the Federal Shared Services (PGP) through the EPSA system for career advancement purposes.*
- To obtain early feedback from the EPSA course for improvement purposes prior to the implementation of the TRM-EPSA expansion to all Federal Shared Scheme Officers, a pilot project was implemented at the Public Service Department involving 172 Administrative and Diplomatic Officers of Grade 41 and 44 for two weeks from 5 – 19 April 2017.*
- The feedback gathered from participants through online surveys was reviewed and was acted upon to ensure that the implementation of TRM-EPSA goes smoothly.*



## SEMINAR ISU-ISU SEMASA KEWANGAN KERAJAAN BAGI PEGAWAI AWAM

### SEMINAR ON THE GOVERNMENT'S CURRENT FINANCIAL ISSUES FOR PUBLIC OFFICERS

- Bagi tahun 2017, sebanyak lima (5) siri Seminar Isu-Isu Semasa Pengurusan Kewangan telah dianjurkan oleh Bahagian Perkhidmatan. Seminar ini melibatkan 1629 orang pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dan perolehan Kerajaan di Kementerian/Jabatan/ Agensi.
- **Objektif program adalah seperti berikut:**
  - (i) Meningkatkan kefahaman dan pengetahuan mengenai peraturan dan tatacara kewangan dan kesilapan-kesilapan lazim yang sering dilakukan bagi memantapkan pengurusan kewangan;
  - (ii) Meningkatkan kesedaran dan kefahaman pegawai awam mengenai konsep integriti dan akauntabiliti pegawai dalam menguruskan kewangan dan perolehan Kerajaan;
  - (iii) Meningkatkan kesedaran mengenai konsep integriti dikalangan pegawai awam serta perkongsian mengenai "Lesson Learned" hasil daripada teguran Ketua Audit Negara berkaitan isu kelemahan pengurusan kewangan dan perolehan Kerajaan

Siri	Tarikh Pelaksanaan	Peserta	Tempat
1	27 Mac 2017	407	Auditorium JPA, Putrajaya
2	27 April 2017	360	Auditorium JPA, Putrajaya
3	24 Mei 2017	400	Auditorium JPA, Putrajaya
4	19 Julai 2017	207	Auditorium INTAN Sabah
5	12 & 13 September 2017	255	Auditorium INTAN Sarawak
6	8 November 2017	183	Auditorium JPA, Putrajaya
<b>JUMLAH</b>		<b>1812</b>	

- *For 2017, five series of Seminar on Financial Management Issues were organised by the Services Division. The seminar was joined by 1629 officers who are involved in Government financial management and procurement in the Ministries / Departments / Agencies.*
- ***The program's objectives were as follows:***
  - (i) *Improve the understanding and knowledge on financial rules, procedures and common mistakes to strengthen financial management;*
  - (ii) *Increasing public awareness and understanding on the concept of integrity and accountability of officials in managing Government finances and procurement;*
  - (iii) *Enhance concept awareness on integrity among public officials as well as the sharing of 'Lessons Learned' from the remarks of the Auditor General on Government financial management and procurement weaknesses.*

**Antara pengisian sepanjang seminar adalah:**

***Among the programmes during the seminar were:***

i. *Do's and Don'ts Perolehan dan Kewangan Kerajaan; Do's and Don'ts of Government Procurement and Finance;*

ii. *Penyelewengan vs Budi Bicara : Integriti dalam Pengurusan Kewangan Embezzlement vs Reasonability: Integrity in Financial Management;*

iii. *Lesson Learned: Penemuan Ketua Audit Negara Lesson Learned: Findings of the Auditor General*



- Program ini akan memberi kemahiran kepada pegawai-pegawai sektor awam, pelbagai skim perkhidmatan dan gred tentang pengurusan kewangan Kerajaan yang berkesan. Para pegawai juga akan memahami pematuhan kepada peraturan dan prosedur dalam pengurusan kewangan Kerajaan yang berkuatkuasa dan seterusnya dapat mengurangkan teguran audit terhadap Kementerian, Jabatan dan Agensi berkenaan kelemahan tatacara kewangan. Selain itu, pegawai juga dapat mengenalpasti kesilapan-kesilapan lazim yang sering dilakukan semasa melaksanakan proses kewangan dan perolehan.

- *The program will provide expertise to public sector officials, various service schemes and grades on effective Government financial management. Officers will also understand the compliance with the rules and procedures in Government's financial management that are in force and thereby reduce audit remarks to the Ministries, Departments and Agencies concerning with financial system weaknesses. Additionally, officials are also able to identify common mistakes often performed during the financial and procurement process.*

## SEMINAR KENEGARAAN/ SESI BAHAGIAN PERKHIDMATAN NATIONHOOD SEMINAR / SERVICE DIVISION'S SESSION

- Bagi tahun 2017, sebanyak empat (4) siri Seminar Isu-Isu Kenegaraan/Sesi Bahagian Perkhidmatan telah dianjurkan oleh Bahagian Perkhidmatan yang melibatkan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Lantikan 2002 hingga 2016 di Auditorium Jabatan Perkhidmatan Awam, Putrajaya. Seminar Kenegaraan / Sesi Bahagian Perkhidmatan dianjurkan bagi meningkatkan kesedaran pegawai awam mengenai kepentingan memberikan taat setia kepada Negara dan menjelaskan mengenai peranan dan tanggungjawab Penjawat Awam seperti yang telah dilafazkan dalam Aku Janji Perkhidmatan Awam. Dalam mendepani dunia komunikasi yang luas tanpa sempadan, pendedahan turut diberikan kepada pegawai mengenai isu-isu semasa berkaitan penyalahgunaan media sosial dalam Perkhidmatan Awam.
- *In 2017, four series of Nationhood Seminars / Service Division's Sessions were organised by the Service Division involving the Administrative and Diplomatic Officers from 2002 to 2016 at the Public Service Department's Auditorium, Putrajaya. Nationhood Seminars / Service Division's Sessions were organised to raise public officials' awareness on the importance of loyalty to the Nation and to clarify the roles and responsibilities of Public Servants as stated in the Public Service Oath. Facing a vast, borderless communication world, officials were also exposed to current issues relating to the abuse of social media within the Public Service.*

Siri	Tarikh Pelaksanaan	Bilangan Pegawai
1	16 Mac 2017	447
2	20 April 2017	385
3	8 Mei 2017	250
4	22 Mei 2017	469
<b>JUMLAH</b>		<b>1551</b>



## PROGRAM PEMANTAPAN AKAUNTABILITI PENJAWAT AWAM PUBLIC SERVICE ACCOUNTABILITY ENHANCEMENT PROGRAMME

Untuk tahun 2017, dua (2) siri Program telah dirangka yang mana bagi Siri 1, ianya terbuka kepada Pegawai PTD dari pelbagai Kementerian dari Gred 48 sehingga JUSA C, manakala bagi Siri 2, ianya meliputi Pegawai Perkhidmatan Awam, Pelbagai Skim Perkhidmatan [Gred 48 sehingga JUSA C] di Kementerian, Agensi, Jabatan dan Pejabat SUK Negeri. Tujuan program ini diadakan adalah untuk meningkatkan serta memantapkan kesedaran akauntabiliti, integriti dan sahsiah Penjawat Awam dari konteks kepentingan memberikan taat setia kepada Negara serta isu-isu berkaitan penggunaan media sosial di kalangan Penjawat Awam. Antara lainnya, pengisian utama Program ini adalah sesi bersama YBhg. Dato' Mohtar bin Abd Rahman, TKPPA(P) yang mana sesi berkenaan adalah sebagai salah satu medium komunikasi efektif Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam kepada Penjawat Awam bagi berkongsi idea, aspirasi serta harapan Kerajaan berdasarkan senario semasa dalam negara.

*For the year 2017, two program series were drafted where Series 1 was open to PTD Officers from various Ministries from Grade 48 to JUSA C, while Series 2 include Public Service Officers of Various Service Schemes [Grades 48 and up to JUSA C] in State Ministries, Agencies, Departments and State Secretariat Offices. The purpose of the programme was to improve and enhance awareness on accountability, integrity and character of Public Servants in the context of the importance of their loyalty to the Nation as well as issues related to the use of social media among Public Servants. Additionally, one of the Programme's highlight was the session with Dato' Mohtar bin Abd Rahman, TKPPA (P) whose session was one of the Public Service Top Management's most effective communication mediums to Public Servants to share ideas, aspirations and expectations based on current national scenarios.*

Siri	Tarikh Pelaksanaan	Bilangan Pegawai
1	16 Oktober 2017	390
2	6 November 2017	380
<b>JUMLAH</b>		<b>770</b>



kuasa yang diperuntukkan dan tertakluk kepada jenis perihal yang ditetapkan oleh undang-undang

- Keputusan yang berdasarkan budibacara semata-mata hendaklah munasabah atas pertimbangan neraca umum
- Prinsip "Applying the right mind"
- Untuk mencapai matlamat :

**PENYUDAHAN YANG BETUL**

## PERANCANGAN STRATEGIK PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BAGI SKIM PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN **STRATEGIC PLANNING OF HUMAN RESOURCE MANAGEMENT FOR FEDERAL SHARED SERVICES SCHEMES**

- Selaras dengan hasrat merealisasikan transformasi Pengurusan Sistem Maklumat dan Komunikasi (ICT) sektor awam, pihak Kerajaan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju agar peranan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) diperkasakan melalui pemusatan dan peralihan Ketua Perkhidmatan daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) kepada Ketua Pengarah MAMPU.
- Perubahan Ketua Perkhidmatan bagi Skim PTM, PPTM dan JTK di Perkhidmatan Awam Persekutuan. Dalam melaksanakan keputusan perpindahan fungsi Ketua Perkhidmatan tersebut, pihak JPA dan MAMPU telah mengadakan beberapa siri perbincangan dan sesi libat urus dengan pelbagai pihak termasuklah pihak Persatuan dan Kesatuan serta Ketua-ketua Setiausaha Kementerian yang terlibat seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perdana Menteri.

- In line with the intention of realising the transformation of the public sector's Information and Communication System (ICT) Management, the Government through a Cabinet Meeting agreed that the role of the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) should be empowered through the centralisation and transition of Head of Services from the Director General of Public Service (KPPA) to the Director General of MAMPU.
- Changing the Head of Services for PTM, PPTM and JTK Schemes in the Federal Public Service. In implementing the Head of Services' functions transfer, the JPA and MAMPU held a series of discussions and dialogues with various parties including the Associations, Unions and the Secretary Generals of involved Ministries such as the Ministry of Education, Ministry of Home Affairs, Ministry of Finance, Ministry of Health and the Prime Minister's Department.



**SESI INTERAKSI YBHG. DATO' SRI KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM  
BERSAMA BEKAS PESERTA PROGRAM TALENT ACCELERATION IN THE PUBLIC  
SERVICE (TAPS) YANG DILANTIK KE PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN  
*INTERACTION SESSION WITH THE DIRECTOR GENERAL OF PUBLIC SERVICE WITH  
FORMER TALENT ACCELERATION IN THE PUBLIC SERVICE (TAPS) PROGRAMME  
PARTICIPANTS THAT HAD BEEN APPOINTED TO FEDERAL PUBLIC SERVICES***

- Untuk mendapatkan perkongsian pengalaman / maklum balas daripada bekas peserta TAPS mengenai hal-hal perkhidmatan, harapan dan penambahbaikan dalam pelaksanaan program tersebut.
- Seramai 81 orang bekas peserta TAPS yang dilantik melalui empat (4) kohort pengambilan ke pelbagai skim perkhidmatan di dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan yang mula dilantik pada tahun 2013 dan yang terkini pada tahun 2016 telah terlibat di dalam sesi ini.
- *To gather experiences / feedbacks from former TAPS participants on the issues of service, expectations and improvements in the implementation of the program.*
- *A total of 81 TAPS' ex-participants were appointed through four recruitment cohorts to various service schemes within the Federal Public Service –the first batch was appointed in 2013 and the latest in 2016– were involved in the session.*



## PENGAMBILAN PEGAWAI-PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA APPOINTMENT OF SHARED SERVICES OFFICERS

Sejumlah 838 orang pegawai Perkhidmatan Gunasama telah dilantik, iaitu 307 orang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 531 pegawai Kumpulan Pelaksana seperti berikut:

*A total of 838 Shared Services officers were appointed; 307 officers of the Management and Professional Group and 531 officers of the Implementing Group as follows:*

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	GRED	JUMLAH
1.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD)	M41	298
2.	Pegawai Latihan Vokasional (PLV)	DV41	2
3.	Pegawai Psikologi	S41	7
4.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (PPTM)	FA29	4
5.	Juruteknik Komputer (JTK)	FT19	33
6.	Penolong Pegawai Latihan Vokasional (PPLV)	DV29	-
7.	Pembantu Penolong Pegawai Latihan Vokasional (Pem. PPLV)	DV19	3
8.	Penolong Pegawai Psikologi	S29	1
9.	Penolong Pegawai Tadbir (PPT)	N29	158
10.	Setiausaha Pejabat (SP)	N29	1
11.	Pembantu Setiausaha Pejabat (PSP)	N19	1
12.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) (PT(P/O))	N19	223
13.	Pembantu Tadbir (Kewangan) (PT(Kew))	W19	86
14.	Pegawai Khidmat Pelanggan (PKP)	N19	21
<b>JUMLAH</b>			<b>838</b>

## URUSAN PENEMPATAN/PERTUKARAN PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA PLACEMENT / EXCHANGES AFFAIRS OF SHARED SERVICES OFFICERS

BIL.	URUSAN	P&P	PELAKSANA
1.	Penempatan (Kenaikan Pangkat/ Pemangkuhan)	1,008	1,370
2.	Pertukaran	769	1,883
3.	Pertukaran pegawai di bawah Job Rotation (jawatan sensitif)	399	-
<b>JUMLAH</b>			<b>3,253</b>

## PELAKSANAAN PROGRAM-PROGRAM LATIHAN DAN PEMBANGUNAN IMPLEMENTATION OF TRAINING AND DEVELOPMENT PROGRAMMES

Jabatan Perkhidmatan Awam turut menganjurkan serta menyelaras program-program latihan serta pembangunan pegawai awam. Program-program ini dilaksanakan untuk meningkatkan kompetensi, prestasi, produktiviti dan daya inovasi Penjawat Awam. Sebanyak 45 kursus / program telah dianjurkan yang melibatkan 4,846 orang pegawai perkhidmatan Gunasama seperti berikut:

*The Public Service Department also organises and coordinates training and development programs for public officers. These programmes are implemented to improve the competence, performance, productivity and innovation of Public Servants. A total of 45 courses / programs were organised involving 4,846 Shared Services officers as follows:*

<b>Urusan</b>	<b>JUSA/Gred Khas</b>		<b>Kumpulan P&amp;P</b>		<b>Kumpulan Pelaksana</b>	
	<b>Urusan</b>	<b>Pegawai</b>	<b>Urusan</b>	<b>Pegawai</b>	<b>Urusan</b>	<b>Pegawai</b>
Kenaikan Pangkat	44	464	433	37,641	1,854	1,854
Pemangkuhan		537	302	6,215	1,149	1,149
<b>Jumlah</b>	<b>44</b>	<b>1,001</b>	<b>735</b>	<b>43,856</b>	<b>3,003</b>	<b>3,003</b>

## PENGANUGERAHAN PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG (PPC) EXCELLENT SERVICE MEDAL AWARDS (PPC)

Merupakan pingat dizahirkan oleh Yang di-Pertuan Agong bagi pegawai Perkhidmatan Awam yang menunjukkan kecemerlangan luar biasa dalam tugas dan sumbangan di luar tugas rasmi. Insentif daripada pingat yang diterima terdiri daripada komponen berikut:

- Satu Pingat Perkhidmatan Cemerlang;
- Sijil Pingat Perkhidmatan Cemerlang; dan
- Wang tunai atau Sijil/Skim Simpanan bernilai RM1,000

### **Pegawai diberi peluang dan keutamaan dalam:**

- Pembangunan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja; dan
- Pencalonan untuk menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan atau Negeri.

*The medal is bestowed by the Yang di-Pertuan Agong for Public Servants who show extraordinary excellence in their duties and contributions beyond official obligations. Incentives from medals received include the following components:*

- One Excellent Service Medal;*
- Excellent Service Medal Certificate; and*
- Cash or Savings Certificate/Scheme of RM1,000*

### **Officers are given opportunities and priorities in:**

- Career development such as attending courses, seminars or conferences that can contribute to improved job performances; and*
- Nomination to receive Federal or State Orders, Decorations and Medals.*

**Bilangan Pegawai Yang Diluluskan Penganugerahan PPC 2017**  
**Number of Officers Approved for the PPC Award 2017**

Bil.	Kementerian / SUK	Jumlah Lulus	Kumpulan Perkhidmatan	
			P&P	Pelaksana
1.	Jabatan Perdana Menteri	8	5	3
2.	Kementerian Pendidikan Malaysia	2	2	-
3.	Kementerian Pendidikan Tinggi	7	5	2
4.	Kementerian Dalam Negeri	4	1	3
5.	Kementerian Wilayah Persekutuan	11	5	6
6.	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	6	4	2
7.	Kementerian Kesihatan Malaysia	2	2	-
8.	Kementerian Kewangan Malaysia	5	2	3
9.	Pejabat SUK Negeri Pahang	8	4	4
10.	Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar	2	-	2
11.	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	3	3	-
12.	Kementerian Sumber Manusia	5	5	-
13.	Kementerian Pelancongan & Kebudayaan	2	2	-
14.	Kementerian Kerja Raya	1	1	-
15.	Pejabat SUK Negeri Terengganu	3	2	1
16.	Pejabat SUK Negeri Kelantan	1	1	-
<b>JUMLAH</b>		<b>70</b>	<b>44</b>	<b>26</b>

**TINDAKAN TATATERTIB TERHADAP PEGAWAI AWAM BAGI TAHUN 2017**

**DISCIPLINARY ACTIONS TO PUBLIC OFFICERS IN 2017**

Pada tahun 2017 (setakat suku tahun ke-3), seramai 2869 orang pegawai awam di Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Badan Berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah dikenakan tindakan tataterribit.

*In 2017 (as of the 3rd quarter), 2869 Public Servants in the Federal Public Service, State Public Service, Federal Statutory Bodies, State Statutory Bodies, Local Authorities and the Royal Malaysian Police (PDRM) was subjected to disciplinary action.*

**Pecahan Pegawai Yang Dikenakan Tataterribit Mengikut Hukuman Tahun 2017 (setakat suku tahun ke-3)**  
**Officers Subjected to Disciplinary Actions sorted by Punishment in 2017 (as of the 3rd quarter)**

Hukuman							Jumlah
Amaran	Denda	Lucut Hak Emolumen	Tangguh Pergerakan Gaji	Turun Gaji	Turun Pangkat	Buang Kerja	
1,093	341	361	269	133	19	653	2869

## PELAKSANAAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM IMPLEMENTATION OF PUBLIC SERVICE EXAMINATIONS

Sehingga bulan Disember tahun 2017 sebanyak 16 urusan Peperiksaan Perkhidmatan Awam (PPA) telah dilaksanakan dengan jayanya. Ianya melibatkan 34,501 permohonan untuk menduduki peperiksaan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan, kenaikan pangkat, peningkatan secara lantikan (PSL) dan untuk mendapatkan faedah/ insentif kewangan.

*Up until December 2017, 16 Public Service Examinations (PPA) were successfully implemented. It involved 34,501 applications to sit for examinations for various purposes including for validation in services, promotions, promotion by appointment (PSL) and for financial benefits / incentives.*

Bil.	Jenis Peperiksaan	Jumlah Urusan	Jumlah Calon		
			Mohon	Hadir	Lulus
1.	Pengesahan Dalam Perkhidmatan & BM Khas	8	17,429	15,615 (90%)	8,555 (55%)
2.	Kenaikan Pangkat (PLV)	2	388	228 (59%)	0 (0%)
3.	Peningkatan Secara Lantikan (PSL)	3	16,212	9,290 (57%)	7 (0.08%)
4.	Faedah Kewangan	3	472	291 (62%)	23 (8%)
<b>JUMLAH</b>		<b>16</b>	<b>34,501</b>	<b>25,424</b>	<b>8,585</b>

## PROGRAM BULAN BAHASA KEBANGSAAN (BBK) DAN HARI INTEGRITI JPA TAHUN 2017 JPA'S NATIONAL LANGUAGE MONTH (BBK) AND INTEGRITY DAY PROGRAMMES 2017

Sebagaimana tahun-tahun sebelumnya, Unit Integriti sebagai Urus setia Induk Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Jabatan Perkhidmatan Awam kembali memeriahkan JPA dengan pelbagai program BBK. Namun, tahun 2017 menyaksikan sedikit kelainan bertujuan memeriahkan lagi program serta mengoptimumkan sumber. Maka, sambutan BBK telah dirangkumkan dengan sambutan Hari Integriti JPA tahun 2017. Susulan itu, 4 program BBK iaitu Pertandingan Pidato, Pertandingan Pantun Berpasukan, Pertandingan Kuiz Bahasa Melayu Dalam Talian dan Pertandingan Nyanyian Lagu Tradisional dilakukan dengan suntikan nilai

*As in previous years, the Integrity Unit as the Main Secretariat of the National Language Month Celebration at the Public Service Department level had once again enlivened the JPA with various BBK programs. However, the year 2017 had witnessed a few interesting changes aimed at hyping the programme and optimising resources. Hence, the BBK's celebration was integrated with the JPA Integrity Day 2017 celebrations. Following that, 4 BBK Programmes; an Oratorical Contest, Team Pantun Competition, Online Malay Quiz Contest and a Traditional Songs' Singing Competition were performed to incorporate*

integriti dalam setiap pengisian pertandingan seperti dalam teks pidato dan rangkap-rangkap pantun. Selain itu, satu Pertandingan Menulis Esei Bahasa Melayu Sempena Sambutan Hari Integriti JPA turut diadakan dengan tema "Transformasi Nasional 2050 Berteraskan Integriti Dalam Perkhidmatan.

Pertandingan Pidato telah diadakan pada 23 Oktober di Sudut Pengucapan Awam, Lobi C1 dengan penyertaan seramai 15 orang, Pertandingan Kuiz menerima sebanyak 173 penyertaan, Pertandingan Pantun pada 24 Oktober telah menyaksikan pertembungan 8 pasukan dari 5 Bahagian di JPA dan Pertandingan Nyanyian pada 25 Oktober diserikan oleh 13 orang peserta. Bagi Pertandingan Esei pula, seramai 9 pegawai telah mengemukakan garapan idea masing-masing.

Akhirnya, pada 14 November 2017, bersekali dengan Perhimpunan Bulanan JPA anjuran BMI bertemakan Membudaya Integriti, Memperkasa Transformasi, turut diadakan Sambutan Hari Integriti dan Majlis Kemuncak Program Bulan Bahasa Kebangsaan JPA 2017. Semua pemenang telah diraikan dalam acara tersebut dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri KPPA.

*integrity values in each contest as in the oratorical texts and pantuns. In addition, a Malay Language Essay Writing Competition in conjunction with the JPA Integrity Day Celebration was also held with the theme "National Transformation 2050 Established Upon Its Integrity in Service."*

*The Oratorical Contest was held on 23 October 2017 at the Public Speaking Corner, Lobby C1 with 15 participants, while the Quiz Contest received 173 entries; the Pantun Competition on 24 October saw the clashes between 8 groups from 5 JPA Departments whereas the Singing Competition on the 25th of October was graced by 13 participants. As for the Essay Competition, a total of 9 officers had submitted their respective thoughts.*

*Finally, on 14 November 2017, the JPA Monthly Assembly organised by BMI with the theme 'Enculturing Integrity, Empowering Transformation' was concurrently held with the JPA's Integrity Day Celebration and the JPA's National Language Month of 2017's Highlights Ceremony. All the winners were celebrated during the event where prizes were awarded by Tan Sri KPPA.*



## Senarai Pemenang

### Winners List

#### PIDATO

1. Nur Adilla bt. Abd. Rahim – Kadet PTD/INTAN
2. Abdul Hafiz b. Mohd. Hatta – BKP
3. Norhayati bt. Mohd. Idris – BPPD



#### PANTUN

1. Pasukan Gemersik – BK (Erma bt. Ahmad Khalili, Norazlyna bt. Awang, Nur Alwani bt. Mohammad Nasir, Rohafiza bt. Abd. Razak).
2. Pasukan Selayang Pandang – BPPD (Khairuzaki b. Paiman, Rosliza bt. Mahidi)



#### NYANYIAN

1. Norlaily bt. Ibrahim – BP
2. Sri Ram a/l Letchimanan dan Amy Lydia bt. Adnan – BPPD
3. Norhidayah bt. Mat Arip – INTAN



#### KUIZ



1. Siti Athirah bt. Saharudin – BPMS
2. Wan Noorsarabila bt. Wan Zaizodin – BKP
3. Mohd. Zulkarnain b. Abd. Kadir – BK



#### ESEI

1. Nur Ayuni bt. Zainal Abidin – BPPD
2. Zarina bt. Kadri – BPO
3. Mohamad Ikhwan Al-Syahid b. Abdullah Tahir - INTAN



## PELAKSANAAN PENSIJILAN ISO 37001:2016 SISTEM PENGURUSAN ANTI-SUAPAN DI JPA

### *IMPLEMENTATION OF THE JPA'S ISO 37001: 2016 ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM CERTIFICATION*

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menerima jemputan untuk menyertai Program Perintis Pensijilan ISO 37001: 2016 Sistem Pengurusan Anti-Suapan [Anti-Bribery Management System (ABMS)] yang dilaksanakan oleh SIRIM QAS International dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah (ACelO). Pensijilan standard berkenaan merupakan pensijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Objektif pelaksanaan ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti-Suapan di JPA adalah seperti berikut:

- i. Mewujudkan persekitaran dan proses kerja yang bebas suapan berdasarkan standard yang jelas;
- ii. Membudayakan amalan anti-suapan dalam segenap aspek perkhidmatan; dan
- iii. Mewujudkan ruang penambahbaikan yang berterusan kepada Sistem Pengurusan Anti-Suapan serta memastikan tadbir urus yang baik berdasarkan nilai-nilai etika.

Melalui penerimaan dan pembudayaan standard ini, isu-isu berkaitan penyalahgunaan kuasa dan perkara yang tidak berintegriti dapat dikurangkan, dalam erti kata lain, pencegahan dari akar umbi (*preventing from root cause*).

Beberapa siri pengauditan telah dilaksanakan oleh pihak SIRIM QAS International dan kini dalam proses untuk melaksanakan pengauditan peringkat terakhir sebelum dianugerahkan sijil ISO 37001:2016.

*The Public Service Department (JPA) received an invitation to participate in the Pioneer Program of ISO 37001: 2016 Certification in Anti-Bribery Management System (ABMS) implemented by SIRIM QAS International in collaboration with the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) and the Malaysian Certified Integrity Officer Association (ACelO). The standard certification is an internationally recognised certification.*

*The objectives of implementing ISO 37001: 2016 Anti-Bribery Management System in JPA were as follows:*

- i. Creating a bribe-free environment and work process based on clear standards;*
- ii. Enculturing anti-bribery practices in all aspects of the service; and*
- iii. Establish rooms for improvement to the Anti-Bribery Management System and ensuring good governance based on ethical values.*

*Through the adoption and enculturation of these standards, issues related to the abuse of power and other corrupted activities can be reduced, in other words, by prevention of root causes.*

*A series of audits were conducted by SIRIM QAS International which are now in the process of conducting the final stage of auditing before being awarded the ISO 37001: 2016 certificate.*



# LATIHAN SEBELUM PERKHIDMATAN

## *PRE-SERVICE TRAINING*

### PROGRAM PENDAFTARAN PELAJAR

Program pendaftaran pelajar ini dijalankan di kolej-kolej persediaan yang terpilih di seluruh negara. Pelajar-pelajar di bawah program penajaan ke luar negara perlu mengikuti kursus persediaan di kolej-kolej tersebut untuk tempoh yang telah ditetapkan sebelum mereka meneruskan peringkat pengajian yang lebih tinggi di luar negara.

Selain itu, program ini juga dijadikan platform kepada JPA untuk menyalurkan maklumat-maklumat secara terperinci seperti struktur program penajaan dan pengajian, elaun dan kemudahan serta peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh pelajar-pelajar tajaan JPA. Taklimat ini juga dihadiri oleh ibu bapa bagi memastikan ibu bapa pelajar mengambil perhatian ke atas perkara-perkara penting seperti peraturan yang perlu dipatuhi oleh pelajar, terutamanya Had Kelayakan Akademik yang perlu dicapai oleh pelajar bagi melayakkan mereka untuk terus ditaja ke luar negara.

Bagi tahun 2017, enam (6) program pendaftaran telah dijalankan. Program pendaftaran yang dilaksanakan pada tahun ini dilaksanakan mengikut Program Penajaan dan bukannya mengikut pendaftaran kolej seperti tahun-tahun yang sebelumnya.

### STUDENT REGISTRATION PROGRAMME

*The student registration programme was conducted at selected preparatory colleges nationwide. Students under the overseas sponsorship program are expected to attend preparatory courses at the selected preparatory colleges for a predetermined period before they continue to pursue their higher education overseas.*

*Additionally, the programme also serves as a platform for JPA to disseminate detailed information such as on the structure of the sponsorship and study programmes, allowances, facilities and regulations that JPA-sponsored students to comply. The briefing shall also be attended by parents to ensure that parents are aware of important matters such as the rules that the students must comply to, especially the Academic Qualification Limits that students must meet to qualify them to continue to be sponsored abroad.*

*For the year 2017, six registration programmes were conducted. This year, the registration programmes were implemented according to the students' Sponsorship Program and not by college registration as in previous years.*





Taklimat Program JPA MARA (Jepun) 2017 pada 8 Mei 2017 di Universiti Malaya



Taklimat Program Khas Jepun, Korea Perancis dan Jerman (JKP) 2017 pada 15 Mei 2017 di INTEC Shah Alam

## PROGRAM OUTREACH (KOLEJ PERSEDAIAN)

Program pemantauan pelajar ini dijalankan di kolej-kolej persediaan sebagai platform untuk menyalurkan maklumat berkenaan dasar-dasar baru penajaan selain mengingatkan pelajar mengenai dasar dan peraturan sedia ada. Pelajar juga berpeluang untuk mengutarakan persoalan dan kemosyikilan berkenaan dengan tajaan JPA sepanjang pengajian mereka. Kebanyakan persoalan adalah mengenai Had Kelayakan Akademik dan juga prosedur untuk persediaan ke luar negara.

Pemantauan telah dilaksanakan ke atas pelajar-pelajar yang akan melanjutkan pengajian ke United Kingdom, Amerika Syarikat dan New Zealand pada tahun 2017.

## OUTREACH PROGRAMME (PREPARATORY COLLEGE)

*The student monitoring programme was conducted at preparatory colleges as a platform to channel information on new sponsorship policies besides alerting students to existing policies and regulations. Students could also address their concerns and ask questions regarding the JPA's sponsorship throughout their studies. Most questions were about Academic Qualification Limits as well as the procedures for overseas preparation.*

*Monitoring was carried out on students who will pursue their studies in the United Kingdom, the United States of America and New Zealand in 2017.*

### FAKTA PROGRAM OUTREACH JPA 2017 (KOLEJ PERSEDAIAN)

FACTS ON THE JPA OUTREACH PROGRAMMES 2017

8

PROGRAM MELIBATKAN 1,001 PELAJAR  
PROGRAMMES INVOLVING 1,001 STUDENTS

98%

PELAJAR PERSEDAIAN BERLEPAS KE LUAR  
NEGARA PADA 2017  
PREPARATORY STUDENTS DEPART  
OVERSEAS IN 2017

Perjumpaan dengan pihak pentadbiran kolej juga diadakan bagi membincangkan masalah-masalah pentadbiran antara JPA dan kolej disamping mendapatkan maklumbalas dari tenaga pengajar Kolej mengenai pencapaian akademik, kurikulum dan disiplin pelajar.



Sesi interaksi TPB(I)O bersama pelajar Program JKPJ (Jerman) di INTEC

*Meetings with college administrations were held to discuss administrative problems between the JPA and colleges as well as to obtain feedback from College staff on the students' academic and co-curricular achievements as well as on their discipline.*



Taklimat oleh KPP(I)OL bersama pelajar Program New Zealand di Kolej Yayasan Saad International School (KYSIS)

### **PROGRAM TAKLIMAT PRA-PENERBANGAN DAN PENGHANTARAN PELAJAR KE LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (KLIA)**

Bermula pada tahun ini, ibu bapa pelajar juga telah dijemput untuk menghadiri taklimat pra-penerbangan bersama-sama pelajar bagi memastikan mereka juga dapat memahami prosedur yang bakal dilalui oleh pelajar dalam persediaan mereka ke Luar Negara.

Taklimat pra-penerbangan dan penghantaran 360 orang pelajar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) telah dilaksanakan oleh BMI. Taklimat pra-penerbangan telah diadakan dengan tujuan:

- Medium interaksi di antara pegawai JPA dan pelajar sebelum mulakan pengajian di peringkat ijazah;
- Memaklumkan urusan-urusan pentadbiran yang perlu diselesaikan sebaik sahaja sampai di negara pengajian oleh pihak bank; dan
- Memberikan motivasi dan menyediakan diri pelajar untuk menempuh cabaran di tempat dan suasana baru.

### ***PRE-FLIGHT BRIEFING AND SENDING-OFF OF STUDENTS AT THE KUALA LUMPUR INTERNATIONAL AIRPORT (KLIA)***

*Starting this year, the students' parents were also invited to attend the pre-flight briefing with students to ensure that parents would understand the procedures that the students will go through in their preparations to depart overseas.*

*The pre-flight briefing and sending-off of 360 students at the Kuala Lumpur International Airport (KLIA) was conducted by BMI. The pre-flight briefings were held with the aim of:*

- Acting as an interaction medium between JPA staff and students prior to the commencement of the students' higher education studies;
- Notification from the bank on administrative matters that needs to be completed upon their arrival in their assigned country; and
- Provide motivation and prepare students in taking on new challenges in a new environment and atmosphere.

Selain itu, pegawai-pegawai BMI juga hadir di KLIA bagi membantu pelajar-pelajar untuk urusan-urusan pendaftaran di KLIA.

*BMI officers were also present at KLIA to assist students on registration matters at KLIA.*



#### Ikrar Aku Janji

Pelajar membaca ikrar Aku Janji sebelum berlepas ke luar Negara



#### Perjalanan jauh

Wakil pelajar memimpin bacaan doa sebelum berlepas



#### Kibar Jalur Gemilang

Pelajar bersemangat melakar kejayaan buat negara

### PROGRAM TALENT ACCELERATION IN THE PUBLIC SERVICE (TAPS)

Program *Talent Acceleration in the Public Service (TAPS)* merupakan kerjasama di antara pihak JPA dan Razak School of Government (RSOG). Program ini dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 22 Ogos 2011 dengan hasrat untuk mengenalpasti, memupuk dan mencungkil bakat terbaik untuk Perkhidmatan Awam.

Dalam hal ini, pemegang biasiswa JPA yang berpotensi tinggi dan mempunyai keterampilan akan dipilih dan didedahkan kepada perkara-perkara berhubung kerangka Perkhidmatan Awam serta suasana kerja sebenar. Para peserta juga akan sentiasa dipantau oleh pihak Kementerian/Jabatan berdasarkan penempatan mereka.

### PROGRAM TALENT ACCELERATION IN THE PUBLIC SERVICE (TAPS)

*The Talent Acceleration in the Public Service (TAPS) program is a collaboration between JPA and the Razak School of Government (RSOG). The program was launched by the Prime Minister on 22 August 2011 with the desire to identify, nurture and elicit the best talents for the Public Service.*

*For the program, high-potential and savoir-faire JPA scholarship holders will be elected and exposed to matters relating to Public Service framework and the real working environment. Participants will also be constantly monitored by the Ministries / Departments based on their placement.*

Tahun Pelaksanaan	Jumlah Peserta	Skim Perkhidmatan	Bil. Peserta yang dilantik ke dalam Perkhidmatan Awam
2011-2013 (2 tahun)	43 orang	Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD)	30 orang
2012-2014 (2 tahun)	43 orang		38 orang
2014-2015 (1 tahun)	23 orang	Perkhidmatan Lain (selain PTD)	16 orang
2015-2016 (1 tahun)	19 orang		6 orang
2017-2018 (1 tahun)	29 orang		28 orang (dalam proses lantikan tetap)
<b>Jumlah</b>	<b>157 orang</b>		<b>118 orang</b>

**Statistik peserta Program TAPS dari 2011 - 2017**  
**TAPS Programme participants' statistics from 2011 - 2017**

## MAJLIS PEMETERAIAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) TAPS TAHUN 2017

MoU yang dimeterai sebelum ini iaitu pada 27 Oktober 2011 bagi tempoh 5 tahun di antara pihak JPA dan Razak School of Government (RSOG) telah tamat pada 26 Oktober 2016 yang lepas. Maka, satu majlis pemeterai semula MoU program TAPS telah diadakan pada 17 Mei 2017 bertempat di JPA kerana terdapat keperluan dalam meneruskan lagi pelaksanaan program ini.

Objektif utama majlis pemeterai semula MoU ini adalah bagi memastikan urusan pentadbiran dan bayaran elauan peserta TAPS dapat diuruskan dengan lancar oleh pihak RSOG. MoU ini juga dilakukan bagi memberi punca kuasa kepada pihak RSOG dalam menjalankan urus tadbir peserta TAPS kohort 5 selain menjalankan program-program pembangunan personaliti peserta.

Majlis pemeterai MoU ini telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Zainal Rahim Seman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bagi pihak Kerajaan dan juga En. Azman Hisham Che Doi, Ketua Pegawai Eksekutif RSOG bagi pihak RSOG. Permeterai semula MoU ini akan melibatkan kerjasama antara pihak Kerajaan dan RSOG selama 2 tahun bermula pada 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2018.

Hubungan kerjasama antara pihak Kerajaan dan RSOG amatlah penting dalam membina modal insan terpilih yang telah dikenalpasti bagi manfaat negara amnya dan Perkhidmatan Awam khususnya. Program ini juga dapat dijadikan platform kepada peserta TAPS dalam meningkatkan lagi pengalaman dan pendedahan di kalangan pengurusan tertinggi Perkhidmatan Awam.

## SIGNING OF THE TAPS MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MoU) CEREMONY 2017

*The MoU, signed on 27 October 2011 for a period of 5 years between the JPA and the Razak School of Government (RSOG) expired on the 26th of October 2016. Thus, a TAPS memorandum re-signing ceremony was held on 17 May 2017 at the JPA as there was a need to continue the implementation of the program.*

*The main objective of the MoU's re-signing ceremony was to ensure the administrative arrangements and the allowance paid by TAPS participants can be managed smoothly by the RSOG. The MoU was also implemented to provide a source of authority to RSOG in managing the participants of the TAPS' 5th cohort in addition to the execution of personality development programs.*

*The MoU was signed by Tan Sri Zainal Rahim Seman, Director General of Public Service on behalf of the Government and Mr Azman Hisham Che Doi, the Chief Executive Officer of RSOG on behalf of RSOG. The re-rationalisation of the MoU will involve the cooperation between the Government and RSOG for a period of 2 years from 1 January 2017 to 31 December 2018.*

*The cooperation between the Government and RSOG is crucial in developing selected human capital for the benefit of the country and the Public Service in particular. The program could also serve as a platform for TAPS participants in enhancing experience and exposure among the top management of Public Service.*



Sesi Pemeterai MoU Program TAPS

### PROGRAM SCHOLARSHIP TALENT ATTRACTION AND RETENTION (STAR)

Program *Scholarship Talent Attraction and Retention* (STAR) adalah merupakan inisiatif dan usaha sama di antara JPA dan Talentcorp bagi menarik dan mengekalkan modal insan berkemahiran tinggi serta berdaya saing di kalangan graduan tajaan JPA.

Ini adalah selaras dengan terma kontrak berkhidmat yang telah termaktub iaitu pelajar tajaan boleh berkhidmat dengan pihak yang dipersekutui oleh Kerajaan (syarikat-syarikat swasta di Malaysia yang berdaftar di bawah Program STAR). Program ini juga bertujuan untuk mengelakkan isu "brain drain" atau pengaliran keluar bakat ke luar negara.


### SCHOLARSHIP TALENT ATTRACTION AND RETENTION (STAR) PROGRAMME

*The Scholarship Talent Attraction and Retention (STAR) program is an initiative and joint venture between the JPA and Talentcorp to attract and retain high-skilled and competitive human capital among JPA-sponsored graduates.*

*This is in line with the terms of the contract of service where sponsored students may serve with Government-approved parties (private companies in Malaysia registered under the STAR Program). The program also aims to prevent brain drain issues or the outflow of talents abroad.*

#### Jumlah Graduan Berdaftar Dengan Program STAR dari 2011-2017

*No. of graduates registered with the STAR Programme from 2011-2017*



## PROGRAM TAKLIMAT KONTRAK SIRI 1 DAN SIRI 2 TAHUN 2017

Sesi taklimat kontrak Siri 1 dan 2 diadakan dalam bentuk forum dua hala bersama Unit Pembangunan Kerjaya, BMI dan TalentCorp, sesi temuduga serta sesi *Networking Session with Companies*.

Pelaksanaan Program Taklimat Kontrak ini mendapat sambutan syarikat-syarikat tempatan dan multinasional di mana 2 syarikat telah terlibat pada siri Taklimat Kontrak siri 1/2017 dan sebanyak 25 buah syarikat telah mengambil bahagian pada Taklimat Kontrak siri 2/2017 termasuklah Farmasi Alpro, Pfizer Pharmaceuticals, GAMUDA Berhad, Tech Mahindra, Maxis, DIGI Telco, PWC Malaysia, Sandisk, Garena Malaysia, Schlumberger Business Hub dan lain-lain lagi.

Sesi taklimat kontrak seperti ini telah memberi peluang kepada graduan untuk memperoleh *employability skills* yang relevan sebelum menempuh alam perkerjaan. Pengajuran program seperti ini dijangka dapat membantu mencapai hasrat Kerajaan di dalam melahirkan modal insan yang professional dan berkemahiran tinggi seterusnya membantu terhadap kejayaan Transformasi Nasional (TN50).

**Siri  
1**

**SERIES 1**  
**Siri 1/2017 • 7 Mac 2017**

Diadakan di Galeria Putrajaya Holding Sdn Bhd (PJH), Putrajaya, bersama graduan tajaan JPA yang telah menamatkan pengajian di Australia dan New Zealand bagi tahun 2016

*Series 1/2017 was held on 7 March 2017 at Galeria Putrajaya Holdings Sdn Bhd (PJH), Putrajaya, with JPA-sponsored graduates who graduated in Australia and New Zealand in 2016.*

## CONTRACT BRIEFING PROGRAMME SERIES 1 AND SERIES 2 OF 2017

*The 1st and 2nd contract briefing sessions was held in the form of bilateral forums with the Career Development Unit, BMI and TalentCorp, where interview sessions and Networking Session with Companies were conducted.*

*The Contract Briefing Programme was well-received by local and multinational companies where 2 companies were involved in the series' Contract Briefing Series 1/2017 and 25 companies participated in the Contract Briefing Series 2/2017 including Alpro Pharmacy, Pfizer Pharmaceuticals, GAMUDA Berhad, Tech Mahindra, Maxis, DIGI Telco, PWC Malaysia, Sandisk, Garena Malaysia, Schlumberger Business Hub and others.*

*The contract briefing sessions had provided opportunities for graduates to obtain relevant employability skills before going through a working environment. The organisation of such programs was expected to help achieve the Government's aspiration in producing professional and highly skilled human capital, thus contributing to the success of the National Transformation (TN50).*

**Siri  
2**

**SERIES 2**  
**Siri 2/2017 • 6 Jun 2017**

Diadakan di Galeria Putrajaya Holding Sdn Bhd (PJH), Putrajaya, bersama graduan tajaan JPA yang telah tamat pengajian di Korea, Jepun dan Jerman di bawah Program Kejuruteraan Jepun, Korea, Perancis & Jerman (JKP) dan juga program JPA-MARA

*Series 2/2017 was held on 6 June 2017 at Galeria Putrajaya Holding Sdn Bhd (PJH), Putrajaya, with JPA-sponsored graduates who graduated in Korea, Japan and Germany under the Japanese, Korean, French & German Engineering Programs (JKP) as well as the JPA-MARA program.*



## TAKLIMAT RE-ORIENTASI GRADUAN PERUBATAN, PERGIGIAN DAN FARMASI (LUAR NEGARA)

Taklimat Re-Orientasi Graduan Perubatan, Pergigian dan Farmasi (Luar Negara) tajaan JPA tahun 2017 telah diadakan pada 4 Oktober 2017 bertempat di Dewan Serbaguna, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kompleks E, Putrajaya dengan menyasarkan graduan bidang perubatan, pergigian dan farmasi tajaan JPA (luar negara) yang baru menamatkan pengajian dengan jayanya.

Sesi taklimat ini telah dijalankan secara bersama melibatkan penyertaan wakil Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Perubatan Malaysia (MMC), Majlis Pergigian Malaysia (MDC) dan Lembaga Farmasi Malaysia (LFM). Graduan diberi pemahaman dan penjelasan terperinci kepada dasar-dasar semasa dan prosedur terkini proses pendaftaran dengan badan-badan profesional yang terlibat dan pengambilan ke dalam Perkhidmatan Awam. Seramai 159 orang graduan telah hadir dalam taklimat tersebut.

## RE-ORIENTATION BRIEFING OF MEDICAL, DENTAL AND PHARMACEUTICAL GRADUATES (OVERSEAS)

*The Re-Orientation of JPA-Sponsored Medical, Dentistry and Pharmacy (Abroad) graduates of 2017 was held on 4 October 2017 at the Multipurpose Hall, Ministry of Health Malaysia, Complex E, Putrajaya which targets JPA-sponsored graduates (overseas) in the medical, dentistry and pharmacy fields who had recently completed their studies.*

*The briefing session was jointly conducted with representatives from the Public Service Commission of Malaysia (SPA), Ministry of Health Malaysia (MOH), Malaysian Medical Council (MMC), Malaysian Dental Council (MDC) and Pharmacy Board Malaysia (LFM). Graduates were given detailed clarification and explanation on current policies and the latest registration procedures with relevant professional bodies and on the recruitment into the Public Service. A total of 159 graduates were present at the briefing.*

Melalui pelaksanaan program taklimat ini, graduan memperoleh manfaat yang sewajarnya dan dapat lebih memahami dasar-dasar semasa yang berkuatkuasa dan skop bidang kuasa Jabatan, Agensi dan badan-badan profesional yang terlibat. Terutamanya dalam melaksanakan pelbagai urusan membabitkan pendaftaran sementara, permohonan jawatan, pengambilan, penempatan dan sebagainya. Taklimat ini juga telah membuka platform engagement bersama SPA, KKM, MMC, MDC dan LFM.

*The implementation of the briefing programme was beneficial to the graduates as to better understand the current policies that are in force and the authority scope of the Departments, Agencies and professional bodies involved. The information conveyed was especially useful in executing various matters involving temporary registration, job application, recruitment, placement and so on. The briefing had opened engagement platforms with SPA, KKM, MMC, MDC and LFM as well.*



Kehadiran penceramah dan tetamu jemputan



Sesi soal jawab bersama pelajar

# Connect & Interact KPPA

## PELAJAR TAJAAN JPA

### JPA-SPONSORED STUDENTS



Sesi *Connect & Interact* KPPA Bersama-Sama Pelajar Tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang telah diadakan pada hari Jumaat, 12 Mei 2017 merupakan sebahagian daripada Program Turun Padang YBhg. Dato' Sri KPPA ke Negeri Sabah. Sesi ini melibatkan interaksi di antara YBhg. Dato' Sri KPPA bersama-sama pelajar-pelajar tajaan JPA dari UMS, Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Politeknik Kota Kinabalu.

Program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar tajaan JPA mengenali dengan lebih dekat dan seterusnya dapat berinteraksi bersama-sama YBhg. Dato' Sri KPPA. Melalui program ini juga para pelajar dapat mengutarakan segala persoalan berhubung pengajian dan penajaan mereka serta peluang perkerjaan dalam Sektor Awam.

*The KPPA Connect & Interact Session with JPA-sponsored Students held in Universiti Malaysia Sabah (UMS) on Friday, 12 May 2017 was part of the Tan Sri KPPA's Engagement Program in Sabah. This session involved the interaction between Tan Sri KPPA with JPA-sponsored students from UMS, Universiti Teknologi Mara (UiTM) and Kota Kinabalu Polytechnic.*

*The program's aim was to provide opportunities for JPA-sponsored students to get to know and interact with Tan Sri KPPA. Through this program, students were also given opportunities to ask questions regarding their studies, sponsorship and job opportunities in the Public Sector.*



Sesi Fotografi KPPA Bersama-sama Semua Dif  
Kehormat Dan Pelajar Tajaan JPA



KPPA menyampaikan Sijil Kecemerlangan Akademik  
Kepada Pelajar Cemerlang Tajaan JPA

Program ini telah dihadiri oleh seramai 509 orang pelajar yang terdiri daripada Pelajar Tajaan JPA di UMS, UiTM Kampus Kota Kinabalu dan Politeknik Kota Kinabalu. YBhg. Dato' Sri KPPA telah bersetuju untuk memberikan Sijil Kecemerlangan Akademik kepada para pelajar yang telah menunjukkan prestasi pengajian yang cemerlang.

Semasa sesi tersebut, seramai 15 pelajar terdiri daripada 13 pelajar UMS dan 2 pelajar Politeknik Kota Kinabalu dengan pencapaian CGPA sekurang-kurangnya 3.9 telah menerima Sijil Pencapaian Kecemerlangan Akademik yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Sri KPPA. Selebihnya, seramai 70 pelajar dengan pencapaian CGPA sekurang-kurangnya 3.75 telah menerima Sijil Pencapaian Kecemerlangan Akademik dengan diwakili oleh wakil pelajar dari UMS dan Politeknik Kota Kinabalu.

*The programme was attended by 509 students comprising JPA-Sponsored Students at UMS, UiTM Kota Kinabalu Campus and Kota Kinabalu Polytechnic. Tan Sri KPPA agreed to award Academic Excellence Certificate to students who had demonstrated excellent academic performance.*

*During the session, 15 students consisting 13 UMS students and 2 Kota Kinabalu Polytechnic students with CGPA achievements of at least 3.9 had personally received the Certificate of Achievement in Academic Excellence awarded by Tan Sri KPPA himself. The rest, a total of 70 students with CGPA achievements of at least 3.75 received their Certificate of Achievement in Academic Excellence through student representatives from UMS and the Kota Kinabalu Polytechnic.*

## PROGRAM OUTREACH (IPTA/IPTS)

Program *Outreach* merupakan program turun padang pegawai JPA ke Universiti Awam dan Swasta bagi mendekati pelajar-pelajar tajaan JPA dan merapatkan lagi jalinan kerjasama antara JPA dan pegawai-pegawai di Universiti yang menguruskan perihal pelajar. Program ini adalah platform bagi JPA bagi menyalurkan pelbagai maklumat berkaitan penajaan secara terus kepada pelajar-pelajar tajaan JPA dan pihak institusi pengajian tinggi.

Selain itu, program ini juga merupakan medium kepada pelajar bagi mengutarakan sebarang persoalan dan kemosyikilan berkenaan dengan penajaan JPA sepanjang pengajian mereka. Program ini juga melibatkan sesi perjumpaan dengan pihak pengurusan universiti bertujuan untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pelajar tajaan secara khususnya dan penajaan JPA secara amnya.

## OUTREACH PROGRAMME (IPTA / IPTS)


*The Outreach Programme is an engagement program by JPA officers to Public and Private Universities to approach JPA-sponsored students and further strengthen the collaboration between the JPA and the University's administrators who manage the students' affairs. The program was a platform for the JPA to channel various sponsorship-related information directly to JPA-sponsored students and institutions of higher learning.*

*In addition, the program was also a medium for students to address any questions and concerns regarding the JPA's sponsorship throughout their studies. The program also involved meeting sessions with university managements aimed at discussing matters relating to sponsored students in particular and JPA-sponsorship in general.*



Intipati Program Outreach (IPTA/IPTS) JPA 2017





Statistik Pelajar Tajaan JPA Dalam Negara sehingga 2017  
Statistics of JPA-Sponsored students within Malaysia up to 2017

### PROGRAM LAWATAN PELAJAR DAN WARIS PELAJAR TAJAAN JPA

Program Lawatan Pelajar Tajaan JPA ini dilaksanakan sebagai satu inisiatif Kerajaan dalam menzahirkan tanda simpati serta membuktikan keprihatinan JPA terhadap kebajikan pelajar tajaan JPA. Lawatan ini bertujuan menziarahi pelajar tajaan JPA yang berada di hospital, mengunjungi waris keluarga pelajar yang meninggal dunia semasa dalam pengajian atau lain-lain sebab yang difikirkan perlu agar pelajar dan keluarga pelajar tahu bahawa JPA prihatin dan sentiasa memantau dan mengambil berat semua pelajar tajaan JPA.

### VISITATION PROGRAMME FOR JPA-SPONSORED STUDENTS AND THEIR FAMILY MEMBERS

The Visitation Programme for JPA-sponsored Students was implemented as a Government initiative in expressing sympathy and showing JPA's concern on the welfare of students sponsored by JPA. The visitations were intended to visit hospitalised JPA-sponsored students, visiting the family members of students who had departed during the course of their study or for any other reasons as considered necessary for the student and their family to know that JPA is deeply concerned and constantly monitors and cares for all JPA-sponsored students.

Selain daripada itu, lawatan-lawatan ini juga dibuat bagi mendapatkan informasi tambahan serta maklumat lanjut bagi kes pelajar yang dikategorikan sebagai bermasalah iaitu tidak dapat dihubungi melalui e-mel, telefon atau lain-lain medium sehingga memaksa JPA untuk menjelajah pelajar hingga ke alamat terakhir pelajar berkenaan (berdasarkan rekod JPA) sebelum sesuatu tindakan terhadap status penajaan pelajar dibawa untuk perakuan Jawatankuasa Biasiswa.

*In addition, these visits were also made for problematic cases to gather further information on students who were non-contactable via email, telephone or other mediums thereby requiring JPA to track students up to their last address (based on JPA records) before any action on the students' sponsorship status is approved by the Scholarship Committee.*

Tarikh	Profil Pelajar	Lokasi	Tujuan Lawatan
18 jan 2017 (Rabu)	Evon Goh Yi Wen (980113-04-5456) Taylor's University Lakeside Campus	Hospital Kuala Lumpur	Melawat Pelajar Sakit
16 Mei 2017 (Selasa)	Allahyarhamah Intan Waheeda binti Zulkarnain (950617-06-5146) Kejuruteraan Petroleum Universiti Teknologi Malaysia, Skudai	Klinik Zulkarnain, Temerloh, Pahang	Melawat Waris Pelajar (Pelajar Meninggal Dunia)
21 Jun 2017 (Rabu)	Allahyarham Muhammad bin Abdullah (940716-01-6391) Ilmu Wahyu Dan warisan Islam (Fiqh Dan Usul Al-Fiqh) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	Rumah waris pelajar di Taman Kelemak Perdana, Alor Gajah, Melaka	Melawat Waris Pelajar (Pelajar Meninggal Dunia)
24 jun 2017 (Sabtu)	Allahyarhamah Wan Munirah binti Wan Shuhaimi (920410-03-5938) Perubatan Universiti Sains Islam Malaysia	Rumah waris pelajar di Taman Sari, Kota Bharu, Kelantan	Melawat Waris Pelajar (Pelajar Meninggal Dunia)

### PROSES MEMBAWA PULANG PELAJAR TAJAAN JPA YANG MENGALAMI KEMALANGAN DI SWEDEN

Pada 26 Disember 2016, seorang pelajar tajaan JPA dalam bidang Matematik dan berada di tahun akhir pengajian di Universiti of Essex iaitu Nur Izzati Syazwana binti Zamri telah mengalami kemalangan sewaktu beliau dan rakan-rakan bercuti di Sweden. Oleh kerana kecederaan pelajar yang serius dan juga kos perubatan yang tinggi di Sweden, JPA membuat keputusan untuk membantu membawa pulang pelajar untuk dirawat di Malaysia.

### REPATRIATION PROCESS OF JPA-SPONSORED STUDENT INVOLVED IN AN ACCIDENT IN SWEDEN

*On 26 December 2016, a JPA-sponsored student in Mathematics and in the final year of her study at the University of Essex, Nur Izzati Syazwana binti Zamri was involved in an accident while vacationing with her friends in Sweden. Due to her serious injuries and steep medical costs in Sweden, JPA decided to help repatriate the student to be treated in Malaysia.*



Melawat waris pelajar di Temerloh, Pahang



Melawat pelajar sakit di Hospital Kuala Lumpur



Pesawat yang membawa pulang pelajar tiba di Terminal Subang Skypark



Pelajar dimasukkan ke wad di HKL bagi mendapatkan rawatan lanjut

Proses membawa pulang pelajar dilakukan dengan kerjasama Pejabat Kedutaan Sweden di Stockholm dan juga dengan bantuan pihak Hospital Kuala Lumpur. Penerbangan khas telah digunakan dari Sweden ke Lapangan Terbang Subang disebabkan keadaan fizikal pelajar yang tidak membenarkan beliau dibawa pulang menggunakan penerbangan komersial yang kosnya jauh lebih murah.

Pelajar tersebut telah selamat tiba di Lapangan Terbang Subang pada 28 Januari 2017 (Sabtu), dan terus dibawa ke HKL dengan diiringi sepasukan anggota perubatan yang terdiri daripada seorang doktor pakar, jururawat dan paramedik HKL. Pelajar telah diberikan rawatan lanjut ke HKL untuk rawatan lanjut dan kini pelajar telah menerima rawatan fisioterapi di Hospital Rehabilitasi Cheras.

*The process of repatriating the student is carried out in collaboration with the Swedish Embassy in Stockholm and with the help of Kuala Lumpur Hospital (HKL). A special flight was charted from Sweden to Subang Airport due to the physical condition of the student which did not allow her to be moved with commercial flights which would have been much cheaper.*

*The student arrived safely at Subang Airport on 28 January 2017 (Saturday), and was taken to HKL accompanied by a team of medical personnel comprising of a specialist, nurses and paramedics from HKL. The student was given further treatment in HKL and received physiotherapy treatment at the Cheras Rehabilitation Hospital.*

## PROSES MEMBAWA PULANG JENAZAH MENDIANG SOH ZHI MIN DARI EDINBURGH, SCOTLAND

Pada 1 Mei 2017 (Selasa), Bahagian Pembangunan Modal Insan telah menerima perkhabaran dari Pejabat PPL London bahawa seorang pelajar tajaan JPA telah meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya sewaktu dalam perjalanan ke kelas. Pelajar tersebut adalah mendiang Soh Zhi Min, pelajar University of Edinburgh, Scotland. Kemalangan tersebut berlaku pada 31 Mei 2017 (Rabu), jam 8.30 pagi waktu tempatan (3.30 petang waktu Malaysia).

Urusan membawa balik mayat pelajar telah dilaksanakan oleh PPL London dengan bantuan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London. Urusan di Scotland telah dilaksanakan sepenuhnya oleh PPL London. Perjumpaan dengan keluarga pelajar telah diadakan di rumah pelajar pada 2 Jun 2017 bagi membantu memberi sokongan emosi dan juga menjelaskan prosedur-prosedur yang akan dan telah dilaksanakan oleh JPA.

Seramai 3 orang pegawai BMI dan 2 orang pegawai dari Bahagian Pengurusan Psikologi terlibat dalam perjumpaan tersebut. Jenazah mendiang telah dibawa balik pada 9 Jun 2017 (Jumaat) melalui penerbangan MAS dengan diiringi oleh ibu bapa mendiang dan tiba di KLIA pada 10 Jun 2017 dan disambut oleh pegawai BMI. Urusan di KLIA dikendalikan oleh pegawai-pegawai BMI, JPA sehingga penghantaran ke tempat pengebumian di Nirvana Memorial Center.



En. Yusri menjelaskan situasi terkini mengenai kes kemalangan pelajar dan berbincang dengan keluarga

## REPATRIATION PROCESS OF THE REMAINS OF THE LATE SOH ZHI MIN FROM EDINBURGH, SCOTLAND

*On 1 May 2017 (Tuesday), the Human Capital Development Division received news from the London PPL Office that a JPA-sponsored student died of a road tragedy while on her way to class. The student was the late Soh Zhi Min, a medical student of the University of Edinburgh, Scotland. The accident took place on 31 May 2017 (Wednesday), at 8.30am local time (3.30pm Malaysia time).*

*The repatriation of the student's remains was executed by the London PPL with the help of the Malaysian High Commissioner in London. All affairs in Scotland was fully implemented by the London PPL. A meeting with the student's family was held at the student's home on 2 June 2017 to help provide emotional support as well as to explain the procedures to be implemented by the JPA.*

*Three BMI officers and 2 officers from the Psychological Management Division were involved in the meeting. Her remains was brought back on 9 June 2017 (Friday) via a MAS flight accompanied by the deceased's parents which arrived at KLIA on 10 June 2017, greeted by BMI officials. Matters at KLIA was arranged by BMI officers from JPA until the delivery of the late Soh Zhi Min's remains to her funeral at Nirvana Memorial Centre.*



Ketibaan jenazah mendiang pelajar di Nirvana Memorial Center



Sumbangan JPA kepada keluarga pelajar

# LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

## IN-SERVICE TRAINING

### BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG

Program Biasiswa Yang Di-Pertuan Agong (BYDPA) telah mula diperkenalkan pada tahun 2006. Biasiswa ini diperkenalkan bagi mengiktiraf kebolehan luar biasa seseorang calon, di samping memberi peluang untuk mereka melanjutkan pengajian di peringkat pasca ijazah (Sarjana dan Ph.D) di dalam dan di luar negara.

Sebanyak 11 sesi penawaran telah dilaksanakan dengan menaja seramai 129 orang pelajar iaitu 65 orang pelajar di peringkat Ph.D dan 64 orang pelajar di peringkat Sarjana. Bidang pengajian pula meliputi empat (4) bidang utama iaitu Sains & Teknologi, Ekonomi, Undang-undang dan Kewangan Islam.

Bagi sesi pengajian 2017/2018, seramai 12 orang calon telah ditawarkan biasiswa ini iaitu enam (6) orang bagi peringkat Ph.D dan (6) orang bagi peringkat Sarjana.

Majlis penyampaian biasiswa ini telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V pada 24 Mei 2017.

### HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN DAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA

Mula diperkenalkan sejak tahun 1960, objektif utama program adalah untuk menyumbang ke arah peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan Kerajaan melalui peningkatan kemahiran/kepakaran dan ilmu pengetahuan di peringkat yang lebih tinggi.

Penajaan Program HLP adalah untuk Pegawai Kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) merangkumi Perkhidmatan Gunasama dan Bukan Gunasama. Penawaran CBBPTB pula adalah untuk Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dalam Perkhidmatan Gunasama sahaja yang diuruskan oleh JPA.

### THE KING'S SCHOLARSHIP PROGRAMME

*The King's Scholarship Program (BYDPA) was introduced in 2006. The scholarship was introduced to recognise the candidates' extraordinary capabilities while providing them opportunities to pursue postgraduate degrees (Master and PhD) within Malaysia and overseas.*

*A total of 11 offering sessions were implemented by sponsoring 129 students, 65 PhD students and 64 Master-level students. The scholarship covers four major fields, namely Science & Technology, Economics, Law and Islamic Finance.*

*For the 2017/2018 study session, 12 candidates were awarded the scholarship with six PhD students and six Master students.*

*The scholarship awards ceremony was officiated by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V on 24 May 2017.*

### FEDERAL TRAINING PRIZES (HLP) AND FULL-PAY STUDY LEAVE WITHOUT SCHOLARSHIPS (CBBPTB)

*Introduced in 1960, the main objective of the program is to contribute towards enhancing delivery quality of Government services through the improvement of skills / expertise and knowledge.*

*The HLP Program is for Government Officers in the Management and Professional Groups (P&P) covering Shared and Non-Shared Services. The CBBPTB on the other hand is only offered to Management and Professional (P&P) Government Officers in the Shared Services managed by the JPA.*



DYMM Tuanku Yang Di-Pertuan Agong bersama penerima BYDPA 2017

Bagi tahun 2017, sebanyak 950 permohonan HLP telah layak dipertimbangkan merangkumi Sarjana dan Ph.D. Pengiklanan kemudahan ini telah dibuat bermula 5 Julai sehingga 18 Ogos 2017 dan sesi temuduga telah dijalankan pada 27 September sehingga 3 Oktober 2017 bertempat di Institut Kemajuan Desa (INFRA), Bangi.

Kesemua permohonan ini sedang dalam proses tapisan akhir dan hanya 430 tempat akan ditawarkan dengan 70% daripadanya untuk Skim Perkhidmatan Gunasama Persekutuan manakala 30% untuk Skim Perkhidmatan Bukan Gunasama Persekutuan.


Bagi kemudahan CBBPTB pula, hanya 100 tempat akan ditawarkan kepada calon yang layak.

*In 2017, a combined total of 950 Master and PhD HLP applications were considered. The advertisement of the facility was made from 5 July to 18 August 2017 and interview sessions were held from 27 September until 3 October 2017 at the Institute for Rural Advancement (INFRA), Bangi.*

*The applications are in the final screening process where only 430 applicants will be offered; 70% of them are for Federal Shared Services Scheme while 30% are for Federal Non-Shared Service Scheme.*

*As for CBBPTB, only 100 places will be offered to eligible candidates.*

## STATISTIK HLP



## Jumlah Tajaan HLP



Pembentangan calon Ph.D mengenai cadangan topik kajian

## CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN BIASISWA KUMPULAN PELAKSANA (CBBPDBKP)

Selaras dengan Bajet Tahun 2017, kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa (CBBPDBKP) akan diberikan kepada Kumpulan Pelaksana. Kemudahan ini bertujuan untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat bagi memberi peluang kepada Kumpulan Pelaksana untuk meningkatkan pengetahuan melalui sijil-sijil akademik dan latihan kemahiran yang diiktiraf sesuai dengan keperluan perjawatan dan perkhidmatan yang diberikan di samping membuka peluang Kumpulan Pelaksana mempertingkatkan kemajuan kerjaya yang boleh menjana pendapatan yang lebih tinggi.

Bagi tahun 2017, sebanyak 716 permohonan CBBPDBKP telah layak dipertimbangkan untuk ditemu duga oleh JPA dan telah dipanggil untuk menghadiri sesi temu duga merangkumi bidang berikut:

- Bidang Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) di peringkat Sijil dan Diploma yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK);
- Bidang keperluan guna tenaga Perkhidmatan Awam bagi kemasukan Diploma dan Ijazah Pertama kecuali bidang profesional/ kritikal seperti Perubatan, Pergigian, Farmasi, Veterinar dan Undang-Undang; dan
- Bidang Pendidikan terhad kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan sahaja.

Pengiklanan kemudahan ini telah dibuat bermula 21 Ogos sehingga 15 September 2017 dan sesi temuduga telah dilaksanakan pada 7 November sehingga 9 November 2017 bertempat di Institut Kemajuan Desa (INFRA), Bangi.

Keputusan penawaran CBBPDBKP Sesi Pengajian 2018 dijangka akan diumumkan pada bulan Disember.

## FULL-PAY STUDY LEAVE WITH SCHOLARSHIP FOR SUPPORT GROUP (CBBPDBKP)

*In line with Budget 2017, Support Group shall be provided with Full-Pay Study Leaves with Scholarship (CBBPDBKP). This facility is aimed at promoting lifelong learning to provide opportunities for Support Staff to enhance their knowledge through academic certificates and recognised skills-training in line with the needs of their posts and services provided while opening opportunities for career advancement to generate higher incomes.*

*In 2017, a total of 716 CBBPDBKP applications were eligible for consideration by JPA and had been called to attend an interview session covering the following areas:*

- *Technical and Vocational Education and Training (TVET) Field at Certificate and Diploma levels accredited by the Department of Skills Development (JPK);*
- *Public Service fields requiring manpower for Diploma and First-Degree intakes except in professional / critical fields such as Medicine, Dentistry, Pharmacy, Veterinary and Law; and*
- *The Education Field is limited to Education Service Officer only.*

*The advertisement of the facility was made from 21 August until 15 September 2017 and the interview session was held from 7 November until 9 November 2017 at the Institute for Rural Advancement (INFRA), Bangi.*

*The results for the offering of CBBPDBKP for the 2018 Study Session is expected to be announced in December 2017.*



Sesi temuduga calon-calon CBBPDBKP



Pembentangan hasil perbincangan



## PROGRAM PEMBANGUNAN KEPIMPINAN KUMPULAN PERTENGAHAN

### Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 48-54

Program Pembangunan Kepimpinan Kumpulan Pertengahan: Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 48-54 bertujuan membangunkan modal insan yang kompeten (berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai sikap bersesuaian) agar melahirkan Penjawat Awam yang kreatif dan inovatif dalam menjalankan tugas, berbakat dan berpotensi tinggi untuk melaksanakan tanggungjawab yang lebih kompleks serta mencabar.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama strategik bersama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Razak School of Government (RSOG). Keputusan ini dibuat berdasarkan peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 yang menetapkan bahawa kapasiti dan keupayaan INTAN dan RSOG dalam membangunkan pemimpin sektor awam akan diperkuuhkan.

## LEADERSHIP DEVELOPMENT PROGRAMME FOR MIDDLE MANAGEMENT OFFICERS

### Management & Professional Group Grade 48-54

*The programme seeks to develop competent human resources (knowledgeable and skilled with appropriate attitude) to yield creative and innovative Public Servants in implementing their duties, talented and with high potential in carrying out more complex and challenging responsibilities.*

*The program was implemented in collaboration with the National Institute of Public Administration (INTAN) and the Razak School of Government (RSOG). This decision was based on the provisions in the 11th Malaysia Plan which stipulates the strengthening of capacity and capabilities of INTAN and RSOG in developing public sector leaders.*

## PROGRAM YANG TELAH DILAKSANAKAN

### IMPLEMENTED PROGRAMMES

1

Evolving Leaders Programme (ELP):  
Stakeholder Engagement: Creative  
Solutions for Collaboration-Australia-  
New Zealand School of Government  
(ANZSOG)

2

Evolving Leaders Programme (ELP):  
Strategic Branding and Leadership  
- Oxford University's Said Business  
School, UK

3

Evolving Leaders Programme (ELP):  
Razak School of Government (RSOG)

4

Evolving Leaders Programme (ELP)  
and Design Thinking Experience (DTE)  
3 + 1 / Genovasi Malaysia

5

Forum Kepimpinan Muda  
(Young Leaders Forum):  
Razak School of Government (RSOG)

## PROGRAM PERTUKARAN BELIA MALAYSIA- KOREA 2017

Delegasi seramai 15 orang pegawai Kerajaan Korea Selatan yang terlibat dalam pembangunan belia telah mengadakan lawatan kerja ke Malaysia selama sepuluh (10) hari pada 8 September hingga 17 September 2017. Lawatan ini merupakan lawatan tahunan di bawah Program Pertukaran Belia Malaysia – Korea. Program ini adalah salah satu program di bawah Dasar Pandang ke Timur yang telah dilaksanakan sejak dari tahun 1995. Program ini adalah anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) dengan kerjasama Korea Youth Work Agency (KYWA).

Objektif utama lawatan kerja ini adalah untuk memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin belia Korea mempelajari dan menghayati budaya

## MALAYSIA-KOREA INTERGOVERNMENTAL YOUTH LEADERS EXCHANGE PROGRAMME 2017

*A delegation of 15 South Korean Government officials involved in youth development made its annual working visit to Malaysia for 10 days from 8 – 17 September 2017 under the Malaysia-Korea Youth Exchange Programme. It is one of the programs under the Look East Policy which has been implemented since 1995. The programme is organised by the JPA in collaboration with the Korea Youth Work Agency (KYWA).*

*The main objective of the working visit is to provide opportunities for Korean youth leaders to study and appreciate the positive culture and values of Malaysian society, to get an overview of the functions and roles of the Malaysian Government's administration and to build*



dan nilai-nilai positif masyarakat Malaysia, mendapatkan makluman tentang fungsi dan peranan jentera pentadbiran Kerajaan di Malaysia dan seterusnya membina peluang untuk jaringan kerjasama dengan badan sukarela dan Agensi Kerajaan di Malaysia. Lawatan ini juga dapat mengeratkan hubungan rapat antara masyarakat Malaysia dan Korea.

Sepanjang tempoh lawatan kerja tersebut, delegasi yang diketuai Mr. Jang You Nam (Timbalan Pengarah *Ministry of Gender Equality and Family*) telah dibawa melawat ke Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA), Yayasan Sukarelawan Siswa, Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Orang Kurang Upaya (PLPP), Pusat Permata Negara, Majlis Belia Malaysia, GIATMARA dan beberapa lagi Agensi Kerajaan yang berkaitan dengan belia.

*networking opportunities with volunteer Agencies and Government Agencies in Malaysia. This visit also develops close ties between the Malaysian and Korean communities.*

*During the visit, the Korean delegation headed by Mr. Jang You Nam (Deputy Director of the Ministry of Gender Equality and Family) visited the JPA, the Student Volunteers Foundation, Industrial Training and Rehabilitation for the Disabled (PLPP), PERMATA Negara Centre, Malaysian Youth Council, GIATMARA and other youth-related Government Agencies.*

## PROGRAM PEMBANGUNAN EKSEKUTIF (EDP)

Program Pembangunan Eksekutif (EDP) merupakan program teras di bawah Dasar Pandang ke Timur (LEP) iaitu dibawah LEP : 1984 hingga 2015 dan LEP 2.0 : 2016 hingga 2020. Program ini merupakan kerjasama antara Malaysia (JPA) dengan Republik Korea (NHI). Pelaksanaan program ini telah bermula 33 tahun lalu sejak tahun 1984 hingga kini.

Objektif program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai Kerajaan Malaysia tentang falsafah dan nilai-nilai positif yang dimiliki oleh pegawai Kerajaan Korea hingga berjaya menjadikan negara mereka sebagai sebuah negara maju.

Selain itu, ia juga memberi peluang kepada peserta bagi menganalisis serta melakukan pemerhatian terus mengenai dasar serta polisi semasa Republik Korea dalam pentadbiran negara dan pembangunan sumber manusia.

## EXECUTIVE DEVELOPMENT PROGRAMME (EDP)

*The Executive Development Programme (EDP) is a core program under the Look East Policy (LEP) under LEP: 1984 to 2015 and LEP 2.0: 2016 to 2020. This programme is a collaboration between Malaysia (JPA) and the Republic of Korea (NHI). The implementation of this program had started 33 years ago since 1984 until now.*

*The objective of the programme was to provide exposure to Malaysian Government officials on the positive philosophy and values owned by Korean Government officials that had successfully transform their country into a developed nation.*

*In addition, it also gives participants the opportunity to analyse and observe the current policies of the Republic of Korea in the country's administration and human resource development.*

Executive Development Program (EDP) For Senior (Grade 48-54)  
22 Okt – 3 Nov 2017

01

Executive Development Program (EDP) For Junior (Grade 41-44)  
17 Jul – 28 Jul 2017

02

Executive Development Program (EDP) For Supporting Group (Grade 29-40)  
22 Okt – 3 Nov 2017

03

20  
Peserta setiap program

### Fakta Program EDP 2017



Peserta Program EDP di NHI Korea  
EDP Programme Participants in NHI Korea

# MAJLIS AMANAT PERDANA PERKHIDMATAN AWAM (MAPPA XV)

## CIVIL SERVICE PREMIER ASSEMBLY (MAPPA XV)



Majlis Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) mula diperkenalkan sejak tahun 2000 sebagai salah satu platform untuk seluruh Penjawat Awam menghayati aspirasi dan hasrat pucuk kepimpinan tertinggi negara melalui amanat yang disampaikan oleh YAB Perdana Menteri. Majlis ini amat signifikan dalam usaha memartabatkan Perkhidmatan Awam dan memacu Malaysia ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Majlis MAPPA XV telah berlangsung pada 3 Oktober 2017 di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). MAPPA XV kali ini menyaksikan lebih dari 6,000 Penjawat Awam dari pelbagai skim perkhidmatan hadir untuk mendengar amanat daripada YAB Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak.

*The Civil Service Premier Assembly (MAPPA XV) was first held in 2000 as a platform for Public Servants to embrace the aspirations and desires of the top leadership of the nation through a mandate delivered by the Prime Minister. The event is highly significant especially in transforming the Public Service and elevating Malaysia into the status of a high income developed nation by 2020.*

*The Civil Service Premier Assembly (MAPPA XV) was held on the 3rd of October 2017 at the Plenary Hall, Putrajaya Convention Centre (PICC) and attended by more than 6,000 Public Servants from all schemes of service.*


Semasa majlis tersebut, beliau telah menyentuh 6 falsafah Perkhidmatan Awam menuju Transformasi Nasional 2050 (TN50) iaitu:

1. Kerangka Manhaj Syariah
2. Tahun 2017 sebagai Tahun Penyampaian
3. Prinsip Wala' dan Kesetiaan
4. Budaya Kerja di Luar Kelaziman
5. Revolusi Perindustrian Keempat dan Ekonomi Digital Menuju TN50, dan
6. Kecemerlangan Setanding Duniawi & Kecemerlangan Setanding Ukhrawi.

Selain daripada itu, antara intipati majlis amanat ini termasuk:

- usaha Mendepani Mehnah dan Meraikan Pencapaian yang meliputi "The New Order" Geopolitik & Keamanan, Melakar Landskap Baharu Iktisad (Ekonomi) Negara, Memelihara Kepentingan Dan Memenuhi Kehendak Rakyat dan Menyongsong Masa Depan dengan TN50;
- melakar Perjalanan Mendakapi Aspirasi TN50 yang meliputi 5 fasa bermula daripada Fasa 2020 sehingga Fasa 2050; dan
- kesetiaan Dalam Penyampaian Demi Kesejahteraan Rakyat Dan Negara yang meliputi Kerajaan Membela Rakyat, Kepatuhan kepada Peraturan dan Ikrar Penjawat Awam.

Majlis amanat ini telah disiarkan secara langsung menerusi RTM TV1 bermula jam 9.30 sehingga 11.30 pagi dan turut diserikan lagi dengan pelancaran buku "Falsafah Asas TN50" yang dihasilkan dengan kerjasama pihak Pejabat Perdana Menteri dan Yayasan Penyelidikan Transformasi (FORT).



*In his keynote address, the Prime Minister elaborated on the following six philosophies for the Public Service towards the realisation of National Transformation 2050 (TN50):*

1. *The Manhaj Maqasid Syariah Framework*
2. *2017 as the Year of Delivery*
3. *Principles of Loyalty and Allegiance*
4. *A work culture that goes "beyond the norm"*
5. *The fourth industrial revolution and digital economy towards TN50, and*
6. *Par excellence worldly and after life*

*In addition, the Prime Minister also stressed on:*

- *The efforts to meet and achieve objectives related to "The New Order" in geopolitics and security, outlining a new economic landscape (economy), protecting the interests and fulfilling the wishes of the people, and looking towards the future with TN50;*
- *designing the way forward towards achieving TN50 Aspirations covering five phases beginning from Phase 2020 to Phase 2050; and*
- *diligence in delivery for the wellbeing of the nation and Rakyat under the principles of a Government that protects the Rakyat, and adherence to the Rules and Pledges of the Public Service.*

*The ceremony was broadcast live on RTM TV1 from 9.30am to 11.30am. It was followed by the launching of the 'Basic Philosophy of TN50' book produced in collaboration between the Prime Minister's Office and the Transformation Research Foundation (FORT).*

# INTAN ROYAL TALK 2017



Program *INTAN Royal Talk* 2017 telah diadakan pada 15 Ogos 2017 (Selasa) dan ia merupakan satu platform atau wadah kepada tetamu jemputan DiRaja untuk berkongsi pengalaman, ilmu dan nasihat dalam mengukuhkan lagi kualiti Perkhidmatan Awam pada amnya, dan juga mengenai peranan Institusi DiRaja dalam perlumbagaan dan penghayatan prinsip Rukun Negara.

Pada kali ini, INTAN amat berbesar hati di atas kesudian Yang Maha Mulia Tuanku Dr. Tengku Muhammad Fa-Iz Petra Ibni Sultan Ismail Petra, Pemangku Raja Kelantan mencemar duli untuk berkongsikan titah baginda yang bertajuk "Symbiosis Raja dan Rakyat" kepada Penjawat Awam yang dijemput hadir di Auditorium, INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

*INTAN Royal Talk 2017 is an INTAN Bitara Programme which is the highlight of Bitara programs implemented throughout 2017. The INTAN Royal Talk 2017 was held on 15 August 2017 (Tuesday) as a platform for invited Royal guests to share experiences, knowledge and advice in strengthening the Public Service's quality in general, as well as the role of the Royal Institutions in the constitution and appreciation of the National Principles of Malaysia.*

*This time, INTAN was graced by His Majesty, Tuanku Dr. Tengku Muhammad Fa-Iz Petra Ibni Sultan Ismail Petra, Regent of Kelantan, who shared his address entitled "Symbiosis between the King and Rakyat" to Public Servants who were invited to attend the address at the Auditorium, INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur.*



Ucapan alu-aluan *INTAN Royal Talk 2017* ini telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara. Turut hadir bersama adalah YBhg. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, YBhg. Dato' Sri Zainal Rahim Seman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBrs. Dr. Mohd Gazali Abas, Pengarah INTAN, Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri dan Persekutuan, YBhg. Dato' Dr. Mazlan Bin Yusoff, Ketua Pengarah MAMPU, dan Pengarah-Pengarah Bahagian Jabatan Perkhidmatan Awam.

*INTAN Royal Talk 2017's welcome speech was delivered by Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Chief Secretary to the Government. Also present was Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Minister of International Trade and Industry, Tan Sri Zainal Rahim Seman, Director General of Public Services, Dr. Mohd Gazali Abas, Director of INTAN, Secretary General of Ministries, State and Federal Secretariats, Dato' Dr. Mazlan Bin Yusoff, Director General of MAMPU and Divisional Directors of the Public Service.*

# ANUGERAH DAN PENGIFTIRAFAN JPA 2017

## JPA AWARDS AND RECOGNITIONS 2017

PELAKSANAAN PROGRAM KUALITI DAN INOVASI JPA TAHUN 2017	<b>JPA QUALITY AND INNOVATION PROGRAMME 2017</b>
<p>Pelaksanaan Program Kualiti dan Inovasi JPA Tahun 2017 adalah sebagai langkah untuk merangsang persekitaran dan membentuk ekosistem yang menggalakkan inovasi serta kualiti di kalangan warga JPA amnya dan warga Perkhidmatan Awam khususnya. Sebagai usaha ke arah meraih inovasi dan kreativiti, beberapa program telah dirancang dan dilaksanakan, antaranya ialah:</p>	<p><i>The implementation of the JPA Quality and Innovation Program 2017 was to enhance the current working environment to help create an inspiring ecosystem to encourage innovation and quality among JPA staff and the Public Service. In an effort to achieve innovation and creativity, several programs were planned and implemented, which includes:</i></p>
EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)	<b>PUBLIC SECTOR CONDUCIVE ECOSYSTEM (EKSA)</b>
<p><b>1. Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam JPA</b></p> <p>JPA telah menerima kunjungan pihak MAMPU pada 22 hingga 24 Mei 2017 yang diketuai oleh Encik Sharul Nizal bin Sharippudin dan dua (2) Juruaudit bagi pelaksanaan Audit Pensijilan EKSA yang melibatkan 10 Zon EKSA di Blok C1, C2 dan C3. Sebanyak lima (5) komponen audit yang dinilai sepanjang pengauditan tersebut.</p> <p>Secara keseluruhannya, pihak MAMPU berpuas hati dengan tahap pelaksanaan EKSA di JPA serta komitmen yang ditunjukkan oleh warganya. JPA secara rasminya telah menerima Sijil Pengiktirafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Kategori Cemerlang pada 1 Jun 2017 oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri. Penyampaian Sijil Pengiktirafan EKSA oleh Ketua Pengarah</p>	<p><b>1. JPA's Public Sector Conducive Ecosystem Certification</b></p> <p><i>JPA was visited by MAMPU from 22 to 24 May 2017, whose team was headed by Mr. Sharul Nizal bin Sharippudin and two Auditors to implement the EKSA Certification Audit which involved 10 EKSA Zones in Block C1, C2 and C3. Five audit components were assessed during the audit.</i></p> <p><i>Overall, MAMPU was satisfied with the implementation level of EKSA in JPA and in the commitment showed by its staff. JPA had officially received the Public Sector Conducive Ecosystem (EKSA) Certificate of Excellence on 1 June 2017 by the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) of the Prime Minister's Department. The EKSA Certification was awarded by the Director General of MAMPU, Dato' Dr. Mazlan Yusoff to the Public Service Director</i></p>



MAMPU, YBhg. Dato' Dr. Mazlan Yusoff kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Dato' Sri Zainal Rahim Seman telah disempurnakan pada 21 Jun 2017 di Auditorium JPA semasa Majlis Perhimpunan Bulanan JPA.

Semoga pengiktirafan ini memberi semangat kepada warga JPA untuk mengekalkan persekitaran yang lebih kondusif di tempat kerja dan secara tidak langsung meningkatkan motivasi serta mutu kerja di kalangan warga.

*General, Tan Sri Zainal Rahim Seman on the 21st of June 2017 at the JPA Auditorium during the JPA Monthly Assembly.*

*Hopefully, this recognition will encourage JPA staff to maintain a more conducive workplace environment and indirectly increase their motivation and work quality.*

## PENSIJILAN MS ISO 9001:2015 JPA OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.

